

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
(Perintah di bawah bab 83(3))**

**PERINTAH DARURAT (PATEN), 1999**

**SUSUNAN BAB-BAB**

**Bab**

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

1. Gelaran pendek, permulaan kuatkuasa, gelaran panjang dan pengenaan.
2. Tafsiran.
3. Pengenaan kepada Kerajaan.

**BAHAGIAN II**

**PENTADBIRAN**

4. Pendaftar Paten dan pegawai-pegawai lain.
5. Perwakilan oleh Pendaftar.
6. Pejabat Pendaftaran Paten.
7. Meterai Pejabat Pendaftaran.
8. Kuasa-kuasa Pendaftar.
9. Tidak mematuhi saman menjadi suatu kesalahan.
10. Enggan memberi keterangan menjadi suatu kesalahan.
11. Pegawai-pegawai tidak boleh memperdagangkan rekacipta.
12. Pegawai-pegawai tidak boleh memberi maklumat.

**BAHAGIAN III**

**SESUAI UNTUK DIPATENKAN**

13. Rekacipta yang sesuai untuk dipatenkan.

14. Kebaharuan.
15. Langkah yang berdaya cipta.
16. Kegunaan industri.
17. Tarikh keutamaan.
18. Pendedahan perkara, dll., antara permohonan-permohonan terdahulu dan kemudian.

#### **BAHAGIAN IV**

##### **HAK UNTUK MEMOHON DAN MENDAPATKAN PATEN**

19. Hak untuk memohon dan mendapatkan paten.
20. Hak terhadap suatu paten.
21. Peruntukan-peruntukan tambahan.
22. Pengendalian permohonan oleh pemohon-pemohon bersama.
23. Kesan pemindahan permohonan di bawah bab 22.
24. Penyebutan perekacipta.

#### **BAHAGIAN V**

##### **PERMOHONAN UNTUK PATEN**

25. Membuat permohonan.
26. Tarikh memfailkan permohonan.
27. Penyiaran permohonan.

#### **BAHAGIAN VI**

##### **PROSEDUR PEMBERIAN PATEN**

28. Pemeriksaan tentang bentuk.
29. Carian terkini.
30. Syarat-syarat pemberian paten.
31. Kuasa am untuk meminda permohonan sebelum diberikan.

32. Sekatan ke atas permohonan-permohonan di luar negeri oleh pemastautin Negara Brunei Darussalam.
33. Larangan terhadap penyiaran maklumat mengenai rekacipta bagi kepentingan pertahanan.
34. Kesan perintah larangan ke atas permohonan.

#### **BAHAGIAN VII**

##### **PERUNTUKAN-PERUNTUKAN TENTANG PATEN SETELAH DIBERIKAN**

35. Penyiaran dan sijil pemberian.
36. Tempoh paten.
37. Paten tidaklah boleh dipersoalkan kerana tiada penyatuan.
38. Kuasa am untuk meminda spesifikasi selepas pemberian.
39. Pemasukan semula paten yang telah luput.
40. Penyerahan paten.

#### **BAHAGIAN VIII**

##### **HARTA PATEN DAN PERMOHONAN UNTUK PATEN DAN PENDAFTARAN**

41. Jenis, dan transaksi dalam, paten dan permohonan untuk paten.
42. Daftar paten.
43. Kesan pendaftaran, dll., mengenai hak ke atas paten.
44. Pembetulan Daftar.
45. Keterangan Daftar, dokumen, dll.
46. Pemilikan bersama paten dan permohonan untuk paten.
47. Pemutusan hak terhadap paten atau permohonan untuk suatu paten.
48. Kesan pemindahan paten atau permohonan paten di bawah bab 47.

**BAHAGIAN IX**

**HAK YANG DIBERIKAN**

49. Larangan untuk mengerjakan rekacipta secara langsung.
50. Larangan untuk mengerjakan rekacipta secara tidak langsung.

**BAHAGIAN X**

**KONTRAK TENTANG PRODUK BERPATEN**

51. Pengelakan syarat-syarat terbatas yang tertentu.
52. Pemutusan bahagian-bahagian kontrak yang tertentu.

**BAHAGIAN XI**

**LESEN HAK DAN LESEN WAJIB**

53. Lesen hak.
54. Pembatalan catatan yang dibuat di bawah bab 53.
55. Lesen wajib.
56. Perjalanan kuasa atas permohonan di bawah bab 55.
57. Peruntukan-peruntukan tambahan.

**BAHAGIAN XII**

**PENGGUNAAN REKACIPTA BERPATEN UNTUK  
PERKHIDMATAN KERAJAAN**

58. Penggunaan rekacipta berpaten untuk perkhidmatan Kerajaan.
59. Tafsiran, dll., peruntukan-peruntukan tentang penggunaan Kerajaan.
60. Jenis dan bidang hak di bawah bab 58.
61. Tuanpunya paten berhak mendapat ganjaran.
62. Hak-hak pihak ketiga berkaitan dengan penggunaan Kerajaan.
63. Rujukan pertikaian tentang penggunaan Kerajaan.

64. Peruntukan-peruntukan khas tentang penggunaan Kerajaan dalam masa darurat.
65. Kewajipan untuk memberitahu tuannya paten.

### **BAHAGIAN XIII**

#### **PELANGGARAN PATEN**

66. Makna pelanggaran.
67. Prosiding kerana melanggar paten.
68. Pembatalan beban untuk membuktikan.
69. Sekatan ke atas mendapatkan kembali gantirugi kerana pelanggaran.
70. Pelepasan kerana melanggar paten yang sah sebahagiannya.
71. Hak untuk terus menggunakan bermula sebelum tarikh memfailkan atau tarikh keutamaan.
72. Perakuan tentang kesahan paten yang dipertikaikan.
73. Prosiding kerana pelanggaran yang dilakukan oleh pemilik bersama.
74. Prosiding kerana pelanggaran yang dilakukan oleh pemegang lesen eksklusif.
75. Kesan tidak mendaftarkan ke atas prosiding pelanggaran.
76. Pelanggaran hak-hak yang diberikan dengan penyiaran permohonan.
77. Remedi kerana ancaman tidak berasas dengan prosiding pelanggaran.
78. Perisytiharan tentang bukan pelanggaran.

### **BAHAGIAN XIV**

#### **PEMBATALAN PATEN DAN ISU MENGENAI KESAHAN**

79. Maklumat mengenai keputusan permohonan-permohonan antarabangsa yang sama atau permohonan-permohonan lain.

80. Kuasa untuk membatalkan paten atas permohonan.
81. Kuasa Pendaftar untuk membatalkan paten.
82. Prosiding di mana kesahan paten boleh dipersoalkan.

#### **BAHAGIAN XV**

##### **PINDAAN PATEN DAN PERMOHONAN**

83. Pindaan paten dalam prosiding pelanggaran atau pembatalan.
84. Pindaan permohonan dan paten hendaklah tidak termasuk perkara tambahan.

#### **BAHAGIAN XVI**

##### **PERUNTUKAN-PERUNTUKAN TENTANG KONVENSYEN ANTARABANGSA**

85. Kesan memfailkan permohonan antarabangsa untuk paten.
86. Fasa antarabangsa dan nasional permohonan.
87. Penyesuaian peruntukan-peruntukan berkenaan dengan permohonan antarabangsa.
88. Keterangan tentang Triti Kerjasama Paten dan suratcaranya.
89. Negara-negara konvensyen.

#### **BAHAGIAN XVII**

##### **PROSIDING UNDANG-UNDANG**

90. Prosiding di hadapan mahkamah.
91. Rayuan-rayuan dari keputusan Pendaftar.
92. Kuasa-kuasa am mahkamah.
93. Perjalanan kuasa-kuasa budibicara Pendaftar.
94. Hak untuk didengar dalam prosiding paten.
95. Perluasan keistimewaan bagi perhubungan dengan peguamcara berkenaan dengan prosiding paten.
96. Keistimewaan bagi perhubungan dengan ejen paten berdaftar.

97. Kos dan perbelanjaan dalam prosiding di hadapan Pendaftar.
98. Lesen-lesen diberikan dengan perintah Pendaftar atau mahkamah.

#### **BAHAGIAN XVIII**

##### **KESALAHAN-KESALAHAN**

99. Pemalsuan Daftar, dll.
100. Tuntutan tanpa kebenaran terhadap hak paten.
101. Tuntutan tanpa kebenaran bahawa paten telah dipohonkan.
102. Penyalahgunaan tajuk "Pejabat Pendaftaran Paten".
103. Kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh perbadanan dan perkongsian.

#### **BAHAGIAN XIX**

##### **EJEN PATEN**

104. Pendaftaran ejen paten.
105. Orang-orang yang berhak menyatakan diri mereka sebagai ejen-ejen paten.

#### **BAHAGIAN XX**

##### **RAMPAIAN DAN AM**

106. Kekebalan Kerajaan, pegawai-pegawai dan Pemeriksa-Pemeriksanya.
107. Pembetulan kesalahan dalam paten dan permohonan.
108. Maklumat mengenai permohonan paten dan paten, dan pemeriksaan dokumen.
109. Penyampaian melalui pos.
110. Lanjutan masa.
111. Waktu urusan Pejabat Pendaftaran dan hari-hari yang dikecualikan.

**WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

112. Hak Kerajaan untuk menjual barang-barang yang dirampas.
113. Takat rekacipta.
114. Kehendak berkenaan dengan contoh-contoh mikro-organisma.
115. Peraturan-peraturan.
116. Pemansuhan.
117. Peruntukan-peruntukan peralihan.



Bil. S 59

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
(Perintah di bawah bab 83(3))

**PERINTAH DARURAT (PATEN), 1999**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini membuat Perintah yang berikut —

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Paten), 1999 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada suatu tarikh sebagaimana yang mungkin ditetapkan, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* oleh Peguam Negara, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Gelaran pendek, permulaan kuatkuasa, gelaran panjang dan pengenalan.

(2) Peguam Negara boleh menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan bagi mula berjalan kuatkuasanya Bahagian-Bahagian atau peruntukan-peruntukan yang berlainan Perintah ini atau bagi maksud-maksud yang berlainan peruntukan yang sama.

(3) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah untuk membuat peruntukan bagi paten untuk rekacipta, bagi menguatkuasakan konvensyen antarabangsa tertentu mengenai paten dan untuk memansuhkan Akta Rekacipta dan bagi perkara-perkara yang berhubung dengannya".

Penggal 72.

(4) Perintah ini diperluaskan kepada —

(a) pesisir laut (iaitu kawasan yang diisytiharkan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan pada 30 Jun, 1954 dengan Perisytiharan Pesisir Laut 1954) dan perairan melampaui pesisir laut; dan

(b) ruang udara di atas Negara Brunei Darussalam dan pesisir laut.

2. (1) Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

Tafsiran.

"hari yang ditetapkan", dalam sebarang peruntukan Perintah ini, bermakna tarikh yang ditetapkan di bawah bab 1 bagi mula berjalan kuatkuasanya peruntukan itu;

"negara konvensyen" mempunyai makna yang ditentukan kepadanya menurut bab 89;

"Konvensyen mengenai Penerbangan Awam Antarabangsa" bermakna Konvensyen mengenai Penerbangan Awam Antarabangsa yang ditandatangani di Chicago pada 7 haribulan Disember, 1944;

"Konvensyen mengenai Pameran Antarabangsa" bermakna Konvensyen berhubung dengan Pameran Antarabangsa yang ditandatangani di Paris pada 22 haribulan November, 1928, sebagaimana yang dipinda atau ditambah dengan sebarang protokol kepada konvensyen tersebut yang berkuatkuasa pada masa itu;

"mahkamah" bermakna Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Perantaraan;

"tarikh memfailkan", berkenaan dengan —

(a) permohonan untuk suatu paten yang dibuat di bawah Perintah ini, bermakna tarikh memfailkan permohonan itu menurut bab 26; dan

(b) sebarang permohonan lain, bermakna tarikh yang akan disifatkan, di bawah undang-undang negara di mana permohonan itu dibuat atau menurut syarat-syarat suatu triti atau konvensyen di mana negara itu menjadi satu pihak, sebagai tarikh memfailkan permohonan itu di negara tersebut atau sama dengan tarikh memfailkan suatu permohonan di negara tersebut (apa pun keputusan permohonan itu);

"menetapkan", berkenaan dengan suatu permohonan antarabangsa atau suatu paten, bermakna menetapkan negara atau negara-negara (menurut Triti Kerjasama Paten) di mana perlindungan dipohonkan bagi rekacipta yang menjadi perkara permohonan antarabangsa atau paten tersebut;

"memilih", berkenaan dengan suatu permohonan antarabangsa untuk suatu paten, bermakna memilih negara atau negara-negara yang ditetapkan (menurut Triti Kerjasama

Paten) di mana pemohon bercadang hendak menggunakan hasil pemeriksaan permulaan antarabangsa;

"pekerja" bermakna seseorang yang bekerja atau (jika telah berhenti kerja) telah bekerja di bawah suatu kontrak pekerjaan atau diambil kerja di bawah atau bagi maksud-maksud sesebuah jabatan Kerajaan;

"majikan", berkenaan dengan seseorang pekerja, bermakna orang yang menggaji atau telah menggaji pekerja tersebut;

"Konvensyen Paten Eropah" bermakna Konvensyen mengenai Pemberian Paten Eropah yang ditandatangani di Munich pada 5 haribulan Oktober, 1973;

"Pejabat Paten Eropah" bermakna pejabat dengan nama tersebut yang ditubuhkan oleh Konvensyen Paten Eropah;

"Pemeriksa" bermakna orang, pertubuhan atau pejabat paten atau pertubuhan luar negeri atau antarabangsa sebagaimana yang mungkin ditetapkan yang kepadanya Pendaftar boleh merujuk persoalan-persoalan berkenaan dengan paten dan permohonan-permohonan paten, termasuk carian tentang rekaan terdahulu yang berkaitan, pemeriksaan dan pindaan permohonan-permohonan untuk paten dan paten-paten yang diberikan;

"lesen eksklusif" bermakna suatu lesen daripada tuannya atau pemohon untuk suatu paten yang memberikan kepada pemegang lesen, atau kepadanya dan orang-orang yang diberi kuasa olehnya, terkecuali semua orang lain (termasuk tuannya atau pemohon), sebarang hak berkaitan dengan rekacipta yang disebut dalam paten atau permohonan itu, dan "pemegang lesen eksklusif" dan "lesen bukan eksklusif" hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya;

"bayaran memfailkan" bermakna bayaran yang ditetapkan bagi maksud-maksud bab 25;

"kehendak-kehendak formal" bermakna kehendak-kehendak yang ditetapkan sedemikian menurut peraturan-peraturan yang dibuat bagi maksud-maksud bab 28;

"permohonan antarabangsa untuk suatu paten" bermakna suatu permohonan yang dibuat di bawah Tritis Kerjasama Paten;

"permohonan antarabangsa untuk suatu paten (Negara Brunei Darussalam)" bermakna suatu permohonan seperti itu yang, pada tarikh ia difailkan, menetapkan Negara Brunei Darussalam;

"Biro Antarabangsa" bermakna sekretariat Pertubuhan Harta Intelektual Dunia yang ditubuhkan menurut suatu konvensyen yang ditandatangani di Stockholm pada 14 haribulan Julai, 1967;

"pameran antarabangsa" bermakna suatu pameran antarabangsa rasmi atau diiktiraf secara rasmi yang termasuk di bawah syarat-syarat Konvensyen mengenai Pameran Antarabangsa atau yang termasuk di bawah syarat-syarat sebarang triti atau konvensyen yang kemudiannya yang menggantikan konvensyen itu;

"perekacipta", berkenaan dengan suatu rekacipta, bermakna pereka sebenar rekacipta tersebut dan "perekacipta bersama" hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya;

"gadai janji", apabila digunakan sebagai kata nama, termasuk suatu cagaran untuk mendapatkan wang atau yang boleh dinilai dengan wang dan, apabila digunakan sebagai kata kerja, hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya;

"Konvensyen Paris" bermakna Konvensyen bagi Perlindungan Harta Tanah Perindustrian yang ditandatangani di Paris pada 20 haribulan Mac, 1883;

"paten" bermakna suatu paten di bawah Perintah ini dan termasuk suatu paten yang berkuatkuasa menurut bab 117(4);

"Triti Kerjasama Paten" bermakna triti dengan nama tersebut yang ditandatangani di Washington pada 19 haribulan Jun, 1970;

"rekacipta berpaten" bermakna suatu rekacipta yang baginya suatu paten diberikan dan "proses berpaten" hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya;

"produk berpaten" bermakna suatu produk yang merupakan rekacipta berpaten atau, berkenaan dengan suatu proses berpaten, suatu produk yang diperolehi terus

melalui proses tersebut atau suatu produk yang telah menggunakan proses tersebut;

"orang" atau "pihak" termasuk Kerajaan;

"tarikh keutamaan" bermakna tarikh yang ditentukan sedemikian di bawah bab 17;

"menyiarkan" atau "disiarkan" bermakna menyediakan kepada orang ramai (sama ada di Negara Brunei Darussalam atau di tempat lain) dan suatu dokumen hendaklah dianggap sebagai disiarkan di bawah sebarang peruntukan Perintah ini jika dokumen itu dapat diperiksa sebagai hak di mana-mana tempat di Negara Brunei Darussalam oleh orang ramai, sama ada dengan membuat suatu bayaran atau tidak; dan "disiarkan semula" hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya;

"Daftar", apabila digunakan sebagai kata nama, bermakna Daftar Paten yang disimpan di bawah bab 42 atau Daftar orang-orang yang disebutkan dalam bab 104 dan, "daftar", apabila digunakan sebagai kata kerja, bermakna, berkenaan dengan sebarang hal, mendaftar atau mendaftarkan butir-butir, atau memasukkan notis, tentang hal itu dalam Daftar dan, apabila digunakan berkenaan dengan seseorang, bermakna memasukkan namanya dalam Daftar;

"ejen paten berdaftar" bermakna seseorang yang namanya dimasukkan dalam Daftar orang-orang yang disimpan menurut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah bab 104;

"Pendaftar" bermakna Pendaftar Paten dan termasuk mana-mana Timbalan Pendaftar Paten yang memegang jawatan di bawah Perintah ini;

"Pejabat Pendaftaran" bermakna Pejabat Pendaftaran Paten yang ditubuhkan di bawah Perintah ini;

"hak", berkenaan dengan sebarang paten atau permohonan, termasuk suatu kepentingan ke atas paten atau permohonan itu dan, tanpa menjejaskan yang disebut di atas, sebarang sebutan kepada hak ke atas suatu paten termasuk sebutan kepada bahagian dalam paten itu;

"penasihat saintifik" bermakna mana-mana orang yang mempunyai sebarang kelayakan saintifik, mana-mana

pengamal perubatan, jurutera, arkitek, juruukur, akauntan, aktuari dan mana-mana orang lain yang mempunyai kemahiran khusus;

"perkhidmatan Kerajaan" dan "penggunaan bagi perkhidmatan Kerajaan" mempunyai makna yang sama sebagaimana dalam bab 59(2), termasuk, berhubung dengan sebarang tempoh darurat dalam makna bab 64, makna-makna yang ditentukan kepadanya menurut bab itu;

"kerja", berkenaan dengan suatu rekacipta berpaten, bermakna:

(a) jika rekacipta itu adalah suatu produk — membuat atau mengimport produk itu; atau

(b) jika rekacipta itu adalah suatu proses atau suatu kaedah — menggunakan proses atau kaedah itu atau melakukan sebarang perbuatan yang disebutkan dalam perenggan (a) berkaitan dengan suatu produk yang terhasil dari penggunaan tersebut.

(2) Peraturan-peraturan boleh mengadakan syarat bagi menyatakan dalam *Warta Kerajaan* bahawa suatu pameran termasuk di bawah takrifan pameran antarabangsa dalam ceraihan (1) dan sebarang pernyataan seperti itu adalah keterangan muktamad bahawa pameran itu termasuk di bawah takrifan tersebut.

(3) Bagi maksud-maksud Perintah ini, suatu perkara hendaklah dianggap telah didedahkan dalam sebarang permohonan yang berkaitan dalam makna bab 17 atau dalam spesifikasi suatu paten jika perkara itu sama ada dituntut atau diperihalkan (melainkan dengan cara penolakan atau pengakuan rekaan terdahulu) dalam permohonan atau spesifikasi itu.

(4) Sebutan-sebutan dalam Perintah ini kepada permohonan untuk suatu paten, sebagaimana yang difailkan, adalah sebutan-sebutan kepada permohonan seperti pada tarikh ia difailkan.

(5) Sebutan-sebutan dalam Perintah ini kepada permohonan untuk suatu paten yang disiarkan adalah sebutan-sebutan kepada penyarannya di bawah bab 27.

(6) Sebutan-sebutan dalam Perintah ini kepada Konvensyen Paris atau Triti Kerjasama Paten adalah sebutan-sebutan kepada konvensyen itu atau sebarang konvensyen antarabangsa lain atau perjanjian yang menggantikannya, sebagaimana yang dipinda atau

ditambah dengan sebarang konvensyen atau perjanjian antarabangsa (termasuk dalam salah satu hal sebarang protokol atau lampiran) di mana Negara Brunei Darussalam menjadi suatu pihak, atau menurut syarat-syarat sebarang konvensyen atau perjanjian tersebut dan termasuk sebutan-sebutan kepada sebarang suratcara yang dibuat di bawah sebarang konvensyen atau perjanjian tersebut.

(7) Perintah Darurat (Timbangtara), 1994 hendaklah tidak dikenakan kepada sebarang prosiding di hadapan Pendaftar di bawah Perintah ini.

3. Perintah ini hendaklah mengikat Kerajaan.

Pengenaan  
kepada  
Kerajaan.

## BAHAGIAN II

### PENTADBIRAN

4. (1) Hendaklah ada seorang Pendaftar Paten yang mempunyai kawalan utama ke atas Pejabat Pendaftaran Paten.

Pendaftar  
Paten dan  
pegawai-  
pegawai lain.

(2) Hendaklah ada seorang Timbalan Pendaftar Paten atau lebih yang mempunyai, tertakluk kepada kawalan Pendaftar, semua kuasa dan tugas Pendaftar di bawah Perintah ini, selain dari kuasa-kuasa Pendaftar di bawah bab 5.

(3) Hendaklah ada seorang Penolong Pendaftar Paten atau lebih.

(4) Pendaftar dan Timbalan-Timbalan Pendaftar di bawah bab ini hendaklah dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

5. (1) Pendaftar boleh, berkenaan dengan suatu perkara tertentu atau jenis perkara, secara bertulis di bawah tandatangannya, mewakilkan semua atau sebarang kuasa atau tugasnya di bawah Perintah ini (kecuali kuasa perwakilan ini) kepada Penolong Pendaftar Paten atau mana-mana pegawai awam supaya kuasa-kuasa dan tugas-tugas yang diwakilkan itu boleh dijalankan oleh wakil tersebut berhubung dengan perkara atau jenis perkara yang dinyatakan dalam suratcara perwakilan itu.

Perwakilan  
oleh Pendaftar.

(2) Suatu perwakilan di bawah bab ini boleh dibatalkan dengan sekehendak hati dan perwakilan tidaklah boleh menghalang perjalanan suatu kuasa atau tugas oleh Pendaftar atau mana-mana Timbalan Pendaftar Paten.

Pejabat Pendaftaran Paten. 6. Bagi maksud-maksud Perintah ini, hendaklah ada sebuah Pejabat yang akan dikenali sebagai Pejabat Pendaftaran Paten.

Meterai Pejabat Pendaftaran. 7. (1) Hendaklah ada suatu meterai Pejabat Pendaftaran dan meterai tersebut adalah suatu alat sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Peguam Negara.

(2) Teraan meterai tersebut hendaklah diberi pengiktirafan kehakiman dan diterima sebagai keterangan.

Kuasa-kuasa Pendaftaran. 8. Pendaftar boleh, bagi maksud-maksud Perintah ini —

(a) memanggil saksi-saksi;

(b) menerima keterangan dengan mengangkat sumpah, sama ada secara lisan ataupun selainnya;

(c) menghendaki pengemukaan dokumen-dokumen atau barang-barang; dan

(d) mengaward kos terhadap suatu pihak dalam prosiding di hadapannya.

Tidak mematuhi saman menjadi suatu kesalahan. 9. (1) Seseorang yang telah dipanggil untuk hadir sebagai saksi di hadapan Pendaftar tidaklah boleh, tanpa alasan yang sah, tidak hadir bagi mematuhi saman tersebut.

(2) Seseorang yang telah dikehendaki oleh Pendaftar supaya mengemukakan suatu dokumen atau barang tidaklah boleh, tanpa alasan yang sah, tidak mengemukakan dokumen atau barang tersebut.

(3) Mana-mana orang yang melanggar ceraiian (1) atau (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila sabit kesalahan, dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$2,000 atau dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 3 bulan atau kedua-duanya sekali.

Enggan memberi keterangan menjadi suatu kesalahan. 10. (1) Seseorang yang hadir di hadapan Pendaftar tidaklah boleh, tanpa alasan yang sah, enggan diangkatkan sumpah atau membuat suatu pengakuan, atau mengemukakan dokumen-dokumen atau barang-barang, atau menjawab soalan-soalan, yang dia dikehendaki secara sah untuk mengemukakan atau menjawabnya.

(2) Mana-mana orang yang melanggar ceraiian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$2,000 atau



dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 3 bulan atau kedua-duanya sekali.

11. (1) Seseorang pegawai atau orang yang bekerja di Pejabat Pendaftaran tidaklah boleh membeli, menjual, memperoleh atau memperdagangkan suatu rekacipta atau paten, sama ada diberikan di Negara Brunei Darussalam atau di tempat lain, atau hak terhadap, atau lesen di bawah, suatu paten, sama ada diberikan di Negara Brunei Darussalam atau di tempat lain.

Pegawai-pegawai tidak boleh memperdagangkan rekacipta.

(2) Mana-mana orang yang melanggar cerai (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$2,000 atau dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 3 bulan atau kedua-duanya sekali.

(3) Suatu pembelian, penjualan, pemerolehan, penyerahan hak atau pemindahan yang dilakukan atau dibuat dengan melanggar bab ini adalah tidak sah.

(4) Bab ini hendaklah tidak dikenakan kepada perekacipta sebenar atau pemerolehan dengan pewasiatan atau penurunan menurut undang-undang.

12. (1) Seseorang pegawai atau orang yang bekerja di Pejabat Pendaftaran tidaklah boleh, kecuali apabila dikehendaki atau dibenarkan oleh Perintah ini, atau di bawah arahan Pendaftar secara bertulis atau dengan perintah mahkamah —

Pegawai-pegawai tidak boleh memberi maklumat.

(a) memberi maklumat mengenai sesuatu perkara yang dikendalikan, atau telah dikendalikan, di bawah Perintah ini;

(b) menyediakan, atau membantu dalam penyediaan, sesuatu dokumen yang dikehendaki atau dibenarkan oleh atau di bawah Perintah ini untuk diserahkan simpan di Pejabat Pendaftaran; atau

(c) menjalankan carian ke atas rekod-rekod Pejabat Pendaftaran.

(2) Mana-mana orang yang melanggar cerai (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$2,000 atau dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 3 bulan atau kedua-duanya sekali.

BAHAGIAN III

SESUAI UNTUK DIPATENKAN

Rekacipta yang  
sesuai untuk  
dipatenkan.

13. (1) Tertakluk kepada cerai-an-ceraian (2) dan (3), suatu rekacipta yang sesuai untuk dipatenkan adalah rekacipta yang memenuhi syarat-syarat yang berikut —

(a) rekacipta itu baru;

(b) ia melibatkan langkah yang berdaya cipta; dan

(c) ia mampu untuk kegunaan industri.

(2) Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa yang berikut (antara lainnya) adalah bukan rekacipta bagi maksud-maksud Perintah ini, iaitu, apa-apa jua yang mengandungi —

(a) sesuatu penemuan, teori saintifik atau kaedah matematik;

(b) sesuatu karya kesusasteraan, drama, muzik atau seni atau sebarang ciptaan estetika lain apa pun;

(c) sesuatu skim, kaedah atau cara melakukan perniagaan, melaksanakan sesuatu perbuatan mental semata-mata, atau bermain sesuatu permainan; atau

(d) penyampaian maklumat semata-mata,

tetapi peruntukan-peruntukan di atas hendaklah menghalang apa-apa jua dari disifatkan sebagai rekacipta bagi maksud-maksud Perintah ini hanya setakat mana suatu paten atau permohonan untuk suatu paten berkaitan dengan hal yang sedemikian itu.

(3) Suatu rekacipta yang penyiaran atau pengeksploitasianya pada amnya dijangka akan menggalakkan tingkah laku yang menjelikkan, tidak bermoral atau anti sosial adalah bukan rekacipta yang sesuai untuk dipatenkan.

(4) Bagi maksud-maksud cerai-an (3), tingkah laku tidaklah boleh dianggap sebagai menjelikkan, tidak bermoral atau anti sosial hanya kerana ia dilarang oleh sebarang undang-undang yang berkuatkuasa di Negara Brunei Darussalam.

Kebaharuan.

14. (1) Suatu rekacipta hendaklah dianggap sebagai baru jika ia bukan merupakan sebahagian dari yang terkini.

(2) Terkini dalam hal suatu rekacipta hendaklah dianggap mengandungi semua perkara (sama ada suatu produk, suatu proses, maklumat tentang salah satu daripadanya, atau sebarang perkara lain) yang telah pada bila-bila masa sebelum tarikh keutamaan rekacipta itu disediakan kepada orang ramai (sama ada di Negara Brunei Darussalam atau di tempat lain) dengan perihalan bertulis atau lisan, dengan penggunaan atau dengan sebarang cara lain.

(3) Terkini dalam hal suatu rekacipta yang disebut dalam permohonan untuk suatu paten atau suatu paten hendaklah juga dianggap mengandungi perkara yang terkandung dalam permohonan untuk paten lain yang disiarkan pada atau selepas tarikh keutamaan rekacipta itu, jika syarat-syarat yang berikut dipenuhi —

(a) perkara itu terkandung dalam permohonan untuk paten lain itu sepertimana yang difailkan dan juga sepertimana yang disiarkan; dan

(b) tarikh keutamaan perkara itu adalah lebih awal dari tarikh keutamaan rekacipta itu.

(4) Bagi maksud-maksud bab ini, pendedahan perkara yang terdiri dari suatu rekacipta hendaklah diketepikan dalam hal suatu paten atau permohonan untuk suatu paten jika berlaku kemudian dari permulaan tempoh 12 bulan sejurus sebelum tarikh memfailkan permohonan untuk paten itu dan sama ada —

(a) pendedahan itu adalah kerana, atau dibuat akibat dari, perkara itu telah diperolehi dengan menyalahi undang-undang atau dengan melanggar kerahsiaan oleh mana-mana orang —

- (i) daripada perekacipta atau daripada mana-mana orang lain yang kepadanya perkara itu disediakan secara rahsia oleh perekacipta atau yang telah memperolehinya daripada perekacipta kerana dia atau perekacipta percaya bahawa dia berhak memperolehinya; atau
- (ii) daripada mana-mana orang lain yang kepadanya perkara itu disediakan secara rahsia oleh mana-mana orang yang disebutkan dalam perenggan kecil (i) atau dalam perenggan kecil ini atau yang telah memperolehinya daripada mana-mana orang yang disebutkan itu kerana dia atau orang yang daripadanya dia telah memperolehinya percaya bahawa dia berhak memperolehinya;

(b) pendedahan itu dibuat dengan melanggar kerahsiaan oleh mana-mana orang yang telah memperolehi perkara itu secara rahsia daripada perekacipta atau daripada mana-mana orang lain yang kepadanya perkara itu disediakan, atau yang telah memperolehinya, daripada perekacipta;

(c) pendedahan itu adalah kerana, atau dibuat akibat dari, perekacipta mempamerkan rekacipta itu di suatu pameran antarabangsa dan pemohon menyatakan, semasa memfailkan permohonan, bahawa rekacipta itu telah dipamerkan demikian dan juga, dalam tempoh yang ditetapkan, memfailkan keterangan bertulis bagi menyokong pernyataan yang mematuhi sebarang syarat yang ditetapkan; atau

(d) pendedahan itu adalah kerana, atau dibuat akibat dari, perekacipta memerihalkan rekacipta itu dalam suatu kertas yang dibaca olehnya atau orang lain dengan persetujuannya atau bagi pihaknya di hadapan mana-mana pertubuhan ilmiah atau disiarkan dengan persetujuannya dalam transaksi mana-mana pertubuhan ilmiah.

(5) Bagi maksud ceraihan (4)(d), "pertubuhan ilmiah" termasuk mana-mana kelab, persatuan atau seumpamanya yang ditubuhkan di Negara Brunei Darussalam atau di tempat lain yang matlamat utamanya adalah menggalakkan wujudnya mana-mana cawangan pembelajaran atau sains.

(6) Dalam bab ini, sebutan-sebutan kepada perekacipta termasuk sebutan-sebutan kepada mana-mana tuanpunya rekacipta pada masa itu.

(7) Dalam hal suatu rekacipta yang mengandungi suatu bahan atau komposisi untuk digunakan dalam kaedah merawat badan manusia atau haiwan melalui pembedahan atau terapi atau mendiagnosis yang diamalkan ke atas badan manusia atau haiwan, hakikat bahawa bahan atau komposisi itu merupakan sebahagian dari yang terkini tidaklah boleh menghalang rekacipta itu dari dianggap sebagai baru jika penggunaan bahan atau komposisi itu dalam sebarang kaedah seperti itu bukan merupakan sebahagian dari yang terkini.

Langkah yang berdaya cipta.

15. Suatu rekacipta hendaklah dianggap melibatkan langkah yang berdaya cipta jika tidak jelas kepada seseorang yang mahir dalam rekaan, dengan memberi perhatian kepada sebarang perkara yang merupakan sebahagian dari yang terkini hanya menurut bab 14{2} sahaja dan tanpa memberi perhatian kepada bab 14{3}.

16. (1) Tertakluk kepada cerai (2), suatu rekacipta hendaklah dianggap mampu untuk kegunaan industri jika rekacipta itu dapat dibuat atau digunakan dalam sebarang jenis industri, termasuk pertanian.

Kegunaan  
industri.

(2) Suatu rekacipta untuk kaedah merawat badan manusia atau haiwan melalui pembedahan atau terapi atau mengdiagnosis yang diamalkan ke atas badan manusia atau haiwan tidaklah boleh dianggap mampu untuk kegunaan industri.

(3) Cerai (2) tidaklah boleh menghalang suatu produk yang mengandungi suatu bahan atau komposisi dari disifatkan sebagai mampu untuk kegunaan industri hanya kerana ia direkacipta untuk digunakan dalam sebarang kaedah seperti itu.

17. (1) Bagi maksud-maksud Perintah ini, tarikh keutamaan suatu rekacipta yang disebut dalam permohonan untuk suatu paten dan juga sebarang perkara (sama ada atau tidak ia sebagai rekacipta) yang terkandung dalam permohonan itu adalah, kecuali sebagaimana yang dipersyaratkan oleh peruntukan-peruntukan Perintah ini, tarikh permohonan itu difailkan.

Tarikh  
keutamaan.

(2) Jika dalam, atau berhubung dengan, permohonan untuk suatu paten (permohonan dalam guaman) suatu pengakuan dibuat, sama ada oleh pemohon atau mana-mana pemegang hakmiliknya yang dahulu, dengan mematuhi kehendak-kehendak yang berkaitan peraturan-peraturan dan dengan menyatakan satu atau lebih permohonan berkaitan yang terdahulu bagi maksud-maksud bab ini yang dibuat oleh pemohon atau pemegang hakmiliknya yang dahulu dan setiap satu mempunyai suatu tarikh memfailkan dalam tempoh 12 bulan sejurus sebelum tarikh memfailkan permohonan dalam guaman, maka —

(a) jika suatu rekacipta yang disebut dalam permohonan dalam guaman disokong oleh perkara yang didedahkan dalam permohonan atau permohonan-permohonan berkaitan yang terdahulu, tarikh keutamaan rekacipta itu adalah, sebagai ganti tarikh memfailkan permohonan dalam guaman, tarikh memfailkan permohonan berkaitan di mana perkara itu didedahkan atau, jika perkara itu didedahkan dalam lebih dari satu permohonan berkaitan, tarikh memfailkan yang paling awal;

(b) tarikh keutamaan sebarang perkara yang terkandung dalam permohonan dalam guaman yang juga didedahkan dalam permohonan atau permohonan-permohonan berkaitan yang terdahulu adalah tarikh memfailkan permohonan berkaitan di mana perkara itu didedahkan atau, jika perkara

itu didedahkan dalam lebih dari satu permohonan berkaitan, tarikh memfailkan yang paling awal.

(3) Jika suatu rekacipta atau perkara lain yang terkandung dalam permohonan dalam guaman juga didedahkan dalam dua permohonan berkaitan yang terdahulu yang difailkan oleh pemohon yang sama sepertimana dalam hal permohonan dalam guaman atau, pemegang hakmiliknya yang dahulu, dan permohonan-permohonan berkaitan yang kedua itu dinyatakan dalam atau berhubung dengan permohonan dalam guaman, permohonan-permohonan berkaitan yang kedua itu hendaklah, setakat mana ia berkenaan dengan rekacipta atau perkara itu, diketepikan melainkan jika —

(a) ia difailkan di atau berkaitan dengan negara yang sama sebagai yang pertama; dan

(b) tidak lewat dari tarikh memfailkan yang kedua, yang pertama (sama ada dinyatakan demikian atau tidak) ditarik balik tanpa syarat, atau digugurkan atau ditolak, tanpa —

(i) disediakan kepada orang ramai sama ada di Negara Brunei Darussalam atau di tempat lain;

(ii) meninggalkan sebarang hak tertunggak; dan

(iii) disampaikan untuk membuktikan suatu tarikh keutamaan berkenaan dengan permohonan lain, di mana sahaja dibuat.

(4) Bab ini hendaklah dikenakan bagi menentukan tarikh keutamaan suatu rekacipta yang baginya suatu paten telah diberikan sebagaimana ia dikenakan bagi menentukan tarikh keutamaan suatu rekacipta yang disebut dalam permohonan untuk paten itu.

(5) Dalam bab ini dan bab 18, "permohonan berkaitan" bermakna mana-mana permohonan berikut yang mempunyai suatu tarikh memfailkan —

(a) permohonan untuk suatu paten di bawah Perintah ini; atau

(b) permohonan di atau untuk suatu negara konvensyen bagi perlindungan berkaitan dengan suatu rekacipta atau permohonan yang, menurut undang-undang suatu negara konvensyen atau suatu triti atau konvensyen antarabangsa di mana suatu negara konvensyen menjadi suatu pihak, adalah sama dengan permohonan tersebut.

18. (1) Adalah dengan ini diakui bagi mengelakkan keraguan bahawa jika suatu permohonan (permohonan dalam guaman) dibuat untuk suatu paten dan suatu pengakuan dibuat menurut bab 17(2) dalam atau berhubung dengan permohonan itu dengan menyatakan permohonan berkaitan yang terdahulu, permohonan dalam guaman dan sebarang paten yang diberikan menurutnya tidaklah boleh dibatalkan hanya dengan sebab perbuatan-perbuatan campur tangan yang berkaitan.

Pendedahan perkara, dll., antara permohonan-permohonan terdahulu dan kemudian.

(2) Dalam cerai (1), "perbuatan-perbuatan campur tangan yang berkaitan" bermakna perbuatan-perbuatan yang dilakukan berkenaan dengan perkara yang didedahkan dalam permohonan berkaitan yang terdahulu antara tarikh-tarikh permohonan berkaitan yang terdahulu dan permohonan dalam guaman, sebagai misalannya, memfailkan permohonan lain untuk rekacipta yang baginya permohonan berkaitan yang terdahulu dibuat, menyediakan maklumat kepada orang ramai tentang rekacipta itu atau perkara tersebut atau, mengerjakan rekacipta itu, tetapi mengenenpikan sebarang permohonan, atau pendedahan kepada orang ramai akan perkara yang terkandung dalam sebarang permohonan, yang dengan sendirinya diketepikan bagi maksud-maksud bab 17(3).

#### BAHAGIAN IV

##### HAK UNTUK MEMOHON DAN MENDAPATKAN PATEN

19. Mana-mana orang boleh membuat permohonan untuk suatu paten sama ada sendirian atau bersesama dengan orang lain.

Hak untuk memohon dan mendapatkan paten.

20. (1) Tertakluk kepada bab ini, suatu paten untuk suatu rekacipta boleh diberikan kepada —

Hak terhadap suatu paten.

(a) perekacipta atau pewaris hakmiliknya, dan jika dua orang atau lebih telah bersesama membuat suatu rekacipta, paten itu hendaklah diberikan kepada mereka secara bersesama; atau

(b) mana-mana orang atau orang-orang yang mempunyai hak terhadap paten itu menurut cerai-ceraian (2), (3) atau (4) atau pewaris atau pewaris-pewaris hakmilik orang atau orang-orang itu.

(2) Jika salah satu syarat dalam cerai (3) dipenuhi, hak terhadap suatu paten bagi suatu rekacipta yang dibuat oleh seseorang pekerja hendaklah, di antaranya dan majikannya, dianggap sebagai kepunyaan majikannya bagi maksud-maksud Perintah ini jika —

(a) rekacipta itu dibuat semasa menjalankan kewajipan biasa pekerja itu atau semasa menjalankan kewajipan yang termasuk di luar kewajipan biasanya, tetapi ditugaskan secara khusus kepadanya, dan keadaan dalam salah satu hal adalah bahawa suatu rekacipta mungkin dijangka dengan munasabah berpunca dari pelaksanaan kewajipannya; atau

(b) rekacipta itu dibuat semasa menjalankan kewajipan pekerja itu dan, pada waktu membuat rekacipta itu, oleh kerana jenis kewajipannya dan tanggungjawab khusus yang timbul dari jenis kewajipannya dia mempunyai kewajipan khas untuk melanjutkan kepentingan usaha majikan,

dan hak terhadap suatu paten bagi sebarang rekacipta lain yang dibuat oleh seseorang pekerja hendaklah, di antaranya dan majikannya, dianggap bagi maksud-maksud tersebut sebagai kepunyaan pekerja itu.

(3) Syarat-syarat yang disebutkan dalam ceraiian (2) adalah —

(a) pekerja itu kebanyakannya digaji di Negara Brunei Darussalam; atau

(b) pekerja itu kebanyakannya tidak digaji di sesuatu tempat atau tempat pekerjaannya tidak dapat dipastikan, tetapi majikannya mempunyai suatu tempat perniagaan di Negara Brunei Darussalam di mana pekerja itu ditempatkan, sama ada atau tidak dia juga ditempatkan di tempat lain.

(4) Jika salah satu syarat dalam ceraiian (3) tidak dipenuhi, hak terhadap suatu paten hendaklah diputuskan menurut undang-undang negara di mana pekerja itu seluruhnya atau kebanyakannya digaji atau, jika identiti negara itu tidak dapat dipastikan, menurut undang-undang negara di mana majikan mempunyai tempat perniagaannya di mana pekerja itu ditempatkan.

(5) Jika menurut bab ini hak terhadap suatu paten bagi suatu rekacipta, di antaranya dan majikannya, adalah kepunyaan seseorang pekerja, apa-apa yang dilakukan —

(a) oleh atau bagi pihak pekerja itu atau mana-mana orang yang menuntut di bawahnya bagi tujuan meneruskan permohonan untuk suatu paten; atau

(b) oleh mana-mana orang bagi tujuan melaksanakan atau mengerjakan rekacipta itu,



tidaklah boleh dianggap sebagai melanggar sebarang hakcipta atau hak rekabentuk, di antaranya dan majikannya, di mana majikannya berhak ke atas sebarang model atau dokumen berkenaan dengan rekacipta itu.

(6) Dalam ceraiian (5), sebutan kepada permohonan untuk suatu paten termasuk permohonan bagi perlindungan lain untuk suatu rekacipta, dan termasuk permohonan untuk suatu paten atau sebarang perlindungan lain di bawah undang-undang suatu negara selain Negara Brunei Darussalam atau di bawah sebarang triti di mana Negara Brunei Darussalam menjadi suatu pihak.

21. (1) Bab 20 tidaklah boleh dikenakan kepada suatu rekacipta yang dibuat sebelum hari yang ditetapkan.

Peruntukan-  
peruntukan  
tambahan.

(2) Dalam Bahagian ini, kecuali setakat mana maksudnya berkehendakkan makna yang lain, sebutan-sebutan kepada pembuatan suatu rekacipta oleh seseorang pekerja adalah sebutan-sebutan kepada pembuatan rekacipta itu olehnya sendirian atau bersesama dengan mana-mana orang lain, tetapi tidak termasuk sebutan-sebutan kepada sumbangan nasihat atau bantuannya yang lain sahaja dalam pembuatan suatu rekacipta oleh pekerja lain.

(3) Tiada sebarang apa pun dalam Bahagian ini boleh ditafsirkan sebagai menghalang kuatkuasa suatu perjanjian atau kontrak berkenaan dengan hak terhadap suatu rekacipta atau paten untuk suatu rekacipta.

22. (1) Jika sebarang pertikaian timbul di antara pemohon-pemohon bersama untuk suatu paten sama ada atau cara bagaimana permohonan itu patut diteruskan, Pendaftar boleh, atas suatu permintaan yang dibuat oleh mana-mana pihak, memberi arahan sebagaimana yang difikirkannya patut bagi membolehkan permohonan itu diteruskan atas nama salah satu pihak atau lebih sendirian atau bagi mengawalselia cara bagaimana permohonan itu diteruskan, atau bagi kedua-dua maksud tersebut, mengikut mana yang dikehendaki.

Pengendalian  
permohonan  
oleh pemohon-  
pemohon  
bersama.

(2) Jika pada pendapat Pendaftar atas suatu permintaan yang dibuat di bawah bab ini bahawa pertikaian itu lebih wajar diputuskan oleh mahkamah, dia boleh enggan mengendalikannya dan, tanpa menjejaskan bidang kuasa mahkamah untuk memutuskan sebarang pertikaian itu dan membuat suatu pengakuan, mahkamah hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk berbuat demikian.

Kesan  
pemindahan  
permohonan  
di bawah  
bab 22.

23. Jika arahan diberikan di bawah bab 22 bahawa permohonan untuk suatu paten hendaklah diteruskan atas nama salah seorang atau beberapa pemohon asal (sama ada atau tidak permohonan itu juga diteruskan atas nama beberapa orang lain), sebarang lesen atau hak lain dalam atau di bawah permohonan itu hendaklah, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perintah itu dan sebarang arahan di bawah bab itu, terus berkuatkuasa dan disifatkan sebagai diberikan oleh orang-orang yang atas namanya permohonan itu akan diteruskan.

Penyebutan  
perekacipta.

24. (1) Perekacipta atau perekacipta-perekacipta bersama suatu rekacipta hendaklah mempunyai hak yang akan disebutkan sedemikian dalam sebarang paten yang diberikan bagi rekacipta itu dan hendaklah juga mempunyai hak yang akan disebutkan demikian, jika boleh, dalam sebarang permohonan yang disiarkan untuk suatu paten bagi rekacipta itu dan, jika tidak disebutkan demikian, hak yang akan disebutkan demikian menurut peraturan-peraturan dalam suatu dokumen yang ditetapkan.

(2) Melainkan jika dia telah pun memberi kepada Pejabat Pendaftaran maklumat yang disebutkan dalam ceraiian ini, seseorang pemohon untuk suatu paten hendaklah, dalam tempoh yang ditetapkan, memfailkan kepada Pejabat Pendaftaran suatu pernyataan —

(a) yang mengenal pasti orang atau orang-orang yang dipercayainya sebagai perekacipta atau perekacipta-perekacipta; dan

(b) jika pemohon itu bukan perekacipta tunggal atau pemohon-pemohon itu bukan perekacipta-perekacipta bersama, yang menyatakan penurunan haknya atau hak mereka yang akan diberikan paten itu,

dan, jika dia gagal berbuat demikian, permohonan itu hendaklah disifatkan sebagai telah digugurkan.

(3) Jika seseorang telah disebutkan sebagai perekacipta tunggal atau bersama menurut bab ini, mana-mana orang lain yang mengatakan bahawa perekacipta tunggal itu tidak sepatutnya disebutkan boleh pada bila-bila masa memohon kepada Pendaftar untuk suatu perakuan yang bermaksud sedemikian, dan Pendaftar boleh mengeluarkan perakuan seperti itu.

**BAHAGIAN V**

**PERMOHONAN UNTUK PATEN**

25. (1) Tiap-tiap permohonan untuk suatu paten hendaklah —

Membuat  
permohonan.

(a) dibuat dalam bahasa yang ditetapkan dan dalam borang yang ditetapkan, dan hendaklah difailkan di Pejabat Pendaftaran mengikut cara yang ditetapkan; dan

(b) disertakan dengan bayaran yang ditetapkan bagi maksud-maksud ceraiian ini.

(2) Jika suatu permohonan tidak disertakan dengan bayaran yang disebutkan dalam ceraiian (1)(b), bayaran itu hendaklah dibayar dalam tempoh yang ditetapkan.

(3) Tiap-tiap permohonan untuk suatu paten hendaklah mengandungi —

(a) permintaan bagi pemberian suatu paten;

(b) spesifikasi yang mengandungi suatu perihalan rekacipta itu, suatu tuntutan atau tuntutan-tuntutan dan sebarang lukisan yang disebut dalam perihalan itu atau sebarang tuntutan; dan

(c) ringkasan,

tetapi ceraiian ini tidaklah boleh menghalang suatu permohonan dari dimulakan dengan dokumen-dokumen yang mematuhi bab 26(1).

(4) Spesifikasi suatu permohonan hendaklah mendedahkan rekacipta itu dengan cara yang jelas dan lengkap bagi rekacipta itu dilaksanakan oleh seseorang yang mahir dalam rekaan.

(5) Tuntutan atau tuntutan-tuntutan itu hendaklah —

(a) mentakrifkan perkara yang baginya pemohon memohon perlindungan;

(b) jelas dan tepat;

(c) disokong dengan perihalan; dan

(d) berhubung dengan satu rekacipta atau sekelompok rekacipta yang bertalian hingga menjadi satu konsep berdaya cipta yang tunggal.

(6) Tanpa menjejaskan keluasan makna ceraihan (5)(d), peraturan-peraturan itu boleh mengadakan syarat bagi dua reka-crepta atau lebih disifatkan sebagai bertalian hingga menjadi satu konsep berdaya cipta yang tunggal bagi maksud-maksud Perintah ini.

(7) Tujuan ringkasan itu adalah untuk memberi maklumat teknikal dan tidak boleh diambil kira bagi sebarang tujuan lain, khususnya bukan untuk tujuan mentafsirkan skop perlindungan yang dipohonkan itu, dan setelah disiarkan ringkasan itu tidaklah boleh menjadi sebahagian dari yang terkini menurut bab 14(3), dan Pendaftar boleh memutuskan sama ada ringkasan itu memenuhi dengan secukupnya tujuannya dan, jika ia tidak memenuhinya, boleh merangkanya supaya ia memenuhinya.

(8) Permohonan untuk suatu paten boleh ditarik balik pada bila-bila masa sebelum paten itu diberikan dan sebarang penarikan balik permohonan tersebut tidak boleh dibatalkan.

**Tarikh  
memfailkan  
permohonan.**

26. (1) Tarikh memfailkan permohonan untuk suatu paten hendaklah, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, dianggap sebagai tarikh yang paling awal bila semua kehendak yang berikut dipenuhi berkenaan dengan permohonan itu —

(a) dokumen-dokumen yang memulakan permohonan seperti yang difailkan di Pejabat Pendaftaran adalah dalam bahasa yang ditetapkan;

(b) dokumen-dokumen itu mengandungi suatu penunjuk bahawa suatu paten dipohonkan menurut permohonan itu;

(c) dokumen-dokumen itu mengenalpasti pemohon atau pemohon-pemohon untuk paten tersebut; dan

(d) dokumen-dokumen itu mengandungi suatu bahagian yang pada zahirnya ternyata sebagai suatu perihalan rekacipta itu dan suatu bahagian yang pada zahirnya ternyata sebagai satu tuntutan atau lebih, sama ada atau tidak perihalan itu atau tuntutan atau tuntutan-tuntutan itu mematuhi peruntukan-peruntukan lain Perintah ini dan sebarang aturan yang berkaitan.

(2) Tiap-tiap permohonan untuk suatu paten hendaklah diperiksa apabila difailkan untuk menentukan sama ada —

(a) bayaran memfailkan telah dibayar; dan

(b) permohonan itu memenuhi kehendak-kehendak ceraihan (1) bagi pemberian suatu tarikh memfailkan.

(3) Jika suatu tarikh memfailkan tidak dapat diberikan, Pendaftar hendaklah memberi peluang kepada pemohon untuk memulihkan kekurangan, dan jika kekurangan tidak dipulihkan dalam tempoh yang ditetapkan, permohonan itu hendaklah disifatkan sebagai telah digugurkan.

(4) Jika bayaran memfailkan belum dibayar dalam tempoh yang ditetapkan di bawah bab 25(2), permohonan itu hendaklah disifatkan sebagai telah digugurkan.

(5) Jika sebelum suatu paten diberikan di bawah bab 30 didapati bahawa sebarang lukisan yang disebut dalam sebarang permohonan itu difailkan kemudian dari tarikh yang akan menurut cerai (1) disifatkan sebagai tarikh memfailkan permohonan itu, Pendaftar hendaklah memberi kepada pemohon peluang untuk meminta, dalam tempoh yang ditetapkan, bahawa tarikh lukisan itu difailkan hendaklah disifatkan bagi maksud-maksud Perintah ini sebagai tarikh memfailkan permohonan itu, dan

(a) jika pemohon membuat permintaan seperti itu, tarikh memfailkan lukisan itu hendaklah disifatkan sedemikian; tetapi

(b) jika tidak sebarang sebutan kepada lukisan itu dalam permohonan tersebut hendaklah disifatkan sebagai ditinggalkan.

(6) Jika, setelah permohonan untuk suatu paten difailkan dan sebelum paten itu diberikan, permohonan baru difailkan oleh pemohon asal atau pewaris hakmiliknya menurut peraturan-peraturan berkaitan dengan mana-mana bahagian perkara yang terkandung dalam permohonan terdahulu dan syarat-syarat yang disebutkan dalam cerai (1) dipenuhi berkenaan dengan permohonan baru itu (tanpa permohonan baru itu melanggar bab 84), permohonan baru itu hendaklah disifatkan sebagai mempunyai, sebagai tarikh memfailkannya, tarikh memfailkan permohonan terdahulu.

(7) Tiada sebarang apa pun dalam cerai (5) boleh ditafsirkan sebagai menjejaskan kuasa Pendaftar di bawah bab 107(1) untuk membetulkan kesilapan atau kesalahan berhubung dengan lukisan-lukisan yang difailkan.

27. (1) Tertakluk kepada bab 33, jika suatu permohonan mempunyai suatu tarikh memfailkan, maka, dengan seberapa segera yang boleh selepas tamatnya tempoh yang ditetapkan, Pendaftar hendaklah, melainkan jika permohonan itu ditarik balik, disifatkan sebagai telah digugurkan atau ditolak sebelum persediaan untuk

Penyiaran  
permohonan.

menyiarannya telah diselesaikan oleh Pejabat Pendaftaran, menyiarkannya sebagaimana yang difailkan (termasuk bukan sahaja tuntutan-tuntutan asal tetapi juga sebarang pindaan ke atas tuntutan-tuntutan tersebut dan tuntutan-tuntutan baru yang masih ada sejurus sebelum persediaan itu selesai) dan dia boleh, jika diminta demikian oleh pemohon, menyiarkannya sebagaimana yang disebutkan di atas dalam tempoh itu, dan dalam salah satu hal hendaklah menyiarkan fakta dan tarikh penyarannya dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Pendaftar boleh meniadakan dari spesifikasi permohonan untuk suatu paten yang disiarkan sebarang perkara yang pada pendapatnya —

(a) merendah-rendahkan mana-mana orang dengan cara yang mungkin merosakkannya; atau

(b) jika disiarkan atau dieksploitasi, pada amnya akan dijangka menggalakkan tingkah laku yang menjelikkan, tidak bermoral atau anti-sosial.

## BAHAGIAN VI

### PROSEDUR PEMBERIAN PATEN

Pemeriksaan  
tentang  
bentuk.

28. (1) Jika permohonan untuk suatu paten mempunyai suatu tarikh memfailkan dan tidak ditarik balik atau disifatkan sebagai telah digugurkan, Pendaftar hendaklah dengan seberapa segera yang boleh selepas tamatnya tempoh yang ditetapkan memeriksa permohonan itu bagi menentukan sama ada permohonan itu mematuhi kehendak-kehendak Perintah ini yang tersebut dan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan itu sebagai kehendak-kehendak formal bagi maksud-maksud Perintah ini.

(2) Jika setelah menjalankan pemeriksaan di bawah ceraiian (1) diputuskan bahawa tidak semua kehendak formal dipatuhi, Pendaftar hendaklah memberi kepada pemohon peluang untuk membuat pernyataan dan untuk meminda permohonan dalam suatu tempoh sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pendaftar bagi mematuhi kehendak-kehendak tersebut (tertakluk, walau bagaimanapun, kepada bab 84), dan, jika pemohon gagal berbuat demikian, Pendaftar boleh menolak permohonan itu.

Carian terkini.

29. (1) Jika permohonan untuk suatu paten mematuhi semua kehendak formal yang disebut dalam bab 28(1), Pendaftar hendaklah memberitahu pemohon yang akan —

(a) memfailkan suatu permintaan dalam borang yang ditetapkan dan membayar bayaran yang ditetapkan untuk suatu laporan carian dalam tempoh yang ditetapkan; atau

(b) jika pemohon telah memfailkan, sendirian atau berse sama dengan mana-mana orang lain, satu atau lebih permohonan antarabangsa yang sama untuk suatu paten, yang tidak menetapkan Negara Brunei Darussalam, atau satu atau lebih permohonan yang sama untuk suatu paten di mana-mana pejabat paten yang ditetapkan, memfailkan mengikut cara yang ditetapkan satu salinan carian, atau laporan atau laporan-laporan carian dan pemeriksaan berkaitan dengan permohonan-permohonan antarabangsa yang sama atau permohonan-permohonan lain yang sama, laporan atau laporan-laporan tersebut iaitu yang berkaitan dengannya atau, pada keseluruhannya adalah rekacipta yang sama sebagaimana yang ditakrifkan dalam tuntutan-tuntutan itu, atau tuntutan-tuntutan yang dipinda, dalam permohonan yang dibuat di bawah Perintah ini dan membayar bayaran yang ditetapkan dalam tempoh yang ditetapkan,

dan jika pemohon tidak membuat permintaan untuk suatu laporan carian dalam borang yang ditetapkan, memfailkan mengikut cara yang ditetapkan satu salinan carian atau laporan atau laporan-laporan carian atau pemeriksaan atau membayar bayaran yang ditetapkan dalam tempoh yang ditetapkan, permohonan itu hendaklah disifatkan sebagai telah digugurkan pada tamatnya tempoh yang ditetapkan di bawah perenggan (a), atau (b), mengikut mana yang kemudian.

(2) Jika pemohon telah memfailkan suatu permintaan dan membayar bayaran di bawah cerai an (1)(a), Pendaftar hendaklah menyebabkan supaya permohonan itu tertakluk kepada carian oleh seseorang Pemeriksa untuk mendapatkan rekaan terdahulu yang berkaitan yang terkandung dalam suatu pendokumenan sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

(3) Setelah menerima laporan carian yang dijalankan di bawah cerai an (2), Pendaftar hendaklah menghantar kepada pemohon satu salinan laporan itu.

(4) Bagi maksud-maksud Bahagian ini, "permohonan antarabangsa yang sama" dan "permohonan yang sama", berkenaan dengan suatu rekacipta, bermakna permohonan untuk perlindungan yang difailkan, masing-masing, di bawah Tritis Kerjasama Paten atau dengan mana-mana pejabat paten yang ditetapkan dan sekurang-kurangnya satu tuntutan ditujukan terhadapnya atau pada keseluruhannya adalah rekacipta yang sama dengan rekacipta yang

baginya perlindungan paten dipohonkan dalam permohonan dalam guaman, permohonan yang difailkan di bawah Triti Kerjasama Paten atau dengan pejabat paten yang ditetapkan adalah —

(a) asas tuntutan keutamaan di bawah bab 17 dalam permohonan dalam guaman; atau

(b) tertakluk kepada tuntutan keutamaan yang berasaskan kepada permohonan dalam guaman atau permohonan yang juga menjadi asas tuntutan keutamaan di bawah bab 17 dalam permohonan dalam guaman.

Syarat-syarat  
pemberian  
paten.

30. (1) Tertakluk kepada bab 34, jika sebelum tamatnya tempoh yang ditetapkan syarat-syarat dalam ceraian (2) dipenuhi, Pendaftar hendaklah memberi kepada pemohon suatu paten.

(2) Syarat-syarat yang disebut dalam ceraian (1) adalah —

(a) bahawa semua kehendak formal telah dipatuhi;

(b) dalam hal permohonan antarabangsa untuk suatu paten (Negara Brunei Darussalam) —

(i) bahawa syarat-syarat berkaitan bab 86(3) dan peraturan-peraturan itu telah dipenuhi dan laporan carian antarabangsa dalam bahasa Inggeris telah diterima oleh Pendaftar; dan selain itu

(ii) jika Negara Brunei Darussalam telah dipilih menurut Penggal II Triti Kerjasama Paten, bahawa laporan pemeriksaan permulaan antarabangsa dalam bahasa Inggeris permohonan itu telah diterima oleh Pendaftar —

(c) dalam sebarang hal lain, bahawa laporan-laporan yang berikut telah diterima oleh Pendaftar —

(i) laporan carian yang disebut dalam bab 29(1)(a); atau

(ii) laporan atau laporan-laporan yang disebut dalam bab 29(1)(b); dan

(d) bahawa bayaran yang ditetapkan bagi pemberian suatu paten telah dibayar.



(3) Dengan tidak menghiraukan ceraiian (1), Pendaftar boleh enggan memberi suatu paten —

(a) menurut lebih dari satu permohonan jika dua atau lebih permohonan untuk suatu paten bagi rekacipta yang sama yang mempunyai tarikh keutamaan yang sama telah difailkan oleh pemohon yang sama atau pewaris hakmiliknya; atau

(b) berkaitan dengan sebarang perkara yang disebut dalam bab 13(2) atau sebarang rekacipta yang disebut dalam bab 13(3).

(4) Jika permohonan untuk suatu paten, sebelum tamatnya tempoh yang ditetapkan di bawah ceraiian (1), belum memenuhi syarat-syarat yang disebut dalam ceraiian (2), permohonan itu hendaklah disifatkan sebagai telah digugurkan pada tamatnya tempoh itu.

(5) Jika pada tamatnya tempoh yang ditetapkan di bawah ceraiian (1) suatu rayuan kepada mahkamah belum lagi diputuskan berkaitan dengan permohonan itu atau masa rayuan tersebut boleh diambil belum tamat, tempoh itu —

(a) jika rayuan tersebut belum lagi diputuskan, atau diambil dalam masa tersebut atau sebelum tamat tempoh sebarang lanjutan masa itu yang diberikan (dalam hal lanjutan pertama) atas suatu permohonan yang dibuat dalam masa itu atau (dalam hal lanjutan yang kemudiannya) atas suatu permohonan yang dibuat sebelum tamat tempoh lanjutan terdahulu yang terakhir, hendaklah dilanjutkan hingga suatu tarikh sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh mahkamah;

(b) jika tiada rayuan tersebut belum lagi diputuskan atau diambil, hendaklah diteruskan hingga tamatnya masa tersebut atau, jika sebarang lanjutan masa itu diberikan, hingga tamat tempoh lanjutan itu atau lanjutan terakhir yang diberikan itu.

31. Pada bila-bila masa sebelum suatu paten diberikan menurut suatu permohonan, pemohon boleh menurut syarat-syarat yang ditetapkan dan tertakluk kepada bab 84, meminda permohonan itu dengan kerelaan hatinya sendiri.

Kuasa am  
untuk  
meminda  
permohonan  
sebelum  
diberikan.

Sekatan  
ke atas  
permohonan-  
permohonan  
di luar negeri  
oleh  
pemastautin  
Negara Brunei  
Darussalam.

32. (1) Tertakluk kepada bab ini, tiada sesiapa pun yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam boleh, tanpa kebenaran bertulis yang diberikan oleh Pendaftar, memfailkan atau menyebabkan supaya difailkan di luar Negara Brunei Darussalam permohonan untuk suatu paten melainkan jika —

(a) permohonan untuk suatu paten bagi rekacipta yang sama telah difailkan di Pejabat Pendaftaran tidak kurang dari dua bulan sebelum permohonan di luar Negara Brunei Darussalam itu; dan

(b) arahan tiada diberikan di bawah bab 33 berkenaan dengan permohonan itu di Negara Brunei Darussalam atau semua arahan itu telah dibatalkan.

(2) Ceraian (1) hendaklah tidak dikenakan kepada permohonan untuk suatu rekacipta yang baginya permohonan untuk suatu paten telah difailkan terlebih dahulu di sesebuah negara di luar Negara Brunei Darussalam oleh seseorang yang bermastautin di luar Negara Brunei Darussalam.

(3) Mana-mana orang yang memfailkan atau menyebabkan supaya difailkan suatu permohonan bagi pemberian suatu paten dengan melanggar bab ini adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$5,000 atau dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari dua tahun atau kedua-duanya sekali.

(4) Dalam bab ini —

(a) sebarang sebutan kepada permohonan untuk suatu paten termasuk sebutan kepada permohonan bagi perlindungan lain untuk suatu rekacipta;

(b) sebarang sebutan kepada salah satu jenis permohonan adalah sebutan kepada suatu permohonan di bawah Perintah ini, di bawah undang-undang mana-mana negara selain Negara Brunei Darussalam atau di bawah sebarang triti atau konvensyen antarabangsa di mana Negara Brunei Darussalam menjadi satu pihak; dan

(c) "orang yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam" termasuk —

(i) seseorang yang, pada masa yang mustahak, bermastautin di Negara Brunei Darussalam menurut suatu pas yang dikeluarkan secara sah kepadanya di bawah Akta Imigresen untuk

memasuki dan tinggal di Negara Brunei Darussalam bagi sebarang tujuan; dan

- (ii) suatu badan korporat atau perkongsian yang pada masa yang mustahak, diperbadankan, atau menjalankan perniagaan, di Negara Brunei Darussalam.

33. (1) Tertakluk kepada sebarang arahan Peguam Negara, Pendaftar boleh, jika pada pendapat Pendaftar perlu atau mustahak untuk berbuat demikian bagi kepentingan pertahanan Negara Brunei Darussalam, dengan perintah bertulis melarang atau menyekat penyiaran maklumat mengenai hal perkara permohonan untuk suatu paten yang difailkan di Pejabat Pendaftaran (termasuk permohonan antarabangsa untuk suatu paten), dan jika permohonan itu adalah permohonan antarabangsa yang difailkan di Pejabat Pendaftaran, satu salinannya tidaklah boleh dihantar kepada Biro Antarabangsa.

Larangan terhadap penyiaran maklumat mengenai rekacipta bagi kepentingan pertahanan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar suatu perintah bertulis di bawah bab ini adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$5,000 atau dihukum penjara selama satu tempoh yang tidak melebihi dari 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

(3) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh melarang Pendaftar dari mendedahkan maklumat mengenai rekacipta kepada sesebuah jabatan kerajaan atau pihak berkuasa bagi tujuan mendapatkan nasihat tentang sama ada suatu perintah bertulis di bawah bab ini berkenaan dengan permohonan untuk suatu paten bagi rekacipta itu patut dibuat, dipinda atau dibatalkan.

34. (1) Semasa suatu perintah yang dibuat di bawah bab 33 berkuatkuasa berkenaan dengan permohonan untuk suatu paten, permohonan itu boleh diteruskan sehingga paten itu diberikan, tetapi permohonan itu tidaklah boleh disiarkan, dan suatu paten tidaklah boleh diberikan atas permohonan itu.

Kesan perintah larangan ke atas permohonan.

(2) Jika suatu perintah di bawah bab 33 berkenaan dengan permohonan untuk suatu paten dibatalkan dan tempoh yang ditetapkan di bawah bab 27 telah berakhir, permohonan itu hendaklah disiarkan dan jika syarat-syarat yang dinyatakan dalam bab 30(2) telah dipenuhi, Pendaftar hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh, memberi suatu paten atas permohonan itu.

(3) Jika suatu paten diberikan menurut suatu permohonan yang berkaitan dengannya suatu perintah bertulis telah dibuat di bawah bab 33, bayaran pembaharuan tidaklah boleh kena dibayar

berkaitan dengan sebarang tempoh selama mana perintah itu berkuatkuasa.

(4) Jika kerana suatu perintah atau apa-apa jua yang dilakukan dengan bersandar kepada bab 33, permohonan antarabangsa untuk suatu paten (Negara Brunei Darussalam), di bawah Triti Kerjasama Paten, adalah dianggap telah ditarik balik, pemohon boleh membuat, dalam tempoh yang ditetapkan, suatu permintaan dalam borang yang ditetapkan supaya permohonan antarabangsa itu disifatkan sebagai suatu permohonan yang dibuat di bawah bab 25 dan, jika pemohon memfailkan dokumen-dokumen yang ditetapkan dan membayar bayaran yang ditetapkan, maka, kecuali sebagaimana yang ditetapkan sebaliknya;

(a) permohonan antarabangsa itu hendaklah disifatkan sebagai suatu permohonan di bawah bab 25;

(b) perihalan, tuntutan dan sebarang lukisan dalam permohonan antarabangsa itu hendaklah disifatkan sebagai suatu spesifikasi yang disebut dalam bab 25(3); dan

(c) permohonan itu hendaklah disifatkan sebagai telah difailkan pada tarikh memfailkan permohonan antarabangsa itu.

## BAHAGIAN VII

### PERUNTUKAN-PERUNTUKAN TENTANG PATEN SETELAH DIBERIKAN

Penyiaran  
dan sijil  
pemberian.

35. (1) Dengan seberapa segera yang boleh setelah suatu paten diberikan di bawah Perintah ini, Pendaftar hendaklah menyiarkan dalam *Warta Kerajaan* suatu notis bahawa paten itu telah diberikan.

(2) Pendaftar hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh setelah dia menyiarkan suatu notis di bawah cerai (1), menghantar kepada tuannya paten itu suatu sijil dalam borang yang ditetapkan bahawa paten itu telah diberikan kepada tuannya.

(3) Pendaftar hendaklah, pada masa yang sama dengan masa dia menyiarkan suatu notis di bawah cerai (1) berkenaan dengan suatu paten, menyiarkan spesifikasi paten itu, nama-nama tuannya dan (jika berlainan) perekacipta, dan sebarang perkara lain yang terdiri dari atau berkenaan dengan paten yang pada pendapat Pendaftar mustahak untuk disiarkan.

Tempoh paten.

36. (1) Suatu paten yang diberikan di bawah Perintah ini hendaklah disifatkan bagi maksud-maksud Perintah ini sebagai telah diberikan, dan hendaklah berkuatkuasa pada tarikh notis

pemberiannya disiarkan dalam *Warta Kerajaan* dan, tertakluk kepada ceraiian (2), hendaklah terus berkuatkuasa sehingga tamat tempoh 20 tahun mulai dari tarikh memfailkan permohonan untuk paten itu atau tarikh lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

(2) Suatu paten hendaklah terhenti daripada berkuatkuasa pada tamatnya tempoh yang ditetapkan bagi pembayaran sebarang bayaran pembaharuan jika ia tidak dibayar dalam tempoh itu.

(3) Jika dalam tempoh 6 bulan sejurus setelah tamatnya tempoh yang ditetapkan bayaran pembaharuan itu dan sebarang bayaran tambahan yang ditetapkan dibayar, paten itu hendaklah disifatkan bagi maksud-maksud Perintah ini seolah-olah ia tidak pernah tamat tempohnya, dan dengan itu —

(a) apa-apa jua yang dilakukan di bawah atau berkenaan dengannya dalam tempoh lanjutan itu adalah sah;

(b) sesuatu perbuatan yang akan menjadi suatu pelanggaran terhadap paten itu jika ia belum tamat tempohnya hendaklah menjadi suatu pelanggaran terhadap paten itu; dan

(c) sesuatu perbuatan yang akan mengandungi penggunaan rekacipta berpaten untuk perkhidmatan Kerajaan jika paten itu belum tamat tempohnya hendaklah mengandungi penggunaan yang sedemikian itu.

(4) Peraturan-peraturan boleh termasuk peruntukan yang menghendaki Pendaftar supaya memberi tahu tuannya berdaftar suatu paten bahawa suatu bayaran pembaharuan belum diterima daripadanya di Pejabat Pendaftaran sebelum tamatnya tempoh yang ditetapkan dan sebelum pemberitahuan itu dibuat dan, dalam hal suatu paten yang berkuatkuasa menurut bab 117(4), yang menghendaki pada masa sebarang bayaran pembaharuan dibayar, pemberian kepada Pendaftar —

(a) jika paten itu diperbaharui buat kali pertama di bawah bab ini, keterangan mengenai fakta bahawa paten itu masih berkuatkuasa di United Kingdom, Malaysia atau Singapura, mengikut mana yang berkenaan; dan

(b) bagi setiap pembaharuan yang berikutnya di bawah bab ini, keterangan yang ditetapkan bahawa paten itu belum dibatalkan di United Kingdom, Malaysia atau Singapura, mengikut mana yang berkenaan.

Paten tidaklah boleh dipersoalkan kerana tiada penyatuan.

37. Tiada sesiapa pun boleh dalam sebarang prosiding membantah terhadap suatu paten atau pindaan ke atas spesifikasi suatu paten atas alasan bahawa tuntutan-tuntutan yang terkandung dalam spesifikasi paten itu, seperti keadaannya yang begitu atau, mengikut mana yang berkenaan, seperti yang dicadangkan untuk dipinda, berhubung dengan —

(a) lebih dari satu rekacipta; atau

(b) sekelompok rekacipta yang tidak begitu berkaitan hingga dapat membentuk suatu konsep berdaya cipta yang tunggal.

Kuasa am untuk meminda spesifikasi selepas pemberian.

38. (1) Tertakluk kepada bab ini dan bab 84, Pendaftar boleh, atas suatu permintaan untuk meminda yang dibuat oleh tuannya suatu paten, membenarkan spesifikasi paten itu dipinda bagi —

(a) memotong suatu tuntutan;

(b) menghadkan suatu tuntutan dengan menyatukan tuntutan itu dengan satu atau lebih tuntutan lain ke atas paten yang diberikan itu; atau

(c) menghadkan suatu tuntutan dengan sesuatu cara lain dengan syarat bahawa tuntutan yang dihadkan itu —

(i) merujuk kepada rekacipta yang sama seperti dalam tuntutan itu sebelum ia dihadkan; dan

(ii) mentakrifkan bentuk rekacipta yang diperihalkan dalam spesifikasi paten yang diberikan itu dan dalam permohonan seperti yang difailkan,

dan jika tuannya membuat sebarang permintaan seperti itu, Pendaftar boleh juga membenarkan pindaan berbangkit ke atas perihalan itu supaya tuntutan atau tuntutan-tuntutan yang timbul akibat dari pindaan itu disokong dengan perihalan itu.

(2) Tuannya suatu paten boleh membuat suatu permintaan untuk meminda spesifikasi suatu paten mengikut cara yang disebut —

(a) dalam perenggan (a) atau (b) ceraiian (1), pada bila-bila masa setelah paten itu diberikan; dan

(b) dalam perenggan (c) ceraiian (1), dalam tempoh 4 tahun mulai dari tarikh paten itu diberikan.

(3) Pindaan itu tidaklah boleh dibenarkan di bawah bab ini jika terdapat prosiding yang belum lagi diputuskan di hadapan mahkamah di mana kesahan paten itu mungkin dipersoalkan.

(4) Seseorang boleh memberi notis kepada Pendaftar mengenai bangkangannya terhadap pindaan spesifikasi suatu paten mengikut cara yang disebut dalam perenggan (c) ceraiian (1), dan jika dia membangkangnya, Pendaftar hendaklah memberi tahu tuannya paten itu dan menimbangkan bangkangannya itu dalam memutuskan sama ada pindaan itu atau sebarang pindaan patut dibenarkan.

(5) Pindaan spesifikasi suatu paten yang dibenarkan secara sah di bawah bab ini hendaklah berkuatkuasa dan dianggap sentiasa mempunyai kuatkuasa mulai dari paten itu diberikan.

39. (1) Jika suatu paten terhenti dari berkuatkuasa kerana tidak membayar sebarang bayaran pembaharuan, permohonan untuk memasukkan semula paten itu boleh dibuat kepada Pendaftar dalam tempoh yang ditetapkan.

Pemasukan  
semula paten  
yang telah  
luput.

(2) Suatu permohonan di bawah bab ini boleh dibuat oleh orang yang merupakan tuannya paten itu atau oleh mana-mana orang lain yang mungkin berhak terhadap paten itu jika ia tidak terhenti dari berkuatkuasa; dan jika paten itu dipegang bersesama oleh dua orang atau lebih, permohonan itu boleh, dengan kebenaran Pendaftar, dibuat oleh salah seorang daripada mereka atau lebih tanpa mencantumkan orang lain.

(3) Notis permohonan itu hendaklah disiarkan oleh Pendaftar mengikut cara yang ditetapkan.

(4) Jika Pendaftar berpuas hati bahawa tuannya paten itu telah memberi perhatian yang munasabah bagi memastikan bahawa sebarang bayaran pembaharuan dibayar dalam tempoh yang ditetapkan atau bahawa bayaran itu dan sebarang bayaran tambahan yang ditetapkan dibayar dalam masa 6 bulan sejurus setelah tamatnya tempoh itu, Pendaftar hendaklah dengan perintah memasukkan semula paten itu setelah sebarang bayaran pembaharuan dan sebarang bayaran tambahan yang ditetapkan yang belum dijelaskan dibayar.

(5) Suatu perintah di bawah bab ini boleh dibuat tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pendaftar (termasuk suatu syarat yang menghendaki pematuhan sebarang peruntukan peraturan-peraturan berkenaan dengan pendaftaran yang belum dipatuhi), dan jika tuannya paten itu tidak mematuhi sebarang syarat perintah itu, Pendaftar boleh

membatalkan perintah itu dan memberi arahan yang berbangkit dari pembatalan itu sebagaimana yang difikirkannya patut.

(6) Kesan suatu perintah bagi memasukan semula suatu paten adalah sebagaimana yang diperuntukkan dalam cerai-an-ceraian (7) hingga (11).

(7) Apa-apa jua yang dilakukan di bawah atau berkenaan dengan paten itu dalam tempoh antara tamat tempoh dan memasukan semula hendaklah disifatkan sebagai sah.

(8) Apa-apa jua yang dilakukan dalam tempoh itu yang akan menjadi suatu pelanggaran jika paten itu belum tamat tempohnya hendaklah disifatkan sebagai suatu pelanggaran —

(a) jika dilakukan pada masa apabila paten itu mungkin diperbaharui di bawah bab 36(3);

(b) jika ia berupa penerusan atau pengulangan perbuatan melanggar yang terdahulu.

(9) Jika setelah paten itu tidak lagi mungkin diperbaharui, dan sebelum penyiaran notis permohonan untuk memasukan semula, seseorang —

(a) dengan suci hati mula melakukan suatu perbuatan yang akan menjadi suatu pelanggaran terhadap paten itu jika ia belum tamat tempohnya; atau

(b) dengan suci hati telah membuat persediaan yang berkesan dan serius untuk melakukan perbuatan tersebut,

dia mempunyai hak untuk terus melakukan perbuatan itu atau, mengikut mana yang berkenaan, untuk melakukan perbuatan itu, walaupun paten itu dimasukkan semula; tetapi hak ini tidak diperluaskan kepada pemberian suatu lesen kepada orang lain untuk melakukan perbuatan itu.

(10) Jika perbuatan itu telah dilakukan, atau persediaan tersebut telah dibuat, semasa menjalankan suatu perniagaan, orang yang berhak mendapat hak yang diberikan oleh cerai-an (9) boleh —

(a) membenarkan perbuatan itu dilakukan oleh mana-mana rakan kongsinya pada masa itu dalam perniagaan tersebut; dan

(b) menyerahkan hak itu, atau memindahkannya atas kematian (atau dalam hal suatu badan korporat atas



pembubarannya}, kepada mana-mana orang yang memperoleh bahagian perniagaan tersebut yang semasa menjalankannya perbuatan itu telah dilakukan atau persediaan tersebut telah dibuat.

(11) Jika suatu produk dilupuskan kepada orang lain pada menjalankan hak-hak yang diberikan oleh ceraiian (9) atau (10), orang lain itu dan mana-mana orang yang menuntut melaluinya boleh mengendalikan produk itu dengan cara yang sama seolah-olah produk itu telah dilupuskan oleh tuannya berdaftar paten itu.

(12) Ceraiian-ceraiian (7) hingga (11) hendaklah dikenakan berkenaan dengan penggunaan suatu paten bagi perkhidmatan Kerajaan sebagaimana ceraiian-ceraiian tersebut dikenakan berkenaan dengan pelanggaran paten itu.

40. (1) Tuannya suatu paten boleh pada bila-bila masa dengan notis yang diberikan kepada Pendaftar menawarkan untuk menyerahkan patennya dan penerimaan notis itu hendaklah diiklankan mengikut cara yang ditetapkan.

Penyerahan paten.

(2) Seseorang boleh memberi notis kepada Pendaftar mengenai bangkangannya terhadap penyerahan suatu paten di bawah bab ini, dan jika dia berbuat demikian Pendaftar hendaklah memberitahu tuannya paten itu dan memutuskan persoalan tersebut.

(3) Jika Pendaftar berpuas hati bahawa paten itu mungkin diserahkan dengan sewajarnya, dia boleh menerima tawaran itu dan, mulai dari tarikh apabila notis penerimaannya disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, paten itu hendaklah terhenti dari berkuatkuasa, tetapi tiada tindakan kerana pelanggaran boleh dibuat berkaitan dengan sebarang perbuatan yang dilakukan sebelum tarikh itu dan tiada hak mendapat pampasan boleh terakru kerana sebarang penggunaan rekacipta berpaten sebelum tarikh itu bagi perkhidmatan Kerajaan.

## BAHAGIAN VIII

### HARTA PATEN DAN PERMOHONAN UNTUK PATEN DAN PENDAFTARAN

41. (1) Sebarang paten atau permohonan untuk suatu paten adalah harta persendirian (iaitu tanpa benda dalam tindakan), dan sebarang paten atau sebarang permohonan untuk suatu paten dan hak ke atasnya atau di bawahnya boleh dipindahkan, diwujudkan atau diberikan menurut bab ini.

Jenis, dan transaksi dalam, paten dan permohonan untuk paten.

(2) Tertakluk kepada bab 46(3), sebarang paten atau sebarang permohonan untuk suatu paten, atau sebarang hak ke atasnya, boleh diserahkan hak atau digadai janji.

(3) Sebarang paten atau sebarang permohonan untuk suatu paten atau sebarang hak ke atasnya hendaklah terletak hak dengan kuatkuasa undang-undang mengikut cara yang sama sepertimana sebarang harta persendirian yang lain dan boleh diletak hak dengan persetujuan wakil-wakil diri.

(4) Tertakluk kepada bab 46(3), suatu lesen boleh diberikan di bawah sebarang paten atau sebarang permohonan untuk suatu paten bagi mengerjakan rekacipta yang menjadi perkara paten itu atau permohonan tersebut; dan

*(a)* setakat mana lesen itu memperuntukkan demikian, suatu sublesen boleh diberikan di bawah sebarang lesen itu dan sebarang lesen atau sublesen itu boleh diserahkan hak atau digadai janji; dan

*(b)* sebarang lesen atau sublesen itu hendaklah terletak hak dengan kuatkuasa undang-undang mengikut cara yang sama sepertimana sebarang harta persendirian yang lain dan boleh diletak hak dengan persetujuan wakil-wakil diri.

(5) Ceraian-ceraian (2) hingga (4) hendaklah berkuatkuasa tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini.

(6) Mana-mana transaksi yang berikut, iaitu —

*(a)* sebarang penyerahan hak atau gadaijanji suatu paten atau sebarang permohonan itu, atau sebarang hak ke atas suatu paten atau sebarang permohonan itu;

*(b)* sebarang persetujuan berkenaan dengan sebarang paten atau sebarang permohonan atau hak itu, adalah tidak sah melainkan jika ia adalah secara bertulis dan ditandatangani oleh atau bagi pihak-pihak dalam transaksi itu (atau, dalam hal suatu persetujuan atau transaksi lain oleh wakil diri, oleh atau bagi pihak wakil diri itu) atau dalam hal suatu badan korporat ditandatangani demikian atau dengan meterai badan korporat itu.

(7) Penyerahan hak suatu paten atau sebarang permohonan itu atau suatu bahagian di dalamnya, dan suatu lesen eksklusif yang diberikan di bawah sebarang paten atau sebarang permohonan itu, boleh memberi kepada pemegang serah hak atau pemegang lesen hak penyerah hak atau pemberi lesen untuk membawa prosiding

menurut bab 67 atau 76 kerana suatu pelanggaran yang dahulu atau untuk membawa prosiding di bawah bab 63 kerana suatu perbuatan yang dahulu.

42. (1) Hendaklah disimpan di Pejabat Pendaftaran suatu Daftar Paten yang akan mematuhi peraturan-peraturan yang dibuat menurut bab ini dan hendaklah disimpan menurut peraturan-peraturan itu.

Daftar paten.

(2) Tanpa menjejaskan sebarang peruntukan lain Perintah ini atau peraturan-peraturan itu, peraturan-peraturan itu boleh mengadakan peruntukan berkenaan dengan perkara-perkara yang berikut, termasuk peruntukan yang mengenakan kehendak-kehendak tentang sebarang perkara tersebut —

(a) pendaftaran paten dan permohonan untuk paten yang telah disiarkan;

(b) pendaftaran transaksi, suratcara atau kejadian yang menyentuh hak ke atas atau di bawah paten dan permohonan;

(c) pemberian kepada Pendaftar sebarang dokumen yang ditetapkan atau perihalan dokumen-dokumen berhubung dengan sebarang perkara yang dikehendaki untuk didaftarkan;

(d) pembetulan kesilapan dalam Daftar dan dalam sebarang dokumen yang difailkan di Pejabat Pendaftaran berhubung dengan pendaftaran; dan

(e) penyiaran dan pengiklanan apa-apa jua yang dilakukan di bawah Perintah ini atau peraturan-peraturan berkenaan dengan Daftar.

(3) Dengan tidak menghiraukan sebarang apa pun dalam ceraiian (2)(b), notis sebarang amanah, sama ada nyata, tersirat atau konstruktif, tidaklah boleh dicatatkan dalam Daftar dan Pendaftar tidaklah terjejas dengan sebarang notis seperti itu.

(4) Daftar tidak perlu disimpan dalam bentuk berdokumen.

(5) Tertakluk kepada peraturan-peraturan itu, orang ramai hendaklah berhak untuk memeriksa Daftar di Pejabat Pendaftaran pada bila-bila masa yang sesuai.

(6) Mana-mana orang yang memohon untuk mendapatkan satu salinan yang diperakui bagi suatu catatan dalam Daftar atau suatu cabutan yang diperakui dari Daftar adalah berhak untuk mendapatkan salinan atau cabutan tersebut setelah membayar bayaran yang ditetapkan berkenaan dengan salinan-salinan dan

cabutan-cabutan yang diperakui; dan peraturan-peraturan itu boleh memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang memohon untuk mendapatkan satu salinan atau cabutan yang tidak diperakui adalah berhak terhadap salinan atau cabutan tersebut setelah membayar bayaran yang ditetapkan berkenaan dengan salinan-salinan dan cabutan-cabutan yang tidak diperakui.

(7) Permohonan-permohonan di bawah cerai (6) atau peraturan-peraturan yang dibuat menurut cerai itu hendaklah dibuat mengikut cara sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

(8) Berkenaan dengan mana-mana bahagian Daftar yang disimpan melainkan dalam bentuk berdokumen —

(a) hak untuk memeriksa yang diberikan oleh cerai (5) adalah hak untuk memeriksa bahan dalam Daftar; dan

(b) hak terhadap satu salinan atau cabutan yang diberikan oleh cerai (6) atau peraturan-peraturan itu adalah hak terhadap satu salinan atau cabutan dalam bentuk yang boleh diambil dan dalam bentuk yang boleh dilihat dan mudah dibaca.

Kesan  
pendaftaran,  
dll., mengenai  
hak ke atas  
paten.

43. (1) Mana-mana orang yang mengaku telah memperolehi harta paten atau permohonan paten menurut sebarang transaksi, suratcara atau kejadian yang dikenakan bab ini, adalah berhak terhadap mana-mana orang lain yang mengaku telah memperolehi harta itu menurut suatu transaksi, suratcara atau kejadian terdahulu yang dikenakan bab ini jika, pada masa transaksi, suratcara atau kejadian yang kemudian —

(a) transaksi, suratcara atau kejadian terdahulu tidak didaftarkan;

(b) dalam hal sebarang permohonan yang belum disiarkan, notis transaksi, suratcara atau kejadian terdahulu belum diberikan kepada Pendaftar; dan

(c) dalam sebarang hal, orang yang mengaku di bawah transaksi, suratcara atau kejadian yang kemudian tidak mengetahui transaksi, suratcara atau kejadian terdahulu.

(2) Cerai (1) hendaklah dikenakan sama dalam hal jika mana-mana orang mengaku telah memperolehi sebarang hak ke atas atau di bawah suatu paten atau permohonan paten, menurut suatu transaksi, suratcara atau kejadian yang dikenakan bab ini, dan hak itu bertentangan dengan sebarang hak yang diperolehi itu menurut

suatu transaksi, suratcara atau kejadian terdahulu yang dikenakan bab ini.

(3) Bab ini hendaklah dikenakan kepada transaksi, suratcara dan kejadian yang berikut —

(a) penyerahan hak suatu paten atau permohonan paten, atau hak ke atasnya;

(b) gadai janji suatu paten atau permohonan paten;

(c) pemberian atau penyerahan hak suatu lesen atau sublesen, atau gadai janji suatu lesen atau sublesen, di bawah suatu paten atau permohonan paten;

(d) kematian tuannya atau salah seorang tuannya sebarang paten atau permohonan paten itu atau mana-mana orang yang mempunyai hak ke atas atau di bawah suatu paten atau permohonan paten dan perletakan hak dengan persetujuan wakil-wakil diri suatu paten, permohonan paten atau sebarang hak itu; dan

(e) sebarang perintah atau arahan mahkamah atau pihak berkuasa lain yang layak —

(i) yang memindahkan suatu paten atau permohonan paten atau sebarang hak ke atasnya atau di bawahnya kepada mana-mana orang; atau

(ii) bahawa permohonan paten hendaklah diteruskan atas nama mana-mana orang,

dan dalam salah satu hal kejadian yang menurutnya mahkamah atau pihak berkuasa itu mempunyai kuasa untuk membuat sebarang perintah itu atau memberi sebarang arahan itu.

(4) Jika permohonan untuk pendaftaran suatu transaksi, suratcara atau kejadian telah dibuat, tetapi transaksi, suratcara atau kejadian itu belum didaftarkan, maka, bagi maksud-maksud cerai (1)(a), pendaftaran permohonan itu hendaklah disifatkan sebagai pendaftaran transaksi, suratcara atau kejadian itu.

44. (1) Mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana orang yang tidak puas hati, memerintahkan supaya Daftar dibetulkan dengan membuat, atau mengubah atau memotong, sebarang catatan di dalamnya.

Pembetulan  
Daftar.

(2) Dalam prosiding di bawah bab ini mahkamah boleh memutuskan sebarang persoalan yang mungkin perlu atau mustahak untuk diputuskan berhubung dengan pembedahan Daftar.

Keterangan  
Daftar,  
dokumen, dll.

45. (1) Daftar hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai apa-apa jua yang dikehendaki atau dibenarkan oleh Perintah ini atau peraturan-peraturan itu untuk didaftarkan.

(2) Suatu sijil yang dikatakan ditandatangani oleh Pendaftar dan yang memperakui bahawa sebarang catatan yang dibenarkan untuk dibuat olehnya menurut Perintah ini atau peraturan-peraturan itu telah atau belum dibuat, atau bahawa sebarang hal lain yang dibenarkan untuk dilakukan olehnya telah atau belum dilakukan, hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai perkara yang diperakui itu.

(3) Tiap-tiap yang berikut, iaitu —

(a) satu salinan suatu catatan dalam Daftar atau suatu cabutan dari Daftar yang diberikan di bawah bab 42(6);

(b) satu salinan sebarang dokumen yang disimpan di Pejabat Pendaftaran atau suatu cabutan dari sebarang dokumen itu; atau

(c) sebarang spesifikasi suatu paten atau sebarang permohonan untuk suatu paten yang telah disiarkan,

yang dikatakan sebagai salinan yang diperakui atau cabutan yang diperakui hendaklah diterima sebagai keterangan tanpa bukti lanjut dan tanpa mengemukakan salinan asal.

(4) Dalam bab ini, "salinan yang diperakui" dan "cabutan yang diperakui" bermakna salinan dan cabutan yang diperakui oleh Pendaftar dan dimeterai dengan meterai Pejabat Pendaftaran.

Pemilikan  
bersama  
paten dan  
permohonan  
untuk paten.

46. (1) Jika suatu paten diberikan kepada dua orang atau lebih, setiap orang daripada mereka, tertakluk kepada sebarang perjanjian yang berlawanan, adalah berhak mendapat syer yang tidak dibahagikan secara sama rata ke atas paten itu.

(2) Jika dua orang atau lebih adalah tuannya suatu paten, maka, tertakluk kepada bab ini dan tertakluk kepada sebarang perjanjian yang berlawanan —

(a) setiap orang daripada mereka adalah berhak, olehnya sendiri atau wakil-wakilnya, untuk melakukan berkaitan dengan rekacipta, bagi faedahnya sendiri dan tanpa

persetujuan atau keperluan untuk menerangkan kepada orang atau orang-orang lain, sebarang perbuatan yang, selain dari ceraiian ini dan bab 58, terjumlah kepada pelanggaran paten itu; dan

(b) sebarang perbuatan itu tidaklah terjumlah kepada pelanggaran paten itu; dan

(3) Tertakluk kepada bab 47 dan sebarang perjanjian yang berkuatkuasa pada masa itu, jika dua orang atau lebih adalah tuannya suatu paten, salah seorang daripada mereka tidaklah boleh tanpa persetujuan orang atau orang-orang lain memberi suatu lesen di bawah paten itu atau menyerah hak atau menggadai janji suatu syer ke atas paten itu.

(4) Tertakluk kepada bab 47, jika dua orang atau lebih adalah tuannya suatu paten, sesiapa sahaja boleh membekalkan kepada salah seorang daripada mereka, berkenaan dengan elemen penting rekacipta, cara untuk menguatkuasakan rekacipta, dan pembekalan cara tersebut menurut ceraiian ini tidaklah terjumlah kepada pelanggaran paten itu.

(5) Jika suatu produk berpaten dilupuskan oleh mana-mana dua atau lebih tuannya kepada mana-mana orang, orang itu dan mana-mana orang lain yang menuntut melaluinya adalah berhak untuk memperlakukan produk itu dengan cara yang sama seolah-olah ia telah dilupuskan oleh tuannya berdaftar yang tunggal.

(6) Tiada sebarang apa pun dalam ceraiian (1) atau (2) boleh menjejaskan hak atau obligasi bersama pemegang-pemegang amanah atau wakil-wakil diri seseorang yang telah mati, atau hak atau obligasi mereka yang sedemikian itu.

(7) Bab ini hendaklah berkuatkuasa berkenaan dengan permohonan untuk suatu paten yang difailkan sebagaimana ia berkuatkuasa berkenaan dengan suatu paten dan —

(a) sebutan-sebutan kepada suatu paten dan suatu paten yang diberikan hendaklah dengan yang demikian termasuk sebutan-sebutan masing-masing kepada sebarang permohonan itu dan permohonan yang difailkan; dan

(b) sebutan dalam ceraiian (5) kepada suatu produk berpaten hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

Pemutusan hak terhadap paten atau permohonan untuk suatu paten.

47. (1) Jika tuanpunya-tuanpunya bersama suatu paten yang diberikan atau akan diberikan tidak bersetuju untuk —

(a) memberi suatu lesen di bawah paten atau paten yang akan diberikan itu;

(b) menyerah hak atau menggadai janji suatu syer ke atas paten atau paten yang akan diberikan itu,

maka mana-mana tuanpunya bersama itu boleh merujuk kepada Pendaftar persoalan sama ada, dengan kuatkuasa undang-undang ataupun sebaliknya, sebarang hak ke atas atau di bawah paten yang diberikan atau akan diberikan itu di bawah Perintah ini bagi suatu rekacipta patut dipindahkan atau diberikan kepada mana-mana orang lain, dan Pendaftar hendaklah memutuskan persoalan itu dan membuat suatu perintah sebagaimana yang difikirkannya patut bagi menguatkuasakan keputusannya itu.

(2) Setelah suatu paten diberikan bagi suatu rekacipta, mana-mana orang (bukannya tuanpunya paten itu) yang menuntut kepentingan ketuanpunyaan ke atas atau di bawah paten itu boleh merujuk kepada mahkamah persoalan sama ada sebarang hak ke atas atau di bawah paten itu patut dipindahkan atau diberikan kepada mana-mana orang atau orang-orang lain dan mahkamah hendaklah memutuskan persoalan itu dan membuat suatu perintah sebagaimana yang difikirkannya patut bagi menguatkuasakan keputusannya itu termasuk suatu perintah bahawa orang yang membuat rujukan itu atau pewaris hakmiliknya boleh, tertakluk kepada bab 84, membuat permohonan baru untuk suatu paten.

(3) Jika mahkamah mendapati dalam rujukan di bawah cerai (2) bahawa paten itu telah diberikan kepada seseorang yang tidak berhak untuk diberikan paten itu dan jika dalam prosiding yang dimulakan di bawah bab 80(1)(b) mahkamah memerintahkan pembatalan bersyarat atau tanpa syarat paten itu atas alasan tersebut, mahkamah boleh memerintahkan bahawa orang yang membuat permohonan untuk pembatalan itu atau pewaris hakmiliknya boleh, tertakluk kepada bab 84, membuat permohonan baru untuk suatu paten —

(a) dalam hal pembatalan tanpa syarat, bagi keseluruhan perkara yang terkandung dalam spesifikasi paten itu; dan

(b) dalam hal pembatalan bersyarat, bagi perkara yang pada pendapat mahkamah sepatutnya tidak dimasukkan dalam spesifikasi itu dengan pindaan di bawah bab 83,



dan jika permohonan baru tersebut dibuat, ia hendaklah disifatkan sebagai telah difailkan pada tarikh memfailkan permohonan untuk paten yang disebut dalam rujukan itu.

(4) Tiada perintah boleh dibuat di bawah cerai (2) atau (3) jika rujukan di bawah cerai (2) dibuat selepas tamat tempoh 2 tahun mulai dari tarikh pemberian, melainkan jika ditunjukkan bahawa mana-mana orang yang didaftarkan sebagai tuannya paten itu mengetahui pada masa pemberian atau, mengikut mana yang berkenaan, pada masa pemindahan paten itu kepadanya bahawa dia tidak berhak terhadap paten itu.

(5) Suatu perintah di bawah bab ini tidaklah boleh dibuat hingga menjejaskan hak atau obligasi bersama pemegang-pemegang amanah atau wakil-wakil diri seseorang yang telah mati, atau hak atau obligasi mereka yang sedemikian itu.

(6) Dalam sebarang rujukan di bawah bab ini, tiada perintah boleh dibuat melainkan jika notis rujukan itu diberikan kepada semua orang yang didaftarkan sebagai tuannya paten yang diberikan atau akan diberikan itu atau yang mempunyai hak ke atas atau di bawah paten yang diberikan atau akan diberikan itu, kecuali mereka yang menjadi pihak-pihak dalam rujukan itu.

(7) Jika suatu perintah dibuat di bawah cerai (2) atau (3) bahawa permohonan baru boleh dibuat, permohonan baru itu hendaklah dibuat dalam tempoh yang ditetapkan.

(8) Orang yang merujuk persoalan berkenaan dengan suatu rekacipta di bawah cerai (1) boleh dengan persetujuan tuannya-tuannya bersama lain paten yang diberikan atau akan diberikan itu, merujuk persoalan itu kepada mahkamah dan mahkamah hendaklah memutuskan persoalan itu dan boleh membuat suatu perintah sebagaimana yang difikirkannya patut bagi menguatkuasakan keputusannya itu.

(9) Jika pada pendapat Pendaftar atas persoalan yang dirujuk di bawah cerai (1) bahawa persoalan itu melibatkan perkara-perkara yang lebih wajar diputuskan oleh mahkamah, dia boleh enggan mengendalikannya dan, tanpa menjejaskan bidang kuasa mahkamah untuk memutuskan persoalan itu dan membuat suatu perisytiharan, mahkamah hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk berbuat demikian.

Kesan pemindahan paten atau permohonan paten di bawah bab 47.

48. (1) Jika suatu perintah dibuat di bawah bab 47 bahawa permohonan untuk suatu paten atau suatu paten hendaklah dipindahkan daripada mana-mana orang atau orang-orang (tuanpunya atau tuanpunya-tuanpunya dahulu) kepada seorang atau lebih (sama ada termasuk tuanpunya dahulu atau tidak) maka, kecuali dalam hal yang termasuk di bawah cerai (2) atau (3), sebarang lesen atau hak lain yang diberikan atau diwujudkan oleh tuanpunya atau tuanpunya-tuanpunya dahulu hendaklah, tertakluk kepada bab 43 dan peruntukan-peruntukan perintah itu, terus berkuatkuasa dan disifatkan sebagai diberikan oleh orang atau orang-orang yang kepadanya permohonan untuk paten itu atau paten itu diperintahkan untuk dipindahkan (tuanpunya atau tuanpunya-tuanpunya baru).

(2) Jika suatu perintah dibuat bahawa permohonan untuk suatu paten atau suatu paten hendaklah dipindahkan daripada tuanpunya atau tuanpunya-tuanpunya dahulu kepada seorang atau lebih yang tiada seorang pun daripada mereka merupakan tuanpunya dahulu (atas alasan bahawa permohonan untuk paten itu dibuat oleh, atau paten itu diberikan kepada, seseorang yang tidak berhak untuk membuat permohonan itu atau diberikan paten itu, mengikut mana yang berkenaan), sebarang lesen atau hak lain ke atas atau di bawah permohonan untuk paten itu atau paten itu hendaklah, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perintah tersebut dan cerai (3), luput apabila orang atau orang-orang itu didaftarkan sebagai tuanpunya atau tuanpunya-tuanpunya baru paten itu.

(3) Jika suatu perintah dibuat bahawa permohonan untuk suatu paten atau suatu paten hendaklah dipindahkan sebagaimana yang disebutkan dalam cerai (2) atau bahawa seseorang selain daripada tuanpunya dahulu boleh membuat permohonan baru untuk suatu paten, Pendaftar hendaklah memberitahu orang atau orang-orang yang didaftarkan sebagai tuanpunya atau tuanpunya-tuanpunya paten itu dan pemegang-pemegang lesen mereka (jika ada) yang diketahuinya, tentang pembuatan perintah itu, dan jika sebelum bermulanya prosiding bagaimana perintah itu dibuat, tuanpunya atau tuanpunya-tuanpunya dahulu atau pemegang lesen permohonan untuk paten itu atau paten itu, bertindak dengan suci hati, telah mengerjakan rekacipta yang berkenaan itu di Negara Brunei Darussalam atau telah membuat persediaan yang berkesan dan serius untuk berbuat demikian, tuanpunya atau tuanpunya-tuanpunya dahulu atau pemegang lesen itu adalah, setelah membuat suatu permintaan kepada tuanpunya atau tuanpunya-tuanpunya baru dalam tempoh yang ditetapkan, berhak untuk diberikan suatu lesen bukan eksklusif untuk terus mengerjakan atau, mengikut mana yang berkenaan, mengerjakan rekacipta itu, setakat mana ia menjadi perkara permohonan baru itu.

(4) Sebarang lesen itu hendaklah diberikan bagi suatu tempoh yang munasabah dan atas syarat-syarat yang munasabah.

(5) Tuanpunya atau tuanpunya-tuanpunya baru paten itu atau mana-mana orang yang mengaku bahawa dia berhak untuk diberikan sebarang lesen itu boleh merujuk kepada mahkamah persoalan sama ada orang itu berhak dan sama ada sebarang tempoh itu adalah munasabah atau syarat-syaratnya munasabah, dan mahkamah hendaklah memutuskan persoalan itu dan boleh, jika dianggapnya bersesuaian, memerintahkan supaya lesen tersebut diberikan.

## BAHAGIAN IX

### HAK YANG DIBERIKAN

49. Suatu paten semasa ia berkuatkuasa hendaklah memberikan kepada tuanpunyanya hak untuk menghalang semua pihak ketiga yang tidak mendapat persetujuannya dari melakukan semua atau sebarang perbuatan yang berikut —

Larangan untuk mengerjakan rekacipta secara langsung.

(a) jika hal perkara paten itu adalah suatu produk, perbuatan-perbuatan membuat, menggunakan, menawarkan untuk pelupusan, melupuskan, atau mengimport bagi maksud-maksud ini produk itu atau menyimpannya sama ada untuk pelupusan ataupun selainnya;

(b) jika hal perkara paten itu adalah suatu proses, perbuatan menggunakan proses itu, dan perbuatan-perbuatan menggunakan, menawarkan untuk pelupusan, melupuskan, atau mengimport bagi maksud-maksud ini sekurang-kurangnya produk yang langsung diperolehi dengan proses itu atau menyimpan produk itu sama ada untuk pelupusan ataupun selainnya.

50. (1) Suatu paten semasa ia berkuatkuasa hendaklah juga memberikan kepada tuanpunyanya hak untuk melarang semua pihak ketiga yang tidak mendapat persetujuannya dari membekalkan atau menawarkan untuk membekalkan di Negara Brunei Darussalam seseorang, selain daripada suatu pihak yang berhak untuk mengerjakan rekacipta berpaten itu, dengan sebarang cara, berkenaan dengan elemen penting rekacipta itu, untuk menguatkuasakan rekacipta itu, apabila pihak ketiga mengetahui, atau ternyata dalam hal itu kepada orang waras, bahawa cara tersebut adalah sesuai untuk, dan dimaksudkan untuk, menguatkuasakan rekacipta itu di Negara Brunei Darussalam.

Larangan untuk mengerjakan rekacipta secara tidak langsung.

(2) Ceraian (1) hendaklah tidak dikenakan kepada pembekalan atau tawaran bagi produk perdagangan asasi melainkan

jika pembekalan atau tawaran itu dibuat bagi maksud mendorong pihak ketiga yang dibekalkan atau, mengikut mana yang berkenaan, pihak ketiga yang kepadanya tawaran itu dibuat untuk melakukan sesuatu perbuatan yang menjadi suatu pelanggaran paten itu.

(3) Bagi maksud-maksud Bahagian ini, "produk perdagangan asasi" bermakna suatu produk mentah yang pada amnya boleh didapati atau komoditi perdagangan sesuai untuk kegunaan yang sekurang-kurangnya satu daripadanya tidak melanggar.

## BAHAGIAN X

### KONTRAK TENTANG PRODUK BERPATEN

Pengelakan  
syarat-syarat  
terbatas yang  
tertentu.

51. (1) Tertakluk kepada bab ini, sebarang syarat atau tempoh suatu kontrak bagi pembekalan suatu produk berpaten atau suatu lesen untuk mengerjakan suatu rekacipta berpaten, atau suatu kontrak berkenaan dengan sebarang pembekalan atau lesen tersebut, adalah tidak sah setakat mana ia dikatakan —

(a) dalam hal suatu kontrak bagi pembekalan, menghendaki orang yang dibekalkan itu supaya memperolehinya daripada pembekal, atau penerima namaannya, atau melarangnya dari memperolehinya dari mana-mana orang tertentu, atau dari memperolehinya kecuali daripada pembekal atau penerima namaannya, apa-apa jua selain produk berpaten itu;

(b) dalam hal suatu lesen untuk mengerjakan suatu rekacipta berpaten, menghendaki pemegang lesen supaya memperolehinya daripada pemberi lesen atau penerima namaannya, atau melarangnya dari memperolehinya daripada mana-mana orang tertentu, atau dari memperolehinya kecuali daripada pemberi lesen atau penerima namaannya, apa-apa jua selain produk yang merupakan produk berpaten itu atau (jika ia adalah suatu proses) selain apa-apa produk yang langsung diperolehi melalui proses itu atau di mana proses itu telah digunakan;

(c) dalam salah satu hal, melarang orang yang dibekalkan itu atau pemegang lesen dari menggunakan barang-barang (sama ada produk berpaten atau tidak) yang tidak dibekalkan oleh, atau sebarang proses berpaten yang bukan kepunyaan, pembekal atau pemberi lesen, atau penerima namaannya, atau membataskan hak orang yang dibekalkan itu atau pemegang lesen untuk menggunakan apa-apa barang atau proses tersebut.

(2) Dalam prosiding terhadap mana-mana orang kerana melanggar suatu paten, adalah menjadi suatu pembelaan untuk membuktikan bahawa pada masa pelanggaran itu terdapat suatu kontrak yang berkuatkuasa berkenaan dengan paten tersebut yang dibuat oleh atau dengan persetujuan plaintif atau suatu lesen di bawah paten tersebut yang diberikan olehnya atau dengan persetujuannya dan mengandungi dalam salah satu hal suatu syarat atau tempoh yang tidak sah menurut bab ini.

(3) Suatu syarat atau tempoh suatu kontrak atau lesen tidaklah boleh tidak sah menurut bab ini jika —

(a) pada masa pembuatan kontrak itu atau pemberian lesen itu, pembekal atau pemberi lesen bersedia untuk membekalkan produk itu, atau memberi suatu lesen untuk mengerjakan rekacipta itu, mengikut mana yang berkenaan, kepada orang yang dibekalkan itu atau pemegang lesen, atas syarat-syarat yang munasabah yang dinyatakan dalam kontrak atau lesen itu dan tanpa sebarang syarat atau tempoh yang disebutkan dalam ceraiian (1); dan

(b) orang yang dibekalkan itu atau pemegang lesen berhak di bawah kontrak atau lesen itu untuk melepaskan dirinya dari tanggungannya untuk mematuhi syarat atau tempoh tersebut dengan memberi kepada pihak yang satu lagi notis 3 bulan secara bertulis, dan tertakluk kepada pembayaran kepada pihak yang satu lagi itu pampasan (iaitu, dalam hal suatu kontrak untuk membekalkan, suatu jumlah wang sekaligus atau sewa bagi baki tempoh kontrak itu dan, dalam hal suatu lesen, suatu royalti bagi baki tempoh lesen itu) sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh penimbangtara yang dilantik oleh Peguam Negara.

(4) Jika dalam sebarang prosiding dikatakan bahawa sebarang syarat atau tempoh suatu kontrak atau lesen tidak sah menurut bab ini, adalah terletak kepada pembekal atau pemberi lesen untuk membuktikan perkara-perkara yang dinyatakan dalam ceraiian (3)(a).

(5) Suatu syarat atau tempoh suatu kontrak atau lesen tidaklah boleh tidak sah menurut bab ini hanya kerana ia melarang mana-mana orang dari menjual barang-barang selain yang dibekalkan oleh orang tertentu atau, dalam hal suatu kontrak bagi penyewaan atau lesen untuk menggunakan suatu produk berpaten, bahawa ia mempunyai terhadap bailor atau pemberi lesen, atau penerima namaannya, hak untuk membekalkan bahagian-bahagian baru produk berpaten itu sebagaimana yang mungkin dikehendaki bagi meletakkannya atau menyimpannya dalam keadaan baik.

Pemutusan  
bahagian-  
bahagian  
kontrak yang  
tertentu.

52. (1) Sebarang kontrak bagi pembekalan suatu produk berpaten atau lesen untuk mengerjakan suatu rekacipta berpaten, atau kontrak berkenaan dengan sebarang pembekalan atau lesen tersebut, boleh pada bila-bila masa setelah paten itu atau semua paten yang melindungi produk atau rekacipta itu pada masa pembuatan kontrak tersebut atau pemberian lesen itu terhenti daripada berkuatkuasa, dan dengan tidak menghiraukan apa-apa jua yang berlawanan dalam kontrak atau lesen itu atau dalam sebarang kontrak lain, diputuskan, setakat mana (dan hanya setakat mana) kontrak atau lesen itu berkaitan dengan produk atau rekacipta itu, oleh salah satu pihak dengan memberi notis 3 bulan secara bertulis kepada pihak yang satu lagi.

(2) Dalam cerai (1), "produk berpaten" dan "rekacipta berpaten" masing-masing termasuk suatu produk dan suatu rekacipta yang menjadi perkara permohonan untuk suatu paten, dan cerai itu hendaklah dikenakan berhubung dengan suatu paten yang melindungi sebarang produk atau rekacipta tersebut dan yang diberikan setelah masa kontrak itu dibuat atau lesen itu diberikan, atas suatu permohonan yang telah difailkan sebelum masa tersebut, sebagaimana ia dikenakan kepada suatu paten yang berkuatkuasa pada masa itu.

(3) Jika, atas suatu permohonan di bawah bab ini yang dibuat oleh salah satu pihak dalam suatu kontrak atau lesen yang termasuk di bawah cerai (1), mahkamah berpuas hati bahawa, oleh kerana paten atau paten-paten itu terhenti daripada berkuatkuasa, adalah tidak adil untuk menghendaki pemohon untuk terus mematuhi semua syarat kontrak atau lesen tersebut, ia boleh membuat suatu perintah yang mengubah syarat-syarat tersebut, dengan memberi perhatian kepada semua hal keadaan kes, sebagaimana yang difikirkannya adil di antara pihak-pihak tersebut.

Penggal 106.

(4) Tanpa menjejaskan sebarang hak lain untuk mendapatkan kembali, tiada sebarang apa pun dalam cerai (1) boleh dianggap sebagai memberi hak kepada mana-mana orang untuk mendapatkan kembali harta yang disewakan di bawah suatu perjanjian sewa beli yang dibuat menurut Akta Kontrak, Perintah Darurat (Penjualan Barang-Barang), 1994 atau sebarang undang-undang di Negara Brunei Darussalam berkenaan dengan sewa beli.

(5) Bab ini hendaklah dikenakan kepada kontrak-kontrak dan lesen-lesen sama ada dibuat sebelum atau selepas hari yang ditetapkan.

(6) Bab ini hendaklah tanpa menjejaskan sebarang rukun undang-undang berkenaan dengan kekecewaan kontrak dan sebarang

hak untuk menamatkan suatu kontrak atau lesen yang boleh dijalankan selain dari bab ini.

## BAHAGIAN XI

### LESEN HAK DAN LESEN WAJIB

53. (1) Pada bila-bila masa selepas pemberian suatu paten Lesen hak.  
tuanpunyanya boleh memohon kepada Pendaftar supaya catatan dibuat dalam Daftar yang bermaksud bahawa lesen-lesen di bawah paten itu boleh didapati sebagai hak.

(2) Jika suatu permohonan di bawah cerai (1) dibuat, Pendaftar hendaklah memberi notis mengenai permohonan itu kepada mana-mana orang yang didaftarkan sebagai mempunyai hak ke atas atau di bawah paten itu dan, jika berpuas hati bahawa tuannya paten itu tidak dihalang dengan kontrak dari memberi lesen di bawah paten itu, hendaklah membuat catatan tersebut.

(3) Jika suatu catatan di bawah cerai (2) dibuat berkaitan dengan suatu paten —

*(a)* mana-mana orang, pada bila-bila masa selepas catatan itu dibuat, berhak terhadap suatu lesen di bawah paten itu sebagai hak atas syarat-syarat yang mungkin diselesaikan dengan perjanjian atau, jika tiada perjanjian, oleh Pendaftar atas permohonan tuannya paten itu atau orang yang menghendaki lesen tersebut;

*(b)* Pendaftar boleh, atas permohonan pemegang mana-mana lesen yang diberikan di bawah paten itu sebelum catatan tersebut dibuat, memerintahkan supaya lesen itu ditukar dengan lesen hak atas syarat-syarat yang diselesaikan itu;

*(c)* jika dalam prosiding kerana melanggar paten itu defendan berjanji untuk mengambil suatu lesen atas syarat-syarat tersebut, tiada injunksi boleh diberikan terhadapnya dan amaun (jika ada) yang boleh didapatkan kembali daripadanya melalui ganti rugi tidaklah boleh melebihi dua kali ganda dari amaun yang sepatutnya kena dibayar olehnya sebagai pemegang lesen jika lesen tersebut atas syarat-syarat itu telah diberikan sebelum pelanggaran paling awal;

*(d)* bayaran pembaharuan yang kena dibayar berkaitan dengan paten itu selepas tarikh catatan tersebut adalah separuh dari bayaran yang kena dibayar jika catatan tersebut belum dibuat.

(4) Suatu akujanji di bawah ceraian (3)(c) boleh diberikan pada bila-bila masa sebelum perintah muktamad dalam prosiding itu, tanpa sebarang penerimaan liabiliti.

(5) Pemegang lesen di bawah lesen hak boleh (melainkan jika, dalam hal suatu lesen yang syarat-syaratnya diselesaikan dengan perjanjian, lesen itu memperuntukkan dengan nyata sebaliknya) meminta tuannya paten itu supaya mengambil prosiding untuk menghalang sebarang pelanggaran paten itu; dan jika tuannya enggan atau lalai berbuat demikian dalam masa 2 bulan selepas diminta, pemegang lesen boleh memulakan prosiding kerana pelanggaran tersebut atas namanya sendiri seolah-olah dia adalah tuannya, dengan menjadikan tuannya sebagai defendan.

(6) Tuan yang dimasukkan sebagai defendan hendaklah tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kos atau perbelanjaan melainkan jika dia memasukkan kehadiran dan mengambil bahagian dalam prosiding tersebut.

Pembatalan  
catatan yang  
dibuat  
di bawah  
bab 53.

54. (1) Pada bila-bila masa setelah suatu catatan dibuat di bawah bab 53 berkaitan dengan suatu paten, tuannya paten itu boleh memohon kepada Pendaftar bagi pembatalan catatan tersebut.

(2) Jika suatu permohonan di bawah ceraian (1) dibuat dan baki semua bayaran pembaharuan yang sepatutnya kena dibayar jika catatan itu belum dibuat telah dibayar dalam tempoh yang ditetapkan, Pendaftar boleh membatalkan catatan itu jika berpuas hati bahawa lesen yang sedia ada tidak ada di bawah paten tersebut atau bahawa semua pemegang lesen di bawah paten tersebut bersetuju dengan permohonan itu.

(3) Dalam tempoh yang ditetapkan setelah suatu catatan dibuat di bawah bab 53 berkaitan dengan suatu paten, mana-mana orang yang menuntut bahawa tuannya paten itu adalah, dan pada masa catatan itu dibuat telah, dihalang dengan suatu kontrak di mana pihak menuntut ada kepentingan dari memberi lesen di bawah paten itu boleh memohon kepada Pendaftar bagi pembatalan catatan tersebut.

(4) Jika Pendaftar berpuas hati, atas suatu permohonan di bawah ceraian (3), bahawa tuannya paten itu adalah dihalang dan telah dihalang, dia hendaklah membatalkan catatan tersebut dengan syarat bahawa tuannya membayar dalam tempoh yang ditetapkan, suatu jumlah wang yang bersamaan dengan baki semua bayaran pembaharuan yang sepatutnya kena dibayar jika catatan tersebut belum dibuat, dan paten itu hendaklah terhenti dari berkuatkuasa pada tamatnya tempoh itu jika jumlah wang tersebut tidak dibayar.



(5) Jika suatu catatan dibatalkan di bawah bab ini, hak dan liabiliti tuannya paten itu selepas pembatalan tersebut adalah sama seolah-olah catatan itu belum dibuat.

(6) Jika suatu permohonan telah dibuat di bawah bab ini —

(a) dalam hal suatu permohonan di bawah cerai (1), mana-mana orang; dan

(b) dalam hal suatu permohonan di bawah cerai (3), tuannya paten itu,

boleh dalam tempoh yang ditetapkan memberi notis bantahan kepada Pendaftar terhadap pembatalan tersebut; dan Pendaftar hendaklah, dalam menimbang permohonan itu, memutuskan sama ada bantahan tersebut mempunyai justifikasi.

55. (1) Pada bila-bila masa selepas tamat tempoh 3 tahun dari tarikh pemberian suatu paten atau 4 tahun dari tarikh memfailkan permohonan paten itu, mengikut mana yang kemudian, mana-mana orang yang berkepentingan boleh memohon kepada mahkamah bagi pemberian suatu lesen di bawah paten itu atas sebarang alasan yang dinyatakan dalam cerai (2).

Lesen wajib.

(2) Alasan yang atasnya suatu lesen boleh diberikan di bawah bab ini adalah bahawa pasaran di Negara Brunei Darussalam bagi rekacipta berpaten tidak dibekalkan —

(a) kerana tidak mengerjakan atau, mengerjakan setakat yang memadai, rekacipta berpaten; atau

(b) atas syarat-syarat yang munasabah,

oleh tuannya paten tersebut.

(3) Tertakluk kepada bab ini, jika mahkamah berpuas hati bahawa salah satu alasan yang disebut dalam cerai (2) dibuktikan, mahkamah boleh membuat suatu perintah bagi pemberian suatu lesen menurut permohonan itu atas syarat-syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh mahkamah.

(4) Suatu lesen yang diberikan di bawah bab ini —

(a) hendaklah bukan eksklusif;

(b) tidak boleh diserahkan melainkan berhubung dengan bahagian perusahaan itu atau nama baik perniagaan di mana rekacipta berpaten digunakan;

(c) hanya boleh membenarkan penggunaan rekacipta berpaten lebih banyak bagi pembekalan pasaran di Negara Brunei Darussalam; dan

(d) hendaklah terhad dalam bidang dan jangkamasa penggunaan rekacipta berpaten kepada tujuan yang dibenarkan bagi penggunaan rekacipta berpaten.

(5) Sebarang lesen yang diberikan di bawah bab ini boleh, atas permohonan mana-mana pihak yang berkepentingan, ditamatkan oleh mahkamah jika mahkamah berpuas hati bahawa alasan yang atasnya lesen itu diberikan tidak lagi wujud dan, pada pendapat mahkamah, tidak mungkin berulang, dengan syarat bahawa kepentingan yang sah pemegang lesen tidak mungkin terjejas oleh pembatalan tersebut.

(6) Jika suatu lesen diberikan di bawah bab ini kepada mana-mana orang, orang itu hendaklah membayar suatu ganjaran kepada tuannya paten itu sebagaimana yang mungkin dipersetujui, atau sebagaimana yang mungkin ditentukan dengan suatu keadah yang dipersetujui, di antara orang itu dan tuannya paten itu atau, sekiranya tiada persetujuan, sebagaimana yang ditentukan oleh mahkamah atas permohonan orang itu atau tuannya paten itu.

(7) Suatu lesen tidaklah boleh diberikan di bawah bab ini —

(a) melainkan jika dibuktikan bahawa dalam suatu tempoh masa yang munasabah, pemohon bagi pemberian lesen itu tidak dapat setelah menjalankan usaha yang munasabah memperolehi suatu lesen atas syarat-syarat yang munasabah daripada tuannya paten itu; atau

(b) jika permohonan untuk suatu lesen di bawah bab ini adalah berkaitan dengan suatu rekacipta berpaten yang berhubungan dengan rekabentuk susun atur, kecuali untuk memperbetulkan sesuatu amalan yang ditentukan oleh mahkamah sebagai anti persaingan.

(8) Tuannya suatu paten ("paten kedua") boleh memohon kepada mahkamah bagi pemberian suatu lesen di bawah paten lain ("paten pertama") atas alasan bahawa paten kedua tidak dapat dikerjakan tanpa paten pertama dilanggar olehnya, dan jika mahkamah berpuas hati bahawa —

(a) alasan itu dibuktikan; dan

(b) rekacipta yang dituntut dalam paten kedua melibatkan kemajuan teknikal yang penting yang mempunyai

kepentingan ekonomi yang besar berkenaan dengan rekacipta yang dituntut dalam paten pertama,

mahkamah boleh membuat suatu perintah bagi pemberian suatu lesen menurut permohonan itu, atas syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya patut dan setakat mana yang perlu untuk mengerjakan rekacipta yang dituntut dalam paten kedua.

(9) Jika mahkamah membuat suatu perintah di bawah ceraiian (8) tuannya paten pertama berhak mendapat suatu perintah, jika dia menghendaki demikian, bagi pemberian suatu lesen silang atas syarat-syarat yang munasabah untuk mengerjakan rekacipta yang dituntut dalam paten kedua.

(10) Lesen yang diberikan di bawah ceraiian (8) tidak boleh diserahkan hak kecuali dengan penyerahan hak paten kedua.

(11) Ceraiian-ceraiian (4)(c) dan (7)(a) tidaklah melarang mahkamah dari membuat suatu perintah bagi pemberian suatu lesen untuk mengerjakan suatu rekacipta yang dituntut dalam suatu paten bertentangan dengan kemahuan tuannya paten itu jika mahkamah berpuas hati bahawa pemberian lesen itu adalah bagi maksud memperbetulkan sesuatu amalan yang dianggapnya sebagai anti persaingan.

(12) Bagi maksud-maksud Bahagian ini,

(a) "rekabentuk susun atur" bermakna disposisi tiga dimensi, tidak kira bagaimana jua pun dinyatakan, elemen-elemen, sekurang-kurangnya satu daripadanya adalah elemen aktif, dan beberapa atau semua saling hubungan, litar bersepadu; dan termasuk disposisi tiga dimensi yang disediakan untuk litar bersepadu yang dimaksudkan untuk pengilangan; dan

(b) "litar bersepadu" bermakna suatu litar, dalam bentuknya yang akhir atau pertengahan, di mana elemen-elemen, sekurang-kurangnya satu daripadanya adalah elemen aktif, dan beberapa atau semua saling hubungan dibentuk secara integral dalam atau pada kepingan bahan dan dimaksudkan untuk menjalankan fungsi elektronik.

56. (1) Kuasa-kuasa mahkamah atas suatu permohonan di bawah bab 55 berkaitan dengan suatu paten hendaklah dijalankan dengan tujuan untuk mendapatkan bagi tuannya paten itu atau orang lain yang berhak mendapat faedah ke atas paten itu suatu royalti atau ganjaran lain yang munasabah dengan memberi perhatian kepada nilai ekonomi lesen itu.

Perjalanan  
kuasa atas  
permohonan  
di bawah  
bab 55.

(2) Tertakluk kepada cerai (1), mahkamah hendaklah, dalam memutuskan sama ada untuk membuat suatu perintah menurut permohonan tersebut, mengambil kira perkara-perkara yang berikut —

(a) jenis rekacipta tersebut, masa yang telah luput sejak penyiaran dalam *Warta Kerajaan* suatu notis mengenai pemberian paten itu dan langkah-langkah yang telah pun diambil oleh tuannya paten itu atau mana-mana pemegang lesen untuk menggunakan sepenuhnya rekacipta tersebut;

(b) keupayaan mana-mana orang yang akan diberikan suatu lesen di bawah perintah untuk mengerjakan rekacipta tersebut untuk faedah orang ramai;

(c) risiko yang akan diambil oleh orang itu dalam mengadakan modal dan mengerjakan rekacipta tersebut jika permohonan untuk suatu perintah diberikan,

tetapi tidaklah dikehendaki mengambil kira perkara-perkara selepas permohonan itu dibuat.

**Peruntukan-  
peruntukan  
tambahan.**

57. (1) Suatu perintah yang dibuat oleh mahkamah di bawah bab 55 hendaklah disampaikan kepada Pendaftar oleh seseorang pegawai mahkamah yang berkenaan dan, setelah perintah itu diterima, Pendaftar hendaklah menyebabkan supaya suatu catatan dibuat dalam Daftar.

(2) Catatan suatu perintah dalam Daftar di bawah bab 55 hendaklah bagi segala maksud mempunyai kesan yang sama sebagaimana suatu catatan yang dibuat di bawah bab 53.

(3) Tiada perintah boleh dibuat menurut suatu permohonan di bawah bab 55 atau berkaitan dengan perbuatan-perbuatan yang dilaksanakan di bawah Bahagian XII yang mungkin bertentangan dengan sebarang triti atau konvensyen antarabangsa berkenaan dengan paten di mana Negara Brunei Darussalam menjadi suatu pihak.

## BAHAGIAN XII

**PENGUNAAN REKACIPTA BERPATEN UNTUK  
PERKHIDMATAN KERAJAAN**

58. (1) Tertakluk kepada Bahagian ini, dengan tidak menghiraukan sebarang apa pun dalam Perintah ini, mana-mana jabatan Kerajaan dan mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh sesebuah jabatan Kerajaan boleh, untuk perkhidmatan Kerajaan dan menurut bab ini melakukan sebarang perbuatan yang berikut di Negara Brunei Darussalam untuk perkhidmatan Kerajaan —

Penggunaan rekacipta berpaten untuk perkhidmatan Kerajaan.

(a) jika rekacipta berpaten itu adalah suatu produk, boleh membuat, menggunakan, mengimport, memperolehi atau menyimpan produk itu;

(b) jika rekacipta berpaten itu adalah suatu proses, boleh menggunakannya atau, berkenaan dengan sebarang produk yang langsung diperolehi melalui proses tersebut, melakukan apa-apa jua yang disebutkan dalam perenggan (a); dan

(c) boleh melupuskan atau menawarkan untuk melupuskan apa-apa jua yang dibuat, digunakan, diimport, diperolehi atau disimpan pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab ini dan yang tidak lagi dikehendaki untuk tujuan yang baginya ia dibuat, digunakan, diimport, diperolehi atau disimpan, mengikut mana yang berkenaan,

dan apa-apa jua yang dilakukan menurut bab ini tidaklah terjumlah kepada pelanggaran paten itu.

(2) Sebarang perbuatan yang dilakukan berkenaan dengan suatu rekacipta menurut bab ini adalah dalam bab ini disebut sebagai penggunaan rekacipta itu; dan "penggunaan", berkenaan dengan suatu rekacipta, dalam bab-bab 59 hingga 63 hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

(3) Setakat mana rekacipta itu sebelum tarikh keutamaannya telah sempurna direkodkan oleh atau dicuba oleh atau bagi pihak sesebuah jabatan Kerajaan melainkan akibat dari penyampaian berkaitan yang dibuat secara rahsia, sebarang penggunaan rekacipta itu menurut bab ini boleh dilepaskan dari sebarang royalti atau bayaran lain terhadap tuannya.

(4) Seseorang yang memperolehi apa-apa jua yang dilupuskan pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab ini, dan mana-mana orang yang menuntut melaluinya, boleh

mengendalikannya mengikut cara yang sama seolah-olah paten itu dipegang bagi pihak Kerajaan.

(5) Dalam bab ini, "penyampaian berkaitan", berkenaan dengan suatu rekacipta berpaten, bermakna penyampaian rekacipta itu secara langsung atau tidak langsung oleh tuannya paten itu atau mana-mana orang yang daripadanya dia memperoleh hakmilik.

Tafsiran, dll.,  
peruntukan-  
peruntukan  
tentang  
penggunaan  
Kerajaan.

59. (1) Sebarang sebutan dalam Bahagian ini kepada suatu rekacipta berpaten, berkenaan dengan sebarang masa, adalah sebutan kepada suatu rekacipta yang baginya suatu paten telah diberikan sebelum masa tersebut, atau kemudiannya diberikan.

(2) Dalam Bahagian ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain, "perkhidmatan Kerajaan" hendaklah dianggap termasuk —

(a) penjualan atau pembekalan apa-apa jua untuk tujuan pertahanan asing;

(b) pembekalan apa-apa jua untuk mengelakkan kemudaratan kepada keselamatan atau pertahanan Negara Brunei Darussalam; dan

(c) pembekalan apa-apa jua untuk membantu pada menjalankan kuasa-kuasa dan melaksanakan langkah-langkah dalam suatu tempoh darurat negara atau hal-hal lain yang amat mendesak,

dan "penggunaan untuk perkhidmatan Kerajaan" hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya dan terhad kepada penggunaan awam bukan perdagangan.

(3) Dalam cerai (2)(a) sebutan-sebutan kepada penjualan atau pembekalan apa-apa jua untuk tujuan pertahanan asing adalah sebutan-sebutan kepada penjualan atau pembekalan barang —

(a) kepada kerajaan mana-mana negara di luar Negara Brunei Darussalam menurut suatu perjanjian atau penyusunan di antara Kerajaan dan kerajaan negara tersebut, jika barang itu diperlukan untuk pertahanan negara tersebut atau mana-mana negara lain yang kerajaannya menjadi pihak dalam sebarang perjanjian atau penyusunan dengan Kerajaan berkaitan dengan perkara-perkara pertahanan; atau

(b) kepada Bangsa-Bangsa Bersatu, atau kepada kerajaan mana-mana negara yang menjadi ahli pertubuhan tersebut, menurut suatu perjanjian atau penyusunan di antara Kerajaan

dan pertubuhan atau kerajaan tersebut, jika barang itu diperlukan untuk mana-mana angkatan bersenjata yang beroperasi menurut sesuatu resolusi pertubuhan tersebut atau mana-mana organ pertubuhan tersebut.

60. (1) Hak untuk menggunakan suatu rekacipta berpaten di bawah bab 58 —

Jenis dan bidang hak di bawah bab 58.

(a) hendaklah bukan eksklusif;

(b) tidak boleh diserahkan hak melainkan berhubung dengan bahagian perusahaan itu atau nama baik perniagaan di mana rekacipta berpaten itu digunakan;

(c) adalah, dengan tidak menghiraukan cerai (2) bab 59, terhad kepada pembekalan rekacipta berpaten itu di Negara Brunei Darussalam oleh sesebuah jabatan Kerajaan atau seseorang yang diberi kuasa oleh sesebuah jabatan Kerajaan di bawah bab tersebut.

(2) Hak untuk menggunakan suatu rekacipta berpaten di bawah bab 58 boleh, atas permohonan mana-mana pihak yang berkepentingan, ditamatkan oleh mahkamah, jika mahkamah berpuas hati bahawa hal-hal yang menimbulkan hak untuk menggunakan rekacipta berpaten itu tidak lagi wujud dan tidak mungkin berulang.

(3) Kecuali dalam hal yang dikenakan bab 64, hak untuk menggunakan suatu rekacipta berpaten di bawah bab 58 adalah tertakluk kepada jabatan Kerajaan tersebut atau orang yang diberi kuasa oleh sesebuah jabatan Kerajaan di bawah bab 58 terlebih dahulu telah mengambil segala langkah yang munasabah untuk mendapatkan persetujuan tuannya paten itu terhadap penggunaan rekacipta berpaten itu atas syarat-syarat perdagangan yang munasabah, dan setelah gagal mendapatkan persetujuan tersebut dalam suatu tempoh masa yang munasabah.

61. Jika sesuatu perbuatan dilakukan di bawah bab 58, Kerajaan hendaklah membayar suatu ganjaran kepada tuannya paten itu sebagaimana yang mungkin dipersetujui, atau sebagaimana yang mungkin ditentukan dengan suatu keadah yang dipersetujui, di antara Kerajaan dan tuannya dengan memberi perhatian kepada nilai ekonomi rekacipta berpaten itu atau, sekiranya tiada persetujuan, sebagaimana yang mungkin diputuskan oleh mahkamah di bawah bab 63.

Tuannya paten berhak mendapat ganjaran.

Hak-hak pihak ketiga berkaitan dengan penggunaan Kerajaan.

62. (1) Berkenaan dengan —

(a) sebarang penggunaan yang dibuat untuk perkhidmatan Kerajaan akan suatu rekacipta oleh sesebuah jabatan Kerajaan, atau seseorang yang diberi kuasa oleh sesebuah jabatan Kerajaan, menurut bab 58; atau

(b) apa-apa jua yang dilakukan untuk perkhidmatan Kerajaan mengikut perintah sesebuah jabatan Kerajaan oleh tuannya suatu paten berkaitan dengan suatu rekacipta berpaten atau oleh tuannya suatu permohonan berkaitan dengan suatu rekacipta yang baginya permohonan untuk suatu paten telah difailkan dan masih belum diputuskan,

peruntukan-peruntukan sebarang lesen, penyerahan hak atau perjanjian yang dikenakan ceraiian ini hendaklah, tertakluk kepada bab-bab 60 hingga 61, tidak berkuatkuasa setakat mana peruntukan-peruntukan tersebut menyekat atau mengawalselia pengerjaan rekacipta itu, atau penggunaan sebarang model, dokumen atau maklumat berkenaan dengannya, atau memperuntukkan supaya pembayaran dibuat berkaitan dengan, atau dikira dengan merujuk kepada, pengerjaan atau penggunaan tersebut; dan pengeluaran semula atau penerbitan sebarang model atau dokumen berhubung dengan pengerjaan atau penggunaan tersebut hendaklah tidak di anggap sebagai pelanggaran sebarang hakcipta atau hak rekabentuk yang ada ke atas model atau dokumen itu.

(2) Ceraiian (1) hendaklah dikenakan kepada suatu lesen, penyerahan hak atau perjanjian yang dibuat, sama ada sebelum atau selepas hari yang ditetapkan, di antara (di satu pihak) mana-mana orang yang menjadi tuannya atau pemohon untuk paten itu, atau sesiapa jua yang memperolehi hakmilik daripada mana-mana orang itu atau yang daripadanya orang itu memperolehi hakmilik, dan (di pihak yang satu lagi) mana-mana orang selain daripada sesebuah jabatan Kerajaan.

(3) Jika suatu lesen eksklusif yang diberikan melainkan untuk royalti atau faedah lain yang ditentukan dengan merujuk kepada pengerjaan rekacipta itu berkuatkuasa di bawah paten atau permohonan itu, maka —

(a) berkenaan dengan apa-apa jua yang dilakukan berkaitan dengan rekacipta itu yang, jika tidak kerana bab ini dan bab 58, akan menjadi pelanggaran hak pemegang lesen, bab 63 hendaklah berkuatkuasa seolah-olah bagi rujukan kepada tuannya paten itu digantikan dengan rujukan kepada pemegang lesen; dan



(b) berkenaan dengan apa-apa jua yang dilakukan berkaitan dengan rekacipta itu oleh pemegang lesen menurut kuasa yang diberikan di bawah bab 58, bab itu hendaklah berkuatkuasa seolah-olah bab 63 ditinggalkan.

(4) Tertakluk kepada cerai (3), jika suatu paten, atau hak terhadap pemberian suatu paten, telah diserahkan kepada tuan-punya paten atau permohonan itu sebagai balasan royalti atau faedah lain yang ditentukan dengan merujuk kepada pengerjaan rekacipta itu, maka —

(a) berkenaan dengan sebarang penggunaan rekacipta itu menurut bab 58, bab 63 hendaklah berkuatkuasa seolah-olah rujukan kepada tuan-punya paten itu termasuk rujukan kepada penyerah hak, dan sebarang jumlah wang yang kena dibayar menurut cerai itu hendaklah dibahagikan di antara tuan-punya paten atau permohonan itu dan penyerah hak dalam suatu kadaran sebagaimana yang mungkin dipersetujui oleh mereka atau sekiranya tiada persetujuan sebagaimana yang mungkin diputuskan oleh mahkamah di bawah bab itu; dan

(b) berkenaan dengan sebarang perbuatan yang dilakukan berkaitan dengan rekacipta untuk perkhidmatan Kerajaan oleh tuan-punya paten atau permohonan itu mengikut perintah sesebuah jabatan Kerajaan, bab 63 hendaklah berkuatkuasa seolah-olah perbuatan itu digunakan menurut kuasa yang diberikan di bawah bab itu.

(5) Jika bab 63 dikenakan kepada sebarang penggunaan suatu rekacipta berpaten dan seseorang memegang suatu lesen eksklusif di bawah paten atau permohonan itu (selain dari lesen yang disebutkan dalam cerai (3)) yang memberi kuasa kepadanya untuk mengerjakan rekacipta itu, maka cerai-cerai (7) dan (8) hendaklah dikenakan.

(6) Dalam cerai-cerai (7) dan (8), "bayaran bab 63" bermakna suatu bayaran, jika ada, yang dipersetujui oleh tuan-punya paten atau permohonan itu dan jabatan Kerajaan tersebut di bawah bab 63(1), atau yang ditentukan oleh mahkamah di bawah bab itu, hendaklah dibuat oleh jabatan tersebut kepada tuan-punya berkaitan dengan penggunaan rekacipta berpaten itu.

(7) Pemegang lesen berhak untuk mendapatkan kembali daripada tuan-punya paten atau pemohon untuk suatu paten sebahagian, jika ada, dari bayaran bab 63 sebagaimana yang mungkin dipersetujui oleh mereka atau, sekiranya tiada persetujuan, sebagaimana yang mungkin diputuskan oleh mahkamah di bawah

bab 63 sebagai adil dengan memberi perhatian kepada sebarang perbelanjaan yang dilakukan oleh pemegang lesen –

(a) dalam mengembangkan rekacipta itu; atau

(b) dalam membuat bayaran kepada tuannya sebagai balasan lesen tersebut, selain dari royalti atau bayaran lain yang ditentukan dengan merujuk kepada penggunaan rekacipta itu.

(8) Sebarang persetujuan oleh tuannya paten atau permohonan itu dan jabatan Kerajaan tersebut di bawah bab 63(1) tentang amaun bayaran bab 63 hendaklah tidak berkuatkuasa melainkan jika pemegang lesen mengizinkan persetujuan itu; dan sebarang keputusan oleh mahkamah di bawah bab 63(1) tentang amaun bayaran itu hendaklah tidak berkuatkuasa melainkan jika pemegang lesen telah diberi tahu mengenai rujukan kepada mahkamah dan diberi peluang untuk hadir.

(9) Jika sebarang model, dokumen atau maklumat berkenaan dengan suatu rekacipta digunakan berhubung dengan sebarang penggunaan rekacipta yang termasuk di bawah cerai (1)/a), atau apa-apa jua yang dilakukan berkaitan dengan rekacipta yang termasuk di bawah cerai (1)/b), bab 63(1) hendaklah (sama ada ia dikenakan kepada sebarang penggunaan rekacipta berpaten itu atau tidak) dikenakan kepada penggunaan model, dokumen atau maklumat tersebut seolah-olah bagi rujukan di dalamnya kepada tuannya paten itu digantikan dengan rujukan kepada orang yang berhak mendapat faedah dari sebarang peruntukan suatu perjanjian yang dijadikan tidak berkuatkuasa menurut bab ini berkenaan dengan penggunaan tersebut; dan dalam bab 58 sebutan kepada syarat-syarat bagi penggunaan suatu rekacipta hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

(10) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh ditafsirkan sebagai membenarkan pendedahan kepada seseorang jabatan Kerajaan atau mana-mana orang lain akan sebarang model, dokumen atau maklumat yang penggunaannya bab ini dikenakan dengan melanggar sebarang lesen, penyerahan hak atau perjanjian yang disebutkan dalam bab ini.

Rujukan  
pertikaian  
tentang  
penggunaan  
Kerajaan.

63. (1) Sebarang pertikaian tentang perjalanan oleh seseorang jabatan Kerajaan atau seseorang yang diberi kuasa oleh seseorang jabatan Kerajaan akan kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab 58 atau tentang syarat-syarat bagi penggunaan suatu rekacipta untuk perkhidmatan Kerajaan di bawahnya boleh dirujuk kepada mahkamah oleh salah satu pihak dalam pertikaian itu setelah suatu paten diberikan bagi rekacipta itu.

(2) Dalam memutuskan sebarang pertikaian yang dirujukkan kepada mahkamah di bawah bab ini, mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada —

(a) sebarang faedah atau pampasan yang tuannya paten itu atau orang lain yang berhak mendapat faedah terhadap paten itu atau mana-mana orang yang daripadanya dia memperoleh hakmilik mungkin telah menerimanya, atau mungkin berhak menerimanya, secara langsung atau tidak langsung daripada mana-mana jabatan Kerajaan atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh sesebuah jabatan Kerajaan berkaitan dengan rekacipta berpaten itu; dan

(b) keperluan untuk memastikan bahawa tuannya paten itu atau orang lain yang berhak mendapat faedah terhadap paten itu menerima ganjaran yang munasabah dengan memberi perhatian kepada nilai ekonomi rekacipta yang dituntut ke atas paten itu.

(3) Jika dalam prosiding itu sebarang persoalan timbul tentang sama ada suatu rekacipta berpaten telah direkodkan atau dicuba oleh atau bagi pihak sesebuah jabatan Kerajaan, dan pendedahan sebarang dokumen yang merekodkan rekacipta itu, atau sebarang keterangan tentang percubaannya, pada pendapat jabatan Kerajaan tersebut, akan menjejaskan kepentingan awam, pendedahan boleh dibuat secara sulit kepada peguam pihak yang satu lagi atau kepada seorang pakar bebas yang dipersetujui bersama.

(4) Jika kesahan suatu paten dipersoalkan dalam prosiding di bawah bab ini dan didapati bahawa paten itu adalah sah sebahagiannya sahaja, mahkamah boleh, tertakluk kepada cerai (5), memberi pelepasan kepada tuannya paten itu berkaitan dengan bahagian paten yang didapati sebagai sah dan telah digunakan untuk perkhidmatan Kerajaan.

(5) Jika dalam sebarang prosiding itu didapati bahawa suatu paten adalah sah sebahagiannya sahaja, mahkamah tidaklah boleh memberi pelepasan dengan cara kos atau perbelanjaan kecuali jika tuannya paten itu membuktikan bahawa spesifikasi paten itu dibuat dengan suci hati dan dengan kemahiran dan pengetahuan yang munasabah, dan dalam hal itu mahkamah boleh memberi pelepasan berkaitan dengan bahagian paten yang sah dan telah digunakan itu, tertakluk kepada budi bicara mahkamah tentang kos dan perbelanjaan.

(6) Sebagai syarat bagi sebarang pelepasan itu, mahkamah boleh mengarahkan bahawa spesifikasi paten itu hendaklah dipinda sehingga memuaskan hatinya atas suatu permohonan yang dibuat

bagi maksud itu di bawah bab 83, dan suatu permohonan boleh dibuat dengan sewajarnya, sama ada atau tidak semua isu lain dalam prosiding itu telah diputuskan.

(7) Dalam sebarang prosiding di bawah bab ini, mahkamah boleh pada bila-bila masa memerintahkan supaya seluruh prosiding atau sebarang persoalan atau isu mengenai fakta yang berbangkit di dalamnya dirujuk, atas syarat-syarat sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh mahkamah, kepada seorang penimbangtara; dan rujukan kepada mahkamah dalam bab ini hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

(8) Salah seorang daripada dua tuannya bersama atau lebih suatu paten atau permohonan untuk suatu paten boleh tanpa persetujuan tuannya-tuannya bersama lainnya merujuk suatu pertikaian kepada mahkamah di bawah bab ini, tetapi tidaklah boleh berbuat demikian melainkan jika tuannya-tuannya bersama lainnya dijadikan pihak-pihak dalam prosiding itu; tetapi mana-mana tuannya bersama lainnya jika dijadikan defendan tidaklah boleh bertanggung terhadap sebarang kos atau perbelanjaan melainkan jika dia memasukkan kehadiran dan mengambil bahagian dalam prosiding itu.

(9) Atas suatu rujukan di bawah bab ini, mahkamah boleh enggan memberi pelepasan dengan cara pampasan berkaitan dengan penggunaan suatu rekacipta untuk perkhidmatan Kerajaan dalam sebarang tempoh lanjutan yang dinyatakan di bawah bab 36(3), tetapi sebelum bayaran pembaharuan dan sebarang bayaran tambahan yang ditetapkan bagi maksud-maksud bab itu dibuat.

(10) Jika pindaan spesifikasi suatu paten telah dibenarkan di bawah sebarang peruntukan Perintah ini, mahkamah tidaklah boleh memberi pelepasan dengan cara pampasan di bawah bab ini berkaitan dengan sebarang penggunaan itu sebelum keputusan untuk membenarkan pindaan tersebut melainkan jika mahkamah berpuas hati bahawa spesifikasi paten itu sepertimana yang disiarkan adalah dibuat dengan suci hati dan dengan kemahiran dan pengetahuan yang munasabah.

(11) Dalam menimbangkan amaun sebarang pampasan bagi penggunaan suatu rekacipta untuk perkhidmatan Kerajaan selepas penyiaran permohonan untuk suatu paten bagi rekacipta itu dan sebelum paten tersebut diberikan, mahkamah hendaklah menimbangkan sama ada atau tidak adalah munasabah untuk menjangkakan, dari pertimbangan permohonan itu sepertimana yang disiarkan di bawah bab 27, bahawa suatu paten akan diberikan yang memberi perlindungan kepada tuannya paten itu kerana sesuatu perbuatan yang perihalnya sama seperti perbuatan yang didapati

terdiri dari penggunaan tersebut, dan jika mahkamah mendapati bahawa adalah tidak munasabah, ia hendaklah mengurangkan pampasan tersebut pada suatu amaun yang difikirkannya adil.

(12) Jika menurut sesuatu transaksi, suratcara atau kejadian yang dikenakan bab 43 seseorang menjadi tuannya atau salah seorang tuannya atau pemegang lesen eksklusif suatu paten ("tuannya atau pemegang lesen baru") dan sesebuah jabatan Kerajaan atau seseorang yang diberi kuasa oleh sesebuah jabatan Kerajaan kemudiannya menggunakan rekacipta berpaten itu di bawah bab 58, tuannya atau pemegang lesen baru tidaklah berhak mendapat sebarang pampasan di bawah cerai (1) (seperti keadaan asalnya atau sebagaimana yang diubahsuai oleh bab 62(3)) berkaitan dengan penggunaan kemudiannya rekacipta itu sebelum transaksi, suratcara atau kejadian tersebut didaftarkan melainkan jika —

(a) transaksi, suratcara atau kejadian tersebut didaftarkan dalam tempoh 6 bulan mulai dari tarikhnya; atau

(b) Pendaftar berpuas hati bahawa pendaftaran transaksi, suratcara atau kejadian tersebut tidak dapat dilaksanakan sebelum tamat tempoh itu dan bahawa ia telah didaftarkan dengan seberapa segera yang boleh selepas itu.

(13) Cerai (1) adalah tanpa menjejaskan sebarang rujuk undang-undang berkenaan dengan kerahsiaan maklumat.

64. (1) Tertakluk kepada Bahagian ini, kuasa-kuasa yang boleh dijalankan berkenaan dengan suatu rekacipta oleh sesebuah jabatan Kerajaan atau seseorang yang diberi kuasa oleh sesebuah jabatan Kerajaan di bawah bab 58 hendaklah termasuk kuasa untuk menggunakan rekacipta berpaten itu bagi sebarang maksud yang didapati oleh jabatan tersebut perlu atau mustahak —

Peruntukan-  
peruntukan  
khas tentang  
penggunaan  
Kerajaan  
dalam masa  
darurat.

(a) untuk mengelakkan kemudaratan kepada keselamatan atau pertahanan Negara Brunei Darussalam atau bagi melaksanakan dengan cekap sebarang peperangan di mana Negara Brunei Darussalam mungkin terlibat;

(b) untuk membantu dalam menjalankan kuasa-kuasa dan melaksanakan langkah-langkah dalam suatu tempoh darurat negara atau hal-hal lain yang amat mendesak; atau

(c) bagi maksud-maksud bukan perdagangan awam,

dan sebarang sebutan dalam Perintah ini kepada perkhidmatan Kerajaan hendaklah, berhubung dengan sebarang tempoh darurat negara, termasuk sebutan kepada maksud-maksud tersebut.

(2) Dalam bab ini, penggunaan suatu rekacipta berpaten termasuk, selain sebarang perbuatan yang terdiri dari penggunaan tersebut menurut bab 58, sebarang perbuatan yang, selain dari bab tersebut dan bab ini, terjumlah kepada pelanggaran paten itu atau, mengikut mana yang berkenaan, menimbulkan hak di bawah bab 76 untuk membawa prosiding berkaitan dengan permohonan itu, dan sebarang sebutan dalam Perintah ini kepada "penggunaan untuk perkhidmatan Kerajaan" hendaklah, berhubung dengan sebarang tempoh darurat negara, hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

(3) Dalam bab ini, "tempoh darurat negara" bermakna sebarang tempoh yang bermula dari suatu tarikh sebagaimana yang mungkin diisytiharkan oleh Peguam Negara dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* sebagai tarikh bermulanya, dan berakhir pada suatu tarikh sebagaimana yang mungkin diisytiharkan sebagai tarikh tamatnya, tempoh darurat negara bagi maksud-maksud bab ini.

Kewajipan  
untuk  
memberitahu  
tuanpunya  
paten.

65. (1) Jika sebarang penggunaan suatu rekacipta berpaten dibuat oleh atau dengan kebenaran sesebuah jabatan Kerajaan di bawah bab 64 dalam keadaan-keadaan darurat negara atau hal-hal lain yang amat mendesak, jabatan Kerajaan tersebut hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh, memberitahu tuanpunya paten itu mengenai penggunaan tersebut dan dalam hal penggunaan bukan perdagangan awam, jika jabatan Kerajaan atau orang yang diberi kuasa oleh jabatan Kerajaan tersebut, tanpa membuat carian dalam rekod paten Negara Brunei Darussalam, mengetahui atau mempunyai alasan yang boleh dibuktikan mengetahui bahawa suatu rekacipta berpaten digunakan atau akan digunakan oleh atau bagi pihak kerajaan, jabatan Kerajaan tersebut hendaklah memberitahu tuanpunya paten itu dengan segera mengenai penggunaan tersebut.

(2) Jika sebarang penggunaan suatu rekacipta berpaten dibuat oleh atau dengan kebenaran sesebuah jabatan Kerajaan di bawah bab 58, jabatan Kerajaan tersebut hendaklah dengan sesegera yang munasabah setelah penggunaan rekacipta berpaten itu bermula, memberitahu atau memberi kepada tuanpunya paten itu maklumat tentang takat penggunaan yang mungkin dikehendaki dengan munasabah dari masa ke semasa oleh tuanpunya.

(3) Tiada sebarang apa pun dalam ceraiian (1) atau (2) boleh menghendaki jabatan Kerajaan tersebut untuk memberitahu atau mendedahkan maklumat kepada tuanpunya paten itu jika berbuat demikian akan, atau mungkin dijangka dengan munasabah, memudaratkan keselamatan atau pertahanan Negara Brunei Darussalam.

**BAHAGIAN XIII**

**PELANGGARAN PATEN**

66. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, seseorang itu melanggar suatu paten bagi suatu rekacipta jika, tetapi hanya jika, semasa paten itu berkuatkuasa, dia melakukan di Negara Brunei Darussalam berkenaan dengan rekacipta itu dan tanpa persetujuan tuannya paten itu, apa-apa perbuatan atau perkara yang akan melanggar sebarang hak tuannya yang diberikan di bawah bab 49 atau 50.

Makna  
pelanggaran.

(2) Sesuatu perbuatan yang, selain dari ceraian ini, akan menjadi pelanggaran suatu paten bagi suatu rekacipta tidaklah boleh berbuat demikian jika —

(a) perbuatan itu dilakukan sendirian dan bagi maksud-maksud yang bukan perdagangan;

(b) perbuatan itu dilakukan untuk tujuan ujikaji berkenaan dengan hal perkara rekacipta itu;

(c) perbuatan itu mengandungi penyediaan sesuatu ubat tanpa persediaan untuk seseorang individu menurut sesuatu preskripsi yang diberikan oleh seseorang pengamal perubatan atau pergigian berdaftar atau mengandungi pengendalian sesuatu ubat yang disediakan demikian;

(d) perbuatan itu mengandungi penggunaan sesuatu produk atau proses pada badan atau operasi sesebuah pesawat udara, hoverkraf atau kenderaan berkaitan yang secara sementara atau kebetulan telah memasuki atau sedang melintasi Negara Brunei Darussalam (termasuk ruang udara di atasnya dan perairan wilayahnya) atau penggunaan aksesori bagi pesawat udara, hoverkraf atau kenderaan tersebut;

(e) perbuatan itu mengandungi penggunaan, secara eksklusif bagi keperluan sesebuah kapal berkaitan, sesuatu produk atau proses pada badan kapal itu atau pada jentera, takal, alat atau aksesori lainnya, dalam hal jika kapal itu secara sementara atau kebetulan telah memasuki perairan wilayah Negara Brunei Darussalam;

(f) perbuatan itu adalah suatu perbuatan yang dinyatakan dalam Perkara 27 Konvensyen mengenai Penerbangan Awam Antarabangsa, jika perbuatan itu berhubung dengan pesawat udara negara-negara, selain Negara Brunei Darussalam, yang

mendapat faedah dari peruntukan-peruntukan Perkara tersebut; atau

(g) perbuatan itu mengandungi pengimportan, penggunaan, pelupusan atau tawaran untuk melupuskan, sebarang produk berpaten, atau sebarang produk yang diperolehi melalui suatu proses berpaten atau di mana suatu proses berpaten telah digunakan, yang dikeluarkan oleh atau dengan persetujuan (bersyarat ataupun sebaliknya) tuannya paten itu atau mana-mana orang yang dilesenkan olehnya, dan bagi maksud ini "paten" termasuk suatu paten yang diberikan di mana-mana negara di luar Negara Brunei Darussalam berkaitan dengan rekacipta yang sama atau rekacipta yang pada keseluruhannya sama dengan rekacipta yang baginya suatu paten diberikan di bawah Perintah ini dan "produk berpaten", "proses berpaten" dan "dilesenkan" hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

(3) Dalam bab ini, "kapal berkaitan" dan "pesawat udara, hoverkraf atau kenderaan berkaitan" masing-masing bermakna sesebuah kapal dan pesawat udara, hoverkraf atau kenderaan yang didaftarkan di, atau kepunyaan, mana-mana negara konvensyen selain Negara Brunei Darussalam.

Prosiding  
kerana  
melanggar  
paten.

67. (1) Tertakluk kepada Bahagian ini, prosiding sivil boleh dibawa di mahkamah oleh tuannya suatu paten berkaitan dengan sebarang perbuatan yang dikatakan melanggar paten itu dan (tanpa menjejaskan mana-mana bidang kuasa lain mahkamah) dalam prosiding itu suatu tuntutan boleh dibuat bagi —

(a) suatu injunksi yang menghalang defendan dari tanggapan melakukan sebarang perbuatan melanggar;

(b) suatu perintah supaya dia menyerahkan atau memusnahkan sebarang produk berpaten yang berhubung dengannya paten itu dilanggar atau apa-apa barang yang tidak terlepas dari mengandungi produk itu atau sebarang perkakas yang penggunaan utamanya adalah bagi menghasilkan produk yang melanggar itu;

(c) gantirugi berkaitan dengan pelanggaran tersebut;

(d) keterangan keuntungan yang diperolehi olehnya dari pelanggaran tersebut; dan

(e) suatu perisytiharan bahawa paten itu adalah sah dan telah dilanggar olehnya.



(2) Mahkamah tidaklah boleh, berkaitan dengan pelanggaran yang sama, mengaward gantirugi kepada tuannya suatu paten dan juga memerintahkan bahawa dia hendaklah diberikan suatu keterangan keuntungan.

(3) Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

(a) sebarang sebutan kepada plaintif termasuk sebutan kepada tuannya paten itu; dan

(b) sebarang sebutan kepada defendan termasuk sebutan kepada mana-mana pihak lain dalam rujukan itu.

(4) Tertakluk kepada Bahagian ini, dalam menentukan sama ada atau tidak untuk memberi sebarang jenis pelepasan yang dituntut di bawah bab ini dan takat pelepasan yang diberikan itu, mahkamah hendaklah menggunakan prinsip-prinsip yang digunakan oleh mahkamah berkenaan dengan jenis pelepasan sejeurus sebelum hari yang ditetapkan itu.

68. (1) Dalam sebarang prosiding kerana melanggar suatu paten, jika hal perkara paten itu adalah suatu proses bagi mendapatkan suatu produk baru, beban untuk membuktikan bahawa suatu produk tidak dibuat melalui proses itu adalah terletak kepada pelanggar yang dikatakan itu jika produk tersebut adalah baru atau ada kemungkinan besar bahawa produk itu dibuat melalui proses tersebut dan tuannya paten itu tidak dapat dengan usaha yang munasabah menentukan proses yang sebenarnya digunakan.

Pembatalan  
beban untuk  
membuktikan.

(2) Dalam menimbangkan sama ada suatu pihak telah melepaskan beban yang dikenakan kepadanya oleh bab ini, mahkamah tidaklah boleh menghendaknya supaya mendedahkan sebarang rahsia pembuatan atau perdagangan jika pada pendapat mahkamah bahawa adalah tidak munasabah untuk berbuat demikian.

69. (1) Dalam prosiding kerana melanggar suatu paten, ganti rugi tidaklah boleh diaward dan tiada perintah boleh dibuat bagi keterangan keuntungan terhadap defendan yang membuktikan bahawa pada tarikh pelanggaran itu dia tidak menyedari, dan tidak mempunyai alasan yang munasabah untuk mengatakan, bahawa paten itu ada; dan seseorang itu tidaklah boleh dianggap telah menyedari atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mengatakan demikian hanya kerana penggunaan pada suatu produk akan perkataan "paten" atau "berpaten", atau sebarang perkataan atau perkataan-perkataan yang menyatakan atau membayangkan bahawa suatu paten telah diperolehi bagi produk tersebut, melainkan

Sekatan  
ke atas  
mendapatkan  
kembali  
ganti rugi  
kerana  
pelanggaran.

jika nombor paten itu disertakan dengan perkataan atau perkataan-perkataan tersebut.

(2) Dalam prosiding kerana melanggar suatu paten mahkamah boleh, jika difikirkannya patut, enggan mengaward sebarang ganti rugi atau membuat sebarang perintah itu berkaitan dengan sesuatu pelanggaran yang dilakukan dalam sebarang tempoh lanjutan yang dinyatakan di bawah bab 36(3), tetapi sebelum bayaran pembaharuan dan sebarang bayaran tambahan yang ditetapkan dibuat bagi maksud-maksud ceraian tersebut.

(3) Jika pindaan spesifikasi suatu paten telah dibenarkan di bawah sebarang peruntukan Perintah ini, ganti rugi tidaklah boleh diaward dalam prosiding kerana pelanggaran paten itu yang dilakukan sebelum keputusan untuk membenarkan pindaan tersebut melainkan jika mahkamah berpuas hati bahawa spesifikasi paten itu sepertimana yang disiarkan adalah dibuat dengan suci hati dan dengan kemahiran dan pengetahuan yang munasabah.

Pelepasan kerana melanggar paten yang sah sebahagiannya.

70. (1) Jika kesahan suatu paten dipersoalkan dalam prosiding kerana melanggar paten itu dan didapati bahawa paten itu adalah sah sebahagiannya sahaja, mahkamah boleh, tertakluk kepada ceraian (2), memberi pelepasan berkaitan dengan bahagian paten yang didapati sebagai sah dan dilanggar itu.

(2) Jika dalam sebarang prosiding itu didapati bahawa suatu paten adalah sah sebahagiannya sahaja, mahkamah tidaklah boleh memberi pelepasan dengan cara ganti rugi, kos atau perbelanjaan, kecuali jika plaintif membuktikan bahawa spesifikasi paten itu dibuat dengan suci hati dan dengan kemahiran dan pengetahuan yang munasabah, dan dalam hal itu mahkamah boleh memberi pelepasan berkaitan dengan bahagian paten yang sah dan dilanggar itu, tertakluk kepada budi bicara mahkamah tentang kos atau perbelanjaan dan tentang tarikh yang mulai darinya ganti rugi patut dikira.

(3) Sebagai syarat pelepasan di bawah bab ini, mahkamah boleh mengarahkan bahawa spesifikasi paten itu hendaklah dipinda sehingga memuaskan hatinya atas suatu permohonan yang dibuat bagi maksud itu di bawah bab 83, dan suatu permohonan boleh dibuat dengan sewajarnya, sama ada atau tidak semua isu lain dalam prosiding itu telah diputuskan.

71. (1) Jika suatu paten diberikan bagi suatu rekacipta, seseorang yang di Negara Brunei Darussalam sebelum tarikh memfailkan permohonan paten itu atau, jika keutamaan dituntut, sebelum tarikh keutamaan rekacipta itu —

Hak untuk terus menggunakan bermula sebelum tarikh memfailkan atau tarikh keutamaan.

(a) melakukan dengan suci hati sesuatu perbuatan yang akan menjadi pelanggaran paten itu jika ia berkuatkuasa pada masa itu; atau

(b) membuat dengan suci hati persediaan yang berkesan dan serius untuk melakukan perbuatan tersebut, mempunyai hak untuk terus melakukan perbuatan itu atau, mengikut mana yang berkenaan, untuk melakukan perbuatan itu, walaupun paten itu diberikan; tetapi hak ini tidak diperluaskan kepada pemberian suatu lesen kepada orang lain untuk melakukan perbuatan itu.

(2) Jika perbuatan itu dilakukan, atau persediaan dibuat untuk melakukannya, semasa menjalankan sesuatu perniagaan —

(a) dalam hal seseorang individu, individu tersebut mempunyai —

(i) hak untuk menyerahkan hak untuk melakukan perbuatan itu atau untuk memindahkan hak itu apabila telah mati, atau

(ii) hak untuk memberi kuasa bagi perbuatan itu dilakukan oleh mana-mana rakan kongsinya yang pada masa itu dalam perniagaan tersebut yang semasa menjalankannya perbuatan itu telah dilakukan atau persediaan telah dibuat untuk melakukannya;

(b) dalam hal suatu badan korporat, hak untuk menyerahkan hak untuk melakukan perbuatan itu, atau memindahkannya apabila badan korporat itu dibubarkan.

(3) Jika sesuatu produk dilupuskan kepada orang lain pada menjalankan hak-hak yang diberikan oleh ceraihan (1) atau (2), orang lain itu dan mana-mana orang yang menuntut melaluinya boleh mengendalikan produk itu dengan cara yang sama seolah-olah ia telah dilupuskan oleh tuannya paten itu.

72. (1) Jika dalam sebarang prosiding di hadapan mahkamah kesahan suatu paten setakat mana pun dipertikaikan dan paten itu didapati oleh mahkamah sebagai sah seluruhnya atau sebahagiannya,

Perakuan tentang kesahan paten yang dipertikaikan.

mahkamah boleh memperakui pendapat tersebut dan fakta bahawa kesahan paten itu telah dipertikaikan.

(2) Jika suatu perakuan diberikan di bawah bab ini, maka, jika dalam sebarang prosiding yang kemudiannya di hadapan mahkamah kerana pelanggaran paten itu atau kerana pembatalan paten itu, suatu perintah atau penghakiman muktamad dibuat atau diberikan menyebelahi pihak yang bersandar kepada kesahan paten seperti yang didapati dalam prosiding terdahulu, pihak itu adalah berhak, melainkan jika mahkamah mengarahkan sebaliknya, terhadap kos atau perbelanjaannya di antara peguamcara dan klien sendiri selain kos atau perbelanjaan sebarang rayuan dalam prosiding yang kemudiannya.

Prosiding kerana pelanggaran yang dilakukan oleh pemilik bersama.

73. (1) Dalam mengenakan bab 66 kepada suatu paten di mana terdapat dua tuannya bersama atau lebih, sebutan kepada tuannya hendaklah ditafsirkan —

(a) berkenaan dengan sebarang perbuatan, sebagai sebutan kepada tuannya atau tuannya-tuannya tersebut yang, menurut bab 46 atau sebarang perjanjian yang disebut dalam bab itu, adalah berhak untuk melakukan perbuatan itu tanpa perbuatan itu terjumlah kepada suatu pelanggaran; dan

(b) berkenaan dengan sebarang persetujuan, sebagai sebutan kepada tuannya atau tuannya-tuannya tersebut yang, menurut bab 46 atau sebarang perjanjian tersebut, adalah orang atau orang-orang yang sepatutnya memberi persetujuan yang dikehendaki itu.

(2) Salah seorang daripada dua tuannya bersama atau lebih suatu paten boleh tanpa persetujuan tuannya-tuannya bersama lainnya membawa prosiding berkaitan dengan sesuatu perbuatan yang dikatakan melanggar paten itu, tetapi tidaklah boleh berbuat demikian melainkan jika tuannya-tuannya bersama lainnya dijadikan pihak-pihak dalam prosiding itu; tetapi mana-mana tuannya bersama lainnya jika dijadikan defendan tidaklah boleh bertanggungjawab terhadap sebarang kos atau perbelanjaan melainkan jika dia memasukkan kehadiran dan mengambil bahagian dalam prosiding itu.

Prosiding kerana pelanggaran yang dilakukan oleh pemegang lesen eksklusif.

74. (1) Tertakluk kepada bab ini, pemegang suatu lesen eksklusif di bawah suatu paten hendaklah mempunyai hak yang sama sepertimana tuannya paten itu untuk membawa prosiding berkaitan dengan sebarang pelanggaran paten itu yang dilakukan selepas tarikh lesen tersebut; dan sebutan kepada tuannya paten

itu dalam Perintah ini berkenaan dengan pelanggaran hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

(2) Dalam mengaward ganti rugi atau memberi sebarang pelepasan lain dalam sebarang prosiding tersebut, mahkamah hendaklah menimbangkan sebarang kerugian yang dialami atau mungkin dialami oleh pemegang lesen eksklusif tersebut kerana pelanggaran itu, atau, mengikut mana yang berkenaan, keuntungan yang diperolehi dari pelanggaran itu, setakat mana ia menjadi pelanggaran hak-hak pemegang lesen eksklusif tersebut.

(3) Dalam sebarang prosiding yang diambil oleh pemegang lesen eksklusif menurut bab ini, tuannya paten itu hendaklah dijadikan suatu pihak dalam prosiding tersebut, tetapi jika dijadikan defendan tidaklah boleh bertanggung terhadap sebarang kos atau perbelanjaan melainkan jika dia memasukkan kehadiran dan mengambil bahagian dalam prosiding tersebut.

75. Jika menurut sesuatu transaksi, suratcara atau kejadian yang dikenakan bab 43 seseorang itu menjadi tuannya atau salah seorang tuannya atau pemegang lesen eksklusif suatu paten dan paten itu kemudiannya dilanggar, mahkamah tidaklah boleh mengaward kepadanya ganti rugi atau memerintahkan bahawa dia diberikan suatu keterangan keuntungan berkaitan dengan pelanggaran yang kemudian itu yang dilakukan sebelum transaksi, surat cara atau kejadian tersebut didaftarkan melainkan jika —

Kesan tidak mendaftarkan ke atas prosiding pelanggaran.

(a) transaksi, suratcara atau kejadian tersebut didaftarkan dalam tempoh 6 bulan yang bermula dari tarikhnya; atau

(b) mahkamah berpuas hati bahawa adalah tidak dapat dilaksanakan untuk mendaftarkan transaksi, suratcara atau kejadian tersebut sebelum tamat tempoh itu dan bahawa ia didaftarkan dengan seberapa segera yang boleh selepas itu.

76. (1) Jika permohonan untuk suatu paten bagi suatu rekacipta disiarkan, maka, tertakluk kepada bab ini, pemohon hendaklah mempunyai, mulai dari penyiaran dan hingga pemberian paten itu, hak yang sama yang mungkin dipunyainya, jika paten itu telah diberikan pada tarikh penyiaran permohonan itu, untuk membawa prosiding di mahkamah bagi mendapatkan ganti rugi berkaitan dengan sebarang perbuatan yang mungkin telah melanggar paten itu; dan sebutan-sebutan dalam bab-bab 66 hingga 69 dan 73 hingga 75 kepada suatu paten dan tuannya suatu paten hendaklah masing-masing ditafsirkan sebagai termasuk sebutan-sebutan kepada sebarang permohonan tersebut dan pemohon, dan sebutan-sebutan kepada suatu paten yang berkuatkuasa, diberikan, sah atau sedia ada hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

Pelanggaran hak-hak yang diberikan dengan penyiaran permohonan.

(2) Pemohon berhak untuk membawa prosiding menurut bab ini berkaitan dengan sebarang perbuatan hanya –

(a) setelah paten itu diberikan; dan

(b) jika perbuatan itu mungkin, sekiranya paten itu telah diberikan pada tarikh penyiaran permohonan itu, telah melanggar bukan sahaja paten itu, tetapi juga tuntutan-tuntutan (yang ditafsirkan dengan perihalan dan sebarang lukisan yang disebut dalam perihalan atau tuntutan-tuntutan itu) dalam bentuknya yang terkandung dalam permohonan itu sejurus sebelum persediaan bagi penyiarannya diselesaikan oleh Pejabat Pendaftaran.

(3) Bab 69(2) dan (3) hendaklah tidak dikenakan kepada pelanggaran hak-hak yang diberikan oleh bab ini tetapi dalam menimbangkan amaun sebarang ganti rugi kerana pelanggaran tersebut, mahkamah hendaklah menimbangkan sama ada atau tidak adalah munasabah untuk menjangkakan, dari pertimbangan permohonan itu sepertimana yang disiarkan di bawah bab 27, bahawa suatu paten akan diberikan yang memberi perlindungan kepada tuanpunya paten itu dari sesuatu perbuatan yang perihalannya sama seperti perbuatan yang didapati melanggar hak-hak tersebut, dan jika mahkamah mendapati bahawa adalah tidak munasabah, ia hendaklah mengurangkan ganti rugi tersebut kepada suatu amaun yang difikirkannya adil.

Remedi kerana ancaman tidak berasas dengan prosiding pelanggaran.

77. (1) Jika seseorang (sama ada atau tidak tuanpunya, atau berhak mendapat sebarang hak ke atas, suatu paten) dengan surat keliling, iklan ataupun sebaliknya mengancam orang lain dengan prosiding kerana sebarang pelanggaran suatu paten, seseorang yang tidak puas hati dengan ancaman tersebut (sama ada atau tidak dia adalah orang yang diancam) boleh, tertakluk kepada cerai (4), membawa prosiding di mahkamah terhadap orang yang membuat ancaman itu, dengan menuntut sebarang pelepasan yang disebutkan dalam cerai (3).

(2) Dalam sebarang prosiding itu, plaintif hendaklah, jika dia membuktikan bahawa ancaman itu telah dibuat dan memuaskan hati mahkamah bahawa dia adalah orang yang tidak puas hati dengan ancaman tersebut, berhak mendapat pelepasan yang dituntut itu melainkan jika –

(a) defendan membuktikan bahawa perbuatan-perbuatan yang berkaitan dengannya prosiding diancam menjadi atau, jika dilakukan, akan menjadi pelanggaran suatu paten; dan

(b) paten yang dikatakan dilanggar itu tidak ditunjukkan oleh plaintif sebagai tidak sah dalam sesuatu hal yang berkaitan.

(3) Pelepasan tersebut adalah —

(a) suatu perisytiharan yang bermaksud bahawa ancaman itu tidak mempunyai justifikasi;

(b) suatu injunksi terhadap penerusan ancaman itu; dan

(c) ganti rugi berkaitan dengan sebarang kerugian yang telah ditanggung oleh plaintif dengan ancaman itu.

(4) Prosiding tidak boleh dibawa di bawah bab ini kerana suatu ancaman untuk membawa prosiding atas sesuatu pelanggaran yang dikatakan mengandungi pembuatan atau pengimportan sesuatu produk untuk pelupusan atau penggunaan sesuatu proses.

(5) Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa pemberitahuan saja tentang wujudnya suatu paten tidak menjadi suatu ancaman prosiding dalam makna bab ini.

(6) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh menyebabkan seseorang peguambela dan peguamcara, seseorang ejen paten berdaftar, atau mana-mana orang lain kena diambil tindakan di bawah bab ini berkaitan dengan sesuatu perbuatan yang dilakukan oleh peguambela dan peguamcara tersebut atau orang lain itu atas jawatan profesionalnya bagi pihak seseorang klien.

78. (1) Tanpa menjejaskan bidang kuasa mahkamah untuk membuat suatu perisytiharan selain dari bab ini, suatu perisytiharan bahawa sesuatu perbuatan tidak, atau sesuatu perbuatan yang diusulkan tidak akan, menjadi pelanggaran suatu paten boleh dibuat oleh mahkamah dalam prosiding di antara orang yang melakukan atau mengusulkan untuk melakukan perbuatan itu dan tuannya paten tersebut, walaupun tiada penegasan yang berlawanan dibuat oleh tuannya, jika ditunjukkan —

Perisytiharan  
tentang bukan  
pelanggaran.

(a) bahawa orang itu telah memohon secara bertulis kepada tuannya bagi suatu pengakuan bertulis yang bermaksud perisytiharan yang dituntut itu, dan telah memberinya butir-butir lengkap secara bertulis mengenai perbuatan yang berkenaan itu; dan

(b) bahawa tuannya telah enggan atau gagal memberi sebarang pengakuan seperti itu.

(2) Kos semua pihak dalam prosiding di bawah cerai (1) hendaklah dibayar oleh orang yang memulakan prosiding itu melainkan jika mahkamah memerintahkan sebaliknya.

#### BAHAGIAN XIV

#### PEMBATALAN PATEN DAN ISU MENGENAI KESAHAN

Maklumat mengenai keputusan permohonan-permohonan antarabangsa yang sama atau permohonan-permohonan lain.

79. (1) Pendaftar boleh, atas permohonan mana-mana orang yang berkepentingan dan setelah bayaran yang ditetapkan dibayar, meminta supaya tuannya suatu paten memberi kepada Pendaftar, dalam suatu tempoh sebagaimana yang mungkin dinyatakan oleh Pendaftar, maklumat yang ditetapkan mengenai semua permohonan antarabangsa yang sama atau permohonan yang sama bagi suatu paten yang dibuat olehnya atau pemegang hakmiliknya yang dahulu di mana-mana pejabat paten yang ditetapkan.

(2) Jika tuannya suatu paten telah memberi maklumat yang ditetapkan di bawah cerai (1) Pendaftar hendaklah dengan seberapa segera yang boleh menghantar kepada orang yang berkepentingan itu maklumat yang ditetapkan yang diberikan atau yang ada itu.

(3) Jika —

(a) tuannya suatu paten gagal tanpa alasan yang memuaskan mematuhi permintaan Pendaftar di bawah cerai (1); atau

(b) sekiranya didapati bahawa tuannya telah memberi sebarang maklumat yang dalam sebarang butir yang mustahak adalah palsu,

dan ditunjukkan bahawa maklumat yang sepatutnya diberikan di bawah cerai (1) mungkin telah membuktikan bahawa paten itu adalah tidak sah atau sebahagiannya tidak sah, maka tuannya paten itu adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$100,000 atau dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

(4) Bagi maksud bab ini, "permohonan antarabangsa yang sama" dan "permohonan yang sama" mempunyai makna yang sama sepertimana dalam bab 29(4).

Kuasa untuk membatalkan paten atas permohonan.

80. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, prosiding sivil boleh dibawa di mahkamah oleh mana-mana orang



yang memohon perintah pembatalan suatu paten bagi suatu rekacipta atas (tetapi hanya atas) sebarang alasan yang berikut —

(a) rekacipta itu bukan suatu rekacipta yang sesuai untuk dipatenkan,

(b) paten itu telah diberikan kepada seseorang yang tidak berhak untuk diberikan paten itu;

(c) spesifikasi paten itu tidak mendedahkan rekacipta itu dengan jelas dan lengkap bagi rekacipta itu dilaksanakan oleh seseorang yang mahir dalam rekaan;

(d) perkara yang didedahkan dalam spesifikasi paten itu melebihi dari perkara yang didedahkan dalam permohonan untuk paten itu, sepertimana yang difailkan, atau, jika paten itu diberikan atas permohonan baru yang difailkan di bawah bab 47(2) atau 47(3), atau sebagaimana yang disebutkan dalam bab 26(6), dalam permohonan terdahulu yang dibuat di bawah Perintah ini sepertimana yang difailkan;

(e) perlindungan yang diberikan oleh paten itu telah diperluaskan dengan suatu pindaan yang melanggar bab 84; atau

(f) paten itu telah diperolehi atas salah pernyataan.

(2) Jika suatu perintah untuk membatalkan suatu paten atas sebarang alasan yang dinyatakan dalam ceraiian (1)(a), (c), (d) dan (e) telah dipohonkan dan, jika tuannya paten itu menyatakan niatnya untuk membantah perkara itu, mahkamah boleh memerintahkan supaya Pendaftar memeriksa paten itu dan, tertakluk kepada ceraiian-ceraiian (3) dan (4), Pendaftar hendaklah, mengikut cara yang ditetapkan, menyebabkan supaya paten itu diperiksa oleh seseorang Pemeriksa bagi menentukan sama ada sebarang alasan itu ada dan menghendaki supaya pemohon membayar bayaran pemeriksaan yang ditetapkan.

(3) Pendaftar tidaklah boleh menyebabkan suatu paten diperiksa di bawah ceraiian (2) jika, dalam tempoh yang ditetapkan, orang yang memohon perintah pembatalan paten itu gagal memberi jaminan terhadap kos atau perbelanjaan prosiding tersebut sebagaimana yang mungkin dinyatakan oleh Pendaftar; dalam hal itu, Pendaftar hendaklah memberitahu mahkamah dengan sewajarnya dan mahkamah boleh menyifatkan prosiding pembatalan itu sebagai telah digugurkan.

(4) Prosiding pembatalan suatu paten atas alasan yang disebutkan dalam ceraiian (1)(b) —

(a) hanya boleh dimulakan oleh seseorang yang didapati oleh mahkamah dalam suatu tindakan bagi suatu perisytiharan atau didapati oleh mahkamah atas suatu rujukan di bawah bab 47, sebagai berhak untuk diberikan paten itu atau untuk diberikan suatu paten bagi sebahagian dari perkara yang terkandung dalam spesifikasi paten yang dipohonkan untuk dibatalkan itu; dan

(b) tidak boleh dibuat jika tindakan itu dimulakan atau rujukan itu dibuat selepas tamat tempoh 2 tahun yang bermula dari tarikh pemberian paten yang dipohonkan untuk dibatalkan itu, melainkan jika ditunjukkan bahawa mana-mana orang yang didaftarkan sebagai tuannya paten itu mengetahui pada masa pemberian atau pemindahan paten itu kepadanya bahawa dia tidak berhak terhadap paten itu.

(5) Suatu perintah di bawah bab ini boleh —

(a) suatu perintah pembatalan tanpa syarat paten itu; atau

(b) jika salah satu alasan yang disebutkan dalam ceraiian (1)(a), (c), (d) dan (e) telah dibuktikan, tetapi hanya bagi membatalkan paten itu pada suatu takat yang terhad, suatu perintah bahawa paten itu hendaklah dibatalkan melainkan jika dalam masa yang ditentukan spesifikasi itu dipinda di bawah bab 83 sehingga memuaskan hati mahkamah.

(6) Keputusan mahkamah tidaklah boleh menghalang mana-mana pihak dalam sebarang prosiding sivil di mana pelanggaran suatu paten dipersoalkan dari mengatakan paten itu tidak sah atas sebarang alasan yang disebut dalam ceraiian (1), sama ada atau tidak sebarang isu yang terbabit telah diputuskan dalam keputusan mahkamah itu.

(7) Suatu perintah di bawah bab ini yang membatalkan suatu paten hendaklah berkuatkuasa mulai dari tarikh pemberian paten itu.

(8) Jika orang yang telah membawa prosiding di mahkamah yang memohon suatu perintah di bawah bab ini bagi pembatalan suatu paten menyatakan bahawa dia bercadang hendak menghentikan atau menarik balik dari prosiding itu, dia hendaklah membayar kos atau perbelanjaan prosiding itu sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh mahkamah.

81. Pendaftar boleh atas daya usahanya sendiri dengan perintah membatalkan suatu paten jika pada pendapatnya bahawa —

Kuasa Pendaftar untuk membatalkan paten.

(a) suatu rekacipta yang baginya suatu paten telah diberikan merupakan sebahagian dari yang terkini hanya menurut bab 14(3); atau

(b) suatu paten yang berkuatkuasa menurut bab 117(4) telah diperbaharui meskipun sebenarnya paten itu di United Kingdom, Malaysia atau Singapura, mengikut mana yang berkenaan, telah dibatalkan,

tetapi dia tidaklah boleh berbuat demikian tanpa memberi tuan punya paten itu peluang untuk membuat sebarang pernyataan dan, dalam keadaan yang disebutkan dalam perenggan (a), untuk meminda spesifikasi paten itu dengan tidak memasukkan sebarang perkara yang merupakan sebahagian dari yang terkini sebagaimana yang disebutkan di atas tanpa melanggar bab 84.

82. (1) Tertakluk kepada bab ini, kesahan suatu paten boleh dipersoalkan —

Prosiding di mana kesahan paten boleh dipersoalkan.

(a) dengan cara pembelaan, dalam prosiding kerana pelanggaran paten itu di bawah bab 67 atau prosiding di bawah bab 76 kerana pelanggaran hak-hak yang diberikan dengan penyiaran suatu permohonan;

(b) dalam prosiding di bawah bab 77;

(c) dalam prosiding di mana suatu perisytiharan berkenaan dengan paten itu dipohonkan di bawah bab 78;

(d) dalam prosiding di bawah bab 80 bagi pembatalan paten itu; atau

(e) dalam prosiding di bawah bab 58 atau 63.

(2) Kesahan suatu paten tidak boleh dipersoalkan dalam sebarang prosiding lain dan, khususnya, tiada prosiding boleh dimulakan (sama ada di bawah Perintah ini ataupun sebaliknya) hanya dengan memohon suatu perisytiharan tentang sahnya atau tidak sahnya suatu paten.

(3) Satu-satunya alasan yang atasnya kesahan suatu paten boleh dipersoalkan (sama ada dalam prosiding bagi pembatalan di bawah bab 80 ataupun sebaliknya) adalah alasan yang atasnya paten itu boleh dibatalkan di bawah bab itu.

(4) Tiada keputusan boleh dibuat dalam sebarang prosiding yang disebutkan dalam cerai (1) mengenai kesahan suatu paten yang dipersoalkan oleh mana-mana orang atas alasan yang disebutkan dalam bab 80(1)(b) melainkan jika —

(a) ia telah diputuskan dalam prosiding mendapatkan hak yang dimulakan oleh orang itu atau dalam prosiding di mana kesahan paten itu dipersoalkan bahawa paten itu sepatutnya diberikan kepadanya dan bukan kepada orang lain; dan

(b) kecuali jika ia telah diputuskan demikian dalam prosiding mendapatkan hak, prosiding di mana kesahan paten itu dipersoalkan adalah dimulakan sebelum tamat tempoh 2 tahun yang bermula dari tarikh pemberian paten itu atau ditunjukkan bahawa mana-mana orang yang didaftarkan sebagai tuannya paten itu mengetahui pada masa pemberian atau pemindahan paten itu kepadanya bahawa dia tidak berhak terhadap paten itu.

(5) Jika kesahan suatu paten dipersoalkan dengan cara pembelaan atau tuntutan balas, mahkamah hendaklah, jika difikirkannya adil untuk berbuat demikian, memberi peluang kepada defendan supaya mematuhi syarat dalam cerai (4)(a).

(6) Dalam cerai (4), "prosiding mendapatkan hak", berkenaan dengan suatu paten, bermakna suatu rujukan di bawah bab 47(2) atas alasan bahawa paten itu telah diberikan kepada seseorang yang tidak berhak terhadapnya atau prosiding bagi suatu perisytiharan bahawa paten itu telah diberikan demikian.

(7) Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa bagi maksud-maksud Perintah ini kesahan suatu paten tidak dipersoalkan hanya kerana Pendaftar menimbangkan kesahannya bagi memutuskan sama ada untuk membatalkannya di bawah bab 81.

## BAHAGIAN XV

### PINDAAN PATEN DAN PERMOHONAN

Pindaan paten dalam prosiding pelanggaran atau pembatalan.

83. (1) Dalam sebarang prosiding di hadapan mahkamah di mana kesahan suatu paten dipersoalkan, mahkamah boleh, tertakluk kepada bab 84, membenarkan tuannya paten itu untuk meminda spesifikasi paten itu mengikut cara, dan tertakluk kepada syarat-syarat tentang penyiaran dan pemberitahuan pindaan yang dicadangkan itu dan tentang kos, perbelanjaan ataupun sebaliknya, sebagaimana yang difikirkan patut oleh mahkamah.

(2) Seseorang itu boleh memberi notis kepada mahkamah mengenai bangkangannya terhadap pindaan yang dicadangkan oleh tuannya paten itu di bawah bab ini, dan jika dia berbuat demikian mahkamah hendaklah memberitahu tuannya dan menimbangkan bangkangan itu dalam memutuskan sama ada pindaan tersebut atau sebarang pindaan patut dibenarkan.

(3) Pindaan spesifikasi suatu paten di bawah bab ini hendaklah berkuatkuasa dan sentiasa dianggap mempunyai kuatkuasa mulai dari pemberian paten itu.

(4) Jika permohonan bagi suatu perintah di bawah bab ini dibuat kepada mahkamah, pemohon hendaklah memberitahu Pendaftar, yang berhak untuk hadir dan didengar dan hendaklah hadir jika diarahkan demikian oleh mahkamah.

84. (1) Permohonan untuk suatu paten yang —

(a) dibuat berkaitan dengan perkara yang didedahkan dalam permohonan terdahulu, atau dalam spesifikasi suatu paten yang telah diberikan; dan

(b) mendedahkan perkara tambahan, iaitu, perkara yang melebihi dari yang didedahkan dalam permohonan terdahulu yang dibuat di bawah Perintah ini sepertimana yang difailkan,

Pindaan permohonan dan paten hendaklah tidak termasuk perkara tambahan.

boleh difailkan di bawah bab 47(2) atau (3), atau sebagaimana yang disebutkan dalam bab 26(6), dan jika dibuat adalah tidak sah setakat mana ia mendedahkan perkara tambahan itu.

(2) Pindaan spesifikasi suatu permohonan di bawah bab 31 adalah tidak sah setakat mana ia memperluaskan hal perkara melebihi dari yang didedahkan dalam permohonan yang difailkan itu.

(3) Pindaan spesifikasi suatu paten di bawah bab 38(1), 81 atau 83 adalah tidak sah setakat mana ia —

(a) memperluaskan hal perkara melebihi dari yang didedahkan dalam permohonan yang difailkan itu; atau

(b) memperluaskan perlindungan yang diberikan oleh paten tersebut.

BAHAGIAN XVI

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN TENTANG KONVENSYEN ANTARABANGSA

Kesan memfailkan permohonan antarabangsa untuk paten.

85. (1) Permohonan antarabangsa untuk suatu paten (Negara Brunei Darussalam) di mana suatu tarikh memfailkan telah diberikan di bawah Triti Kerjasama Paten hendaklah, tertakluk kepada bab-bab 86 dan 87, disifatkan bagi maksud-maksud Perintah ini sebagai permohonan untuk suatu paten di bawah Perintah ini.

(2) Jika permohonan itu, atau penetapan Negara Brunei Darussalam di dalamnya, ditarik balik atau (kecuali sebagaimana yang disebutkan dalam ceraiian (3)) dianggap sebagai ditarik balik di bawah Triti Kerjasama Paten, ia hendaklah disifatkan sebagai ditarik balik di bawah Perintah ini.

(3) Suatu permohonan tidaklah boleh disifatkan sebagai ditarik balik di bawah Perintah ini jika permohonan itu, atau penetapan Negara Brunei Darussalam di dalamnya, dianggap sebagai ditarik balik di bawah Triti Kerjasama Paten —

(a) kerana sesuatu kesilapan atau peninggalan dalam sesuatu institusi yang mempunyai fungsi di bawah Triti tersebut; atau

(b) kerana, disebabkan oleh hal keadaan di luar kawalan pemohon, satu salinan permohonan itu tidak diterima oleh Biro Antarabangsa sebelum habis tempoh masa yang dihadkan bagi maksud itu di bawah Triti tersebut; atau

(c) dalam hal keadaan lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

(4) Jika permohonan antarabangsa untuk suatu paten yang menetapkan Negara Brunei Darussalam tidak diberikan suatu tarikh memfailkan di bawah Triti Kerjasama Paten dan Pendaftar memutuskan bahawa penolakan itu berpunca dari sesuatu kesilapan atau peninggalan dalam sesuatu institusi yang mempunyai fungsi di bawah Triti tersebut, dia boleh mengarahkan bahawa permohonan itu hendaklah disifatkan sebagai suatu permohonan di bawah Perintah ini, yang mempunyai suatu tarikh memfailkan sebagaimana yang mungkin diarahkannya.

(5) Pejabat Pendaftaran hendaklah, melainkan jika sebarang perjanjian berkuatkuasa di bawah ceraiian (6), bertindak sebagai Pejabat penerima di bawah Perkara 2 Triti Kerjasama Paten berkaitan dengan sebarang permohonan antarabangsa yang difailkan

kepadanya oleh warganegara Negara Brunei Darussalam atau orang-orang yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam.

(6) Tertakluk kepada kebenaran Peguam Negara, Pendaftar boleh membuat suatu bentuk perjanjian yang disebut dalam Aturan 19.1(b) dari Peraturan-Peraturan di bawah Triti Kerjasama Paten di mana Biro Antarabangsa atau pejabat paten yang ditetapkan atau kedua-duanya boleh, sebagai ganti Pejabat Pendaftaran, bertindak sebagai Pejabat penerima berkaitan dengan permohonan-permohonan antarabangsa yang difailkan oleh warganegara Negara Brunei Darussalam atau orang-orang yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam.

(7) Melainkan jika sebarang perjanjian berkuatkuasa di bawah cerai (6), bayaran penghantaran yang ditetapkan, selain dari bayaran yang ditetapkan oleh Triti Kerjasama Paten, hendaklah dibayar kepada Pejabat Pendaftaran oleh mana-mana orang yang memfailkan suatu permohonan antarabangsa di bawah Triti tersebut.

(8) Pejabat Pendaftaran hendaklah bertindak sebagai Pejabat yang ditetapkan di bawah Perkara 2 Triti Kerjasama Paten berkaitan dengan suatu permohonan antarabangsa di mana Negara Brunei Darussalam adalah ditetapkan bagi maksud-maksud mendapatkan suatu paten di bawah Perintah ini.

(9) Pejabat Pendaftaran hendaklah bertindak sebagai Pejabat yang dipilih berkaitan dengan suatu permohonan antarabangsa di mana Negara Brunei Darussalam adalah ditetapkan sebagaimana yang disebut dalam cerai (8) jika pemohon memilih Negara Brunei Darussalam bagi maksud-maksud pemeriksaan permulaan antarabangsa di bawah Penggal II Triti Kerjasama Paten.

(10) Bagi maksud bab ini, "pemastautin Negara Brunei Darussalam" mempunyai makna yang sama sepertimana dalam bab 32(4).

86. (1) Peruntukan-peruntukan Triti Kerjasama Paten berkenaan dengan penyiaran, carian, pemeriksaan dan pindaan, dan bukannya peruntukan-peruntukan Perintah ini, dikenakan kepada permohonan antarabangsa untuk suatu paten (Negara Brunei Darussalam) dalam fasa antarabangsa permohonan itu.

Fasa  
antarabangsa  
dan nasional  
permohonan.

(2) Fasa antarabangsa permohonan itu bermakna tempoh mulai dari memfailkan permohonan itu menurut Triti Kerjasama Paten hingga fasa nasional permohonan itu bermula.

(3) Fasa nasional permohonan itu bermula —

(a) apabila tempoh yang ditetapkan tamat, dengan syarat sebarang terjemahan permohonan itu ke dalam bahasa Inggeris yang diperlukan telah difailkan di Pejabat Pendaftaran dan bayaran yang ditetapkan telah dibayar oleh pemohon; atau

(b) apabila pemohon meminta dengan nyata supaya Pendaftar meneruskan terlebih dahulu fasa nasional permohonan itu, dengan membayar bayaran yang ditetapkan dan memfailkan di Pejabat Pendaftaran —

(i) satu salinan permohonan itu, jika belum dihantar kepada Pejabat Pendaftaran menurut Triti Kerjasama Paten; dan

(ii) sebarang terjemahan permohonan itu ke dalam bahasa Inggeris yang diperlukan.

(4) Bagi maksud cerai (3), satu "salinan permohonan itu" termasuk satu salinan yang disiarkan menurut Triti Kerjasama Paten dalam sesuatu bahasa selain dari bahasa di mana ia pada mulanya difailkan.

(5) Jika tempoh yang ditetapkan tamat tanpa syarat-syarat yang disebutkan dalam cerai (3)/a) dipenuhi, permohonan itu hendaklah dianggap sebagai ditarik balik.

(6) Jika dalam fasa antarabangsa permohonan itu dipinda menurut Triti Kerjasama Paten, pindaan tersebut hendaklah disifatkan sebagai dibuat di bawah Perintah ini jika —

(a) apabila tempoh yang ditetapkan tamat, sebarang terjemahan pindaan itu ke dalam bahasa Inggeris yang diperlukan telah difailkan di Pejabat Pendaftaran; atau

(b) jika pemohon meminta dengan nyata supaya Pendaftar meneruskan terlebih dahulu fasa nasional permohonan itu, kemudian ada difailkan di Pejabat Pendaftaran —

(i) satu salinan pindaan itu, jika belum dihantar kepada Pejabat Pendaftaran menurut Triti tersebut; dan

(ii) sebarang terjemahan pindaan itu ke dalam bahasa Inggeris yang diperlukan;

jika tidak pindaan itu hendaklah diketepikan.



(7) Pendaftar hendaklah setelah bayaran yang ditetapkan dibayar menyiarkan sebarang terjemahan yang difailkan di Pejabat Pendaftaran di bawah ceraiian (3) atau (6).

87. (1) Jika permohonan antarabangsa untuk suatu paten (Negara Brunei Darussalam) diberikan suatu tarikh memfailkan di bawah Triti Kerjasama Paten —

Penyesuaian peruntukan-peruntukan berkenaan dengan permohonan antarabangsa.

(a) tarikh itu atau, jika permohonan itu ditarikhhkan semula di bawah Triti tersebut kepada suatu tarikh yang kemudian, tarikh yang kemudian itu hendaklah disifatkan sebagai tarikh memfailkan permohonan itu di bawah Perintah ini;

(b) sebarang pengakuan keutamaan yang dibuat di bawah Triti tersebut hendaklah disifatkan sebagai dibuat di bawah bab 17(2), dan jika menurut Triti tersebut sebarang hari tambahan dibenarkan, tempoh 12 bulan yang dinyatakan dalam bab 17(2) hendaklah disifatkan sebagai diubah dengan sewajarnya; dan

(c) sebarang pernyataan mengenai nama perekacipta di bawah Triti tersebut hendaklah disifatkan sebagai suatu pernyataan yang difailkan di bawah bab 24(2).

(2) Jika permohonan itu, yang belum disiarkan di bawah Perintah ini, disiarkan menurut Triti Kerjasama Paten ia hendaklah disifatkan, bagi maksud-maksud selain dari yang disebutkan dalam ceraiian (3), sebagai disiarkan di bawah bab 27 apabila syarat-syarat yang disebutkan dalam bab 86(3)(a) dipatuhi.

(3) Bagi maksud-maksud bab 58 (penggunaan rekacipta untuk perkhidmatan Kerajaan) dan bab 76 (pelanggaran hak yang diberikan dengan penyiaran) permohonan itu, yang belum disiarkan di bawah Perintah ini, hendaklah disifatkan sebagai disiarkan di bawah bab 27 —

(a) jika ia disiarkan menurut Triti Kerjasama Paten dalam bahasa Inggeris, apabila ia disiarkan demikian; dan

(b) jika ia disiarkan demikian dalam sesuatu bahasa selain dari bahasa Inggeris —

(i) apabila terjemahan permohonan itu disiarkan menurut bab 86(7); atau

(ii) apabila pemohon menyampaikan terjemahan ke dalam bahasa Inggeris spesifikasi permohonan

itu kepada jabatan Kerajaan yang berkenaan atau, mengikut mana yang berkenaan, kepada orang yang melakukan perbuatan yang melanggar itu.

(4) Sebutan dalam cerai (3)/b/(ii) kepada penyampaian terjemahan kepada sesebuah jabatan Kerajaan atau orang lain adalah sebutan kepada penghantarannya melalui pos atau penyerahannya kepada jabatan atau orang itu.

(5) Dalam fasa antarabangsa permohonan itu, bab 47 tidak dikenakan (pemutusan tentang persoalan hak berkenaan dengan permohonan di bawah Perintah ini); tetapi selepas tamatnya fasa antarabangsa, bab itu hendaklah dikenakan.

Keterangan  
tentang Triti  
Kerjasama  
Paten dan  
suratcaranya.

88. (1) Pengiktirafan kehakiman hendaklah diambil tentang Triti Kerjasama Paten dan sebarang warta, buletin atau jurnal yang disiarkan di bawah Triti tersebut; dan sebarang dokumen seperti itu boleh diterima sebagai keterangan mengenai sebarang suratcara atau perbuatan lain yang disampaikan daripada mana-mana institusi yang mempunyai fungsi di bawah Triti tersebut.

(2) Keterangan mengenai sebarang suratcara yang dikeluarkan di bawah Triti Kerjasama Paten oleh mana-mana institusi atau mengenai sebarang dokumen yang ada dalam simpanan mana-mana institusi atau mengeluarkan semula dalam bentuk yang mudah dibaca sebarang maklumat yang ada dalam simpanan institusi itu melainkan dalam bentuk yang mudah dibaca, atau sebarang catatan atau cabutan dari dokumen tersebut, boleh diberikan dalam sebarang prosiding undang-undang dengan mengemukakan satu salinan yang diperakui sebagai salinan sebenar oleh seorang pegawai institusi itu; dan sebarang dokumen yang dikatakan sebagai salinan sebenar hendaklah diterima sebagai keterangan tanpa bukti tentang jawatan rasmi atau tulisan tangan orang yang menandatangani perakuan itu.

(3) Keterangan mengenai sebarang suratcara yang disebutkan dalam cerai (2) boleh juga diberikan dalam sebarang prosiding undang-undang —

(a) dengan mengemukakan satu salinan yang dikatakan dicetak oleh Pencetak Kerajaan;

(b) jika suratcara itu ada dalam simpanan sesebuah jabatan Kerajaan, dengan mengemukakan satu salinan yang diperakui bagi pihak jabatan tersebut sebagai salinan sebenar oleh seorang pegawai jabatan tersebut pada amnya atau secara khusus diberi kuasa untuk berbuat demikian,

dan sebarang dokumen yang dikatakan sebagai salinan sebenar sebagaimana yang disebutkan dalam perenggan (b) bagi suratcara yang ada dalam simpanan sesebuah jabatan Kerajaan hendaklah diterima sebagai keterangan tanpa bukti tentang jawatan rasmi atau tulisan tangan orang yang menandatangani perakuan itu, atau tentang kuasanya untuk berbuat demikian, atau tentang dokumen yang ada dalam simpanan jabatan tersebut.

(4) Dalam bab ini, "prosiding undang-undang" termasuk prosiding di hadapan Pendaftar.

89. (1) Mana-mana negara yang menjadi suatu pihak dalam Konvensyen Paris atau mana-mana anggota Pertubuhan Perdagangan Dunia hendaklah dianggap sebagai negara konvensyen bagi maksud-maksud Perintah ini.

Negara-negara konvensyen.

(2) Bagi maksud-maksud bab ini, tiap-tiap tanah jajahan, tanah naungan dan wilayah yang tertakluk kepada kuasa atau di bawah kedaulatan negara lain, dan tiap-tiap wilayah yang ditadbir oleh negara lain di bawah sistem peramanahan Bangsa-Bangsa Bersatu hendaklah dianggap sebagai negara konvensyen bagi maksud-maksud Perintah ini jika negara lain itu menjadi suatu pihak dalam Konvensyen Paris atau anggota Pertubuhan Perdagangan Dunia.

## BAHAGIAN XVII

### PROSIDING UNDANG-UNDANG

90. (1) Sebarang prosiding di hadapan mahkamah berkenaan dengan paten dan perkara-perkara lain di bawah Perintah ini hendaklah dikendalikan oleh seorang hakim yang bersidang sendirian atau, jika difikirkannya patut, bersama dengan seorang atau lebih penasihat saintifik yang dipilih oleh hakim tersebut daripada panel yang dilantik di bawah ceraiian (2).

Prosiding di hadapan mahkamah.

(2) Aturan-aturan mahkamah boleh membuat peruntukan bagi perlantikan panel penasihat-penasihat saintifik untuk membantu mahkamah dalam prosiding di bawah Perintah ini dan bagi mengawalselia fungsi penasihat-penasihat tersebut dan bagi memberi ganjaran kepada penasihat-penasihat tersebut.

91. (1) Suatu rayuan hendaklah dikemukakan kepada mahkamah dari sebarang keputusan Pendaftar di bawah Perintah ini atau peraturan-peraturan kecuali sebarang keputusan yang berikut —

Rayuan-rayuan dari keputusan Pendaftar.

(a) suatu keputusan yang termasuk di bawah bab 25(7);

(b) suatu keputusan di bawah bab 27(2) untuk meninggalkan sebarang perkara dari sesuatu spesifikasi;

(c) suatu keputusan untuk memberi arahan di bawah bab 33(1);

(d) suatu keputusan di bawah peraturan-peraturan yang dikecualikan oleh peraturan-peraturan dari hak untuk merayu yang diberikan oleh bab ini.

(2) Suatu rayuan tidaklah boleh dikemukakan kepada Mahkamah Rayuan dari suatu keputusan mahkamah atas rayuan dari suatu keputusan Pendaftar di bawah Perintah ini atau peraturan-peraturan —

(a) kecuali jika keputusan Pendaftar diberikan di bawah bab 38 atau 81; atau

(b) kecuali jika alasan rayuan adalah bahawa keputusan mahkamah itu adalah salah di sisi undang-undang,

tetapi suatu rayuan hendaklah hanya dikemukakan kepada Mahkamah Rayuan di bawah bab ini jika kebenaran untuk merayu diberikan oleh mahkamah atau Mahkamah Rayuan.

Kuasa-kuasa  
am  
mahkamah.

92. (1) Mahkamah boleh, bagi maksud memutuskan sebarang persoalan pada menjalankan bidang kuasa asal atau rayuannya di bawah Perintah ini, membuat sebarang perintah atau menjalankan sebarang kuasa lain yang mungkin telah dibuat atau dijalankan oleh Pendaftar bagi maksud memutuskan persoalan itu.

(2) Dalam semua prosiding di hadapan mahkamah di bawah Perintah ini, kos Pendaftar hendaklah atas budibicara mahkamah, tetapi Pendaftar tidaklah boleh diperintahkan untuk membayar kos mana-mana pihak lain.

Perjalanan  
kuasa-kuasa  
budibicara  
Pendaftar.

93. Tanpa menjejaskan sebarang rukun undang-undang, Pendaftar hendaklah memberi kepada mana-mana pihak dalam suatu prosiding di hadapannya peluang untuk didengar sebelum menjalankan terhadap pihak itu sebarang budibicara yang terletak hak pada Pendaftar menurut Perintah ini atau peraturan-peraturan.

Hak untuk  
didengar  
dalam  
prosiding  
paten.

94. (1) Jika di bawah Perintah ini —

(a) sebarang perbuatan terpaksa dilakukan oleh atau terhadap mana-mana orang berhubung dengan permohonan untuk suatu paten, atau suatu paten, atau sebarang prosedur mengenainya; atau

(b) mana-mana pihak dalam sebarang prosiding boleh hadir di hadapan Pendaftar, sama ada di bawah Perintah ini atau sebarang triti di mana Negara Brunei Darussalam menjadi suatu pihak,

perbuatan itu boleh dilakukan oleh atau terhadap orang itu atau pihak tersebut boleh diwakili, oleh seorang peguambela dan peguamcara atau seorang ejen paten berdaftar atau, tertakluk kepada sebarang peraturan yang dibuat di bawah Perintah ini, seorang ejen yang dia berhasrat untuk mewakilinya dan bertindak bagi pihaknya.

(2) Tanpa menjejaskan hak peguam untuk hadir di hadapan mahkamah, seorang peguambela dan peguamcara yang tidak menjalankan amalan yang sebenar, seorang ejen paten berdaftar dan seorang ejen yang disebut dalam cerai (1) hendaklah masing-masing, dengan tidak menghiraukan sebarang apa pun dalam Akta Ikhtisas Peguam, mempunyai hak untuk hadir dan didengar bagi pihak mana-mana pihak dalam suatu rayuan di bawah Perintah ini dari keputusan Pendaftar kepada mahkamah.

95. (1) Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa rukun undang-undang yang memberi keistimewaan dari pendedahan dalam prosiding undang-undang berkaitan dengan perhubungan yang dibuat dengan seorang peguambela dan peguamcara atau seseorang yang bertindak bagi pihaknya, atau berkenaan dengan maklumat yang diperolehi atau diberikan untuk dikemukakan kepada seorang peguambela dan peguamcara atau seseorang yang bertindak bagi pihaknya, bagi maksud sebarang prosiding yang belum selesai atau dijangkakan di hadapan mahkamah di Negara Brunei Darussalam diperluaskan kepada perhubungan yang dibuat itu bagi maksud sebarang prosiding yang belum selesai atau dijangkakan di hadapan Pendaftar di bawah Perintah ini.

Penggal 32.

Perluasan keistimewaan bagi perhubungan dengan peguamcara berkenaan dengan prosiding paten.

(2) Dalam bab ini, "prosiding undang-undang" termasuk prosiding di hadapan Pendaftar; dan sebutan-sebutan kepada "prosiding undang-undang" dan "prosiding yang belum selesai dan dijangkakan" termasuk sebutan-sebutan kepada permohonan untuk suatu paten dan permohonan antarabangsa untuk suatu paten.

96. (1) Sesuatu perhubungan mengenai sebarang perkara yang berkaitan dengan paten —

Keistimewaan bagi perhubungan dengan ejen paten berdaftar.

(a) di antara seseorang dan seorang ejen paten berdaftar, suatu perkongsian yang berhak di bawah Bahagian XIX untuk menyatakan dirinya sebagai firma ejen-ejen paten atau suatu badan korporat yang berhak di bawah Bahagian XIX untuk menyatakan dirinya sebagai ejen paten; atau

(b) bagi maksud mendapatkan, atau bagi menjawab permintaan untuk mendapatkan, maklumat yang diminta oleh seseorang untuk tujuan mengarahkan ejen patennya,

adalah diberi keistimewaan dari pendedahan dalam prosiding undang-undang di Negara Brunei Darussalam mengikut cara yang sama sepertimana perhubungan di antara seseorang dan peguamcaranya atau, mengikut mana yang berkenaan, perhubungan bagi maksud mendapatkan, atau bagi menjawab permintaan untuk mendapatkan, maklumat yang diminta oleh seseorang untuk tujuan mengarahkan peguamcaranya.

(2) Bagi maksud-maksud bab ini "prosiding undang-undang" termasuk prosiding di hadapan Pendaftar.

Kos dan perbelanjaan dalam prosiding di hadapan Pendaftar.

97. (1) Pendaftar boleh, dalam prosiding di hadapannya di bawah Perintah ini, dengan perintah mengaward kepada mana-mana pihak kos yang mungkin dianggapnya munasabah dan mengarahkan bagaimana dan oleh pihak mana kos itu akan dibayar.

(2) Sebarang perintah yang mengaward kos di bawah bab ini boleh dikuatkuasakan mengikut cara yang sama seolah-olah perintah itu adalah perintah mahkamah.

(3) Jika mana-mana orang yang —

(a) membuat rujukan kepada Pendaftar di bawah bab 47; atau

(b) memberi notis bantahan kepada Pendaftar di bawah bab 38(4), 40(2), 54(6) atau 107(2),

tidak tinggal dan juga tidak menjalankan perniagaan di Negara Brunei Darussalam, Pendaftar boleh menghendaknya supaya memberi jaminan bagi kos atau perbelanjaan prosiding dan sekiranya jaminan itu tidak diberikan boleh menyifatkan rujukan, permohonan atau notis itu sebagai digugurkan.

Lesen-lesen diberikan dengan perintah Pendaftar atau mahkamah.

98. Sebarang perintah yang dibuat oleh Pendaftar atau mahkamah bagi pemberian suatu lesen di bawah Perintah ini hendaklah, tanpa menjejaskan sebarang cara lain bagi penguatkuasaannya, berkuatkuasa seolah-olah ia adalah suatu surat ikatan, yang dilaksanakan oleh tuannya paten itu dan semua pihak lain yang perlu, yang memberi suatu lesen menurut perintah tersebut.

**BAHAGIAN XVIII**

**KESALAHAN-KESALAHAN**

99. Jika seseorang membuat atau menyebabkan supaya dibuat suatu catatan palsu dalam sebarang Daftar yang disimpan di bawah Perintah ini, atau suatu tulisan yang dikatakan dengan palsu sebagai satu salinan atau pengeluaran semula suatu catatan dalam sebarang Daftar itu, atau mengemukakan atau memberi atau menyebabkan supaya dikemukakan atau diberikan sebagai keterangan sebarang tulisan itu, dengan mengetahui catatan atau tulisan itu sebagai palsu, dia adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$5,000 atau dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Pemalsuan  
Daftar, dll.

100. (1) Jika seseorang menyatakan dengan palsu bahawa apa-apa jua yang dilupuskan olehnya untuk nilai adalah suatu produk berpaten, dia adalah, tertakluk kepada bab ini, melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$10,000 atau dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Tuntutan  
tanpa  
kebenaran  
terhadap hak  
paten.

(2) Bagi maksud-maksud cerai (1), seseorang yang melupuskan untuk nilai suatu barang yang telah dicap, diukir atau ditera di atasnya ataupun sebaliknya digunakan padanya perkataan "paten" atau "berpaten" atau apa-apa jua yang menyatakan atau membayangkan bahawa barang itu adalah suatu produk berpaten, hendaklah dianggap sebagai menyatakan bahawa barang itu adalah suatu produk berpaten.

(3) Cerai (1) tidaklah boleh dikenakan jika pernyataan itu dibuat berkaitan dengan suatu produk setelah paten untuk produk itu atau, mengikut mana yang berkenaan, proses yang berkenaan itu telah tamat tempohnya atau dibatalkan dan sebelum tamat sesuatu tempoh yang mencukupi dengan munasabah untuk membolehkan tertuduh mengambil langkah-langkah bagi memastikan bahawa pernyataan itu tidak dibuat atau tidak terus dibuat.

(4) Dalam prosiding kerana sesuatu kesalahan di bawah bab ini, adalah menjadi suatu pembelaan bagi tertuduh untuk membuktikan bahawa dia telah menjalankan usaha yang sewajarnya untuk mencegah berlakunya kesalahan tersebut.

Tuntutan  
tanpa  
kebenaran  
bahawa paten  
telah  
dipohonkan.

101. (1) Jika seseorang menyatakan bahawa suatu paten telah dipohonkan berkaitan dengan mana-mana barang yang dilupuskan untuk nilai olehnya dan —

(a) permohonan tersebut tiada dibuat; atau

(b) sebarang permohonan tersebut telah ditolak, ditarik balik atau disifatkan sebagai telah digugurkan,

dia adalah, tertakluk kepada bab ini, melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$10,000 atau dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Ceraian (1)(b) tidaklah boleh dikenakan jika pernyataan itu dibuat atau terus dibuat sebelum tamat sesuatu tempoh yang bermula dari penolakan, penarikan balik atau pengguguran tersebut dan yang mencukupi dengan munasabah untuk membolehkan tertuduh mengambil langkah-langkah bagi memastikan bahawa pernyataan itu tidak dibuat atau tidak terus dibuat.

(3) Bagi maksud ceraian (1), seseorang yang untuk nilai melupuskan suatu barang yang telah dicap, diukir atau ditera di atasnya ataupun sebaliknya digunakan padanya perkataan-perkataan "paten yang dipohonkan" atau "paten yang belum selesai", atau apa-apa jua yang menyatakan atau membayangkan bahawa suatu paten telah dipohonkan berkaitan dengan barang tersebut, hendaklah dianggap sebagai menyatakan bahawa suatu paten telah dipohonkan berkaitan dengannya.

(4) Dalam sebarang prosiding kerana sesuatu kesalahan di bawah bab ini, adalah menjadi suatu pembelaan bagi tertuduh untuk membuktikan bahawa dia telah menjalankan usaha yang sewajarnya untuk mencegah berlakunya kesalahan tersebut.

Penyalah-  
gunaan tajuk  
"Pejabat  
Pendaftaran  
Paten".

102. Jika mana-mana orang menggunakan di tempat perniagaannya, atau dalam sebarang dokumen yang dikeluarkan olehnya, ataupun sebaliknya, perkataan-perkataan "Pejabat Pendaftaran Paten" atau sebarang perkataan lain yang mengatakan bahawa tempat perniagaannya adalah Pejabat Pendaftaran Paten, atau secara rasmi mempunyai kaitan dengan Pejabat Pendaftaran Paten, dia adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$5,000 atau dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.



103. (1) Jika sesuatu kesalahan di bawah Perintah ini yang telah dilakukan oleh suatu badan korporat dibuktikan telah dilakukan dengan persetujuan atau pembiaran, atau disebabkan oleh sebarang kecuiaan di pihak, pengarah, pengurus, setiausaha atau mana-mana pegawai yang serupa badan korporat itu, atau mana-mana orang yang dikatakan bertindak atas sebarang jawatan tersebut, dia, dan juga badan korporat itu, adalah melakukan kesalahan tersebut dan boleh diambil tindakan selanjutnya dan dihukum dengan sewajarnya.

Kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh perbadanan dan perkongsian.

(2) Jika urusan suatu badan korporat diurus oleh ahli-ahlinya, ceraiian (1) hendaklah dikenakan berhubung dengan perbuatan atau keingkaran seseorang ahli berkaitan dengan tugas-tugas pengurusannya seolah-olah dia adalah seorang pengarah badan korporat tersebut.

(3) Prosiding kerana sesuatu kesalahan di bawah Perintah ini yang dikatakan telah dilakukan oleh suatu perkongsian hendaklah dibawa atas nama perkongsian tersebut dan bukannya atas nama rakan-rakan kongsi; tetapi tanpa menjejaskan sebarang liabiliti rakan-rakan kongsi di bawah ceraiian (5).

(4) Sesuatu denda yang dikenakan ke atas suatu perkongsian apabila ia disabitkan kesalahan dalam prosiding itu hendaklah dibayar dari aset perkongsian tersebut.

(5) Jika suatu perkongsian melakukan suatu kesalahan di bawah Perintah ini, tiap-tiap rakan kongsi, selain daripada rakan kongsi yang terbukti tidak tahu tentang atau telah mencuba untuk mencegah berlakunya kesalahan itu, adalah juga melakukan kesalahan itu dan boleh diambil tindakan selanjutnya dan dihukum dengan sewajarnya.

## BAHAGIAN XIX

### EJEN PATEN

104. (1) Peguam Negara boleh membuat peraturan-peraturan yang menghendaki penyimpanan Daftar orang-orang yang bertindak sebagai ejen bagi pihak orang lain bagi maksud memohon atau mendapatkan paten.

Pendaftaran ejen paten.

(2) Peraturan-peraturan tersebut boleh mengandungi suatu peruntukan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Peguam Negara bagi mengawalselia pendaftaran orang-orang dan boleh, khususnya, menghendaki pembayaran suatu bayaran sebagaimana yang mungkin ditetapkan dan membenarkan dalam hal-hal yang ditetapkan pemadaman dari Daftar akan nama mana-mana orang yang

didaftarkan di dalamnya, atau penggantungan pendaftaran mana-mana orang.

(3) Peraturan-peraturan tersebut boleh mewakilkan penyimpanan daftar itu kepada orang lain, dan boleh memberi kepada orang itu tugas-tugas, termasuk tugas-tugas tatatertib, sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

(4) Peraturan-peraturan tersebut boleh memperuntukkan bahawa sesuatu pelanggaran peraturan-peraturan tersebut adalah menjadi suatu kesalahan dan boleh memperuntukkan hukuman yang tidak melebihi dari denda sebanyak \$5,000 atau dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari satu tahun atau keduanya sekali.

Orang-orang yang berhak menyatakan diri mereka sebagai ejen-ejen paten.

105. (1) Seseorang individu yang bukan ejen paten berdaftar tidaklah boleh —

(a) menjalankan suatu perniagaan (melainkan secara perkongsian) di bawah sebarang nama atau perihalan lain yang mengandungi perkataan-perkataan "ejen paten" atau "wakil paten"; atau

(b) semasa menjalankan suatu perniagaan sebaliknya menyatakan dirinya atau membenarkan dirinya untuk dinyatakan sebagai "ejen paten" atau "wakil paten".

(2) Suatu perkongsian tidaklah boleh —

(a) menjalankan suatu perniagaan di bawah sebarang nama atau perihalan lain yang mengandungi perkataan-perkataan "ejen paten" atau "wakil paten"; atau

(b) semasa menjalankan suatu perniagaan sebaliknya menyatakan dirinya atau membenarkan dirinya untuk dinyatakan sebagai firma "ejen-ejen paten" atau "wakil-wakil paten",

melainkan jika semua rakan kongsi adalah ejen-ejen paten berdaftar atau perkongsian itu memenuhi syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditetapkan bagi maksud-maksud bab ini.

(3) Suatu badan korporat tidaklah boleh —

(a) menjalankan suatu perniagaan (melainkan secara perkongsian) di bawah sebarang nama atau perihalan lain yang mengandungi perkataan-perkataan "ejen paten" atau "wakil paten"; atau

(b) semasa menjalankan suatu perniagaan sebaliknya menyatakan dirinya atau membenarkan dirinya untuk dinyatakan sebagai "ejen paten" atau "wakil paten",

melainkan jika semua pengarah badan korporat itu adalah ejen-ejen paten berdaftar atau badan korporat itu memenuhi syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditetapkan bagi maksud-maksud bab ini.

(4) Seseorang yang melanggar bab ini adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$5,000 atau dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

(5) Bab ini tidaklah boleh ditafsirkan sebagai melarang seseorang peguambela dan peguamcara dari mengambil bahagian dalam prosiding berkenaan dengan paten dan permohonan untuk paten dan, khasnya, tidaklah boleh mengurangkan bab 94 sebagaimana ia dikenakan kepada peguambela-peguambela dan peguamcara-peguamcara.

(6) Seseorang ejen paten berdaftar tidaklah melakukan suatu kesalahan di bawah bab-bab 18 dan 19 dari Akta Ikhtisas Peguam hanya dengan sebab penyediaan olehnya untuk digunakan dalam prosiding atas rayuan di bawah Perintah ini kepada mahkamah dari keputusan Pendaftar sebarang dokumen selain dari suratikatan.

Penggal 132.

(7) Suatu kesalahan tiada dilakukan di bawah bab-bab 18 dan 19 dari Akta Ikhtisas Peguam oleh mana-mana orang hanya dengan sebab penyediaan olehnya suatu dokumen (selain dari suratikatan) untuk digunakan dalam prosiding di hadapan Pendaftar berkenaan dengan sebarang paten atau permohonan untuk suatu paten.

Penggal 132.

(8) Jika bab ini dilanggar kerana penggunaan perkataan-perkataan "ejen paten" atau "wakil paten" dengan merujuk kepada seseorang individu, perkongsian atau badan korporat, ia sama-sama dilanggar kerana penggunaan ungkapan-ungkapan lain dengan merujuk kepada orang itu, atau perniagaan atau tempat perniagaannya, yang mungkin difahami sebagai menunjukkan bahawa dia berhak untuk dinyatakan sebagai "ejen paten" atau "wakil paten".

(9) Dalam bab ini "pengarah", berkenaan dengan suatu badan korporat yang urusannya diurus oleh ahli-ahlinya, bermakna mana-mana ahli badan korporat itu.

BAHAGIAN XX

RAMPAIAN DAN AM

Kekebalan Kerajaan, pegawai-pegawai dan Pemeriksa-Pemeriksanya.

106. Kerajaan, mana-mana pegawai Pejabat Pendaftaran dan mana-mana Pemeriksa tidaklah boleh —

(a) dianggap menjamin kesahan sebarang paten yang diberikan di bawah Perintah ini atau sebarang triti di mana Negara Brunei Darussalam menjadi suatu pihak;

(b) menanggung sebarang liabiliti dengan sebab atau berhubung dengan sebarang carian, pemeriksaan atau penyiasatan yang dikehendaki atau dibenarkan oleh Perintah ini atau sebarang triti tersebut, atau sebarang laporan atau prosiding lain yang berbangkit dari sebarang carian, pemeriksaan atau penyiasatan tersebut; atau

(c) menanggung sebarang liabiliti dengan sebab catatan yang tidak betul dalam daftar ejen-ejen paten yang diselenggarakan di bawah Bahagian XIX.

Pembetulan kesalahan dalam paten dan permohonan.

107. (1) Pendaftar boleh, tertakluk kepada sebarang peruntukan peraturan-peraturan, membetulkan sebarang kesalahan terjemahan atau transkripsi, salah tulis atau kesilapan dalam sebarang spesifikasi suatu paten atau permohonan untuk suatu paten atau sebarang dokumen yang difailkan berhubung dengan suatu paten atau permohonan untuk suatu paten.

(2) Jika Pendaftar diminta untuk membetulkan kesalahan atau kesilapan tersebut, mana-mana orang boleh menurut peraturan-peraturan memberi kepada Pendaftar notis bangkangan terhadap permintaan tersebut dan Pendaftar hendaklah memutuskan perkara itu.

Maklumat mengenai permohonan paten dan pemeriksaan dokumen.

108. (1) Setelah permohonan untuk suatu paten disiarkan menurut bab 27, Pendaftar hendaklah atas permintaan yang dibuat kepadanya mengikut cara yang ditetapkan dan setelah bayaran yang ditetapkan (jika ada) dibayar memberi kepada orang yang membuat permintaan itu maklumat, dan membenarkannya untuk memeriksa dokumen-dokumen, berkenaan dengan permohonan itu atau sebarang paten yang diberikan menurut permohonan itu sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam permintaan tersebut, tertakluk, walau bagaimanapun, kepada sebarang sekatan yang ditetapkan.

(2) Tertakluk kepada bab ini, sehingga permohonan untuk suatu paten disiarkan demikian, dokumen-dokumen atau maklumat yang terkandung dalam atau berhubung dengan permohonan itu

tidaklah boleh, tanpa persetujuan pemohon, disiarkan atau disampaikan kepada mana-mana orang oleh Pendaftar.

(3) Ceraian (2) tidaklah menghalang Pendaftar dari menyiarkan atau menyampaikan kepada orang lain sebarang maklumat bibliografi mengenai permohonan untuk suatu paten yang belum disiarkan.

(4) Jika seseorang diberitahu bahawa permohonan untuk suatu paten telah dibuat, tetapi belum disiarkan menurut bab 27, dan bahawa pemohon akan, jika paten itu diberikan, membawa prosiding terhadap orang itu sekiranya dia melakukan suatu perintah yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu setelah permohonan itu disiarkan demikian, orang itu boleh membuat suatu permintaan di bawah ceraian (1), walaupun permohonan itu belum disiarkan, dan ceraian tersebut hendaklah dikenakan dengan sewajarnya.

(5) Jika permohonan untuk suatu paten difailkan, tetapi tidak disiarkan, dan permohonan baru difailkan berkaitan dengan mana-mana bahagian hal 'perkara permohonan terdahulu (sama ada menurut peraturan-peraturan atau menurut suatu perintah di bawah bab 47) dan disiarkan, mana-mana orang boleh membuat suatu permintaan di bawah ceraian (1) berkenaan dengan permohonan terdahulu dan setelah bayaran yang ditetapkan dibayar Pendaftar hendaklah memberi kepadanya maklumat dan membenarkannya untuk memeriksa dokumen-dokumen yang mungkin telah diberikan atau diperiksa jika permohonan terdahulu telah disiarkan.

(6) Penyiaran kesemua atau sebahagian dari spesifikasi suatu paten atau permohonan untuk suatu paten tidaklah menjadi suatu pelanggaran sebarang hakcipta yang mungkin ada di Negara Brunei Darussalam dalam sebarang karya kesusasteraan atau kesenian.

109. Sebarang notis yang dikehendaki atau dibenarkan untuk diberikan oleh Perintah ini atau peraturan-peraturan, dan sebarang permohonan atau dokumen lain yang dibenarkan atau dikehendaki untuk dibuat atau difailkan itu, boleh diberikan, dibuat atau difailkan melalui pos.

Penyampaian  
melalui pos.

110. (1) Peguam Negara boleh membuat peraturan-peraturan untuk memperuntukkan lanjutan masa bagi sebarang tempoh masa yang ditentukan untuk melakukan sesuatu perbuatan berkenaan dengan permohonan untuk paten atau dalam prosiding di bawah Perintah ini atau peraturan-peraturan, bukannya prosiding di mahkamah.

Lanjutan  
masa.

(2) Peraturan-peraturan itu boleh mengandungi suatu peruntukan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Peguam Negara

bagi mengawalselia hal keadaan bagaimana lanjutan masa itu boleh diberikan dan boleh juga memperuntukkan perlindungan dan pemberian pampasan kepada orang-orang yang terjejas dengan lanjutan masa yang diberikan itu walaupun tempoh tersebut sudah tamat.

Waktu urusan  
Pejabat  
Pendaftaran  
dan hari-hari  
yang  
dikecualikan.

111. (1) Peraturan-peraturan boleh menentukan waktu bila Pejabat Pendaftaran dianggap sebagai ditutup pada mana-mana hari bagi maksud-maksud transaksi urusan oleh orang ramai di bawah Perintah ini atau sebarang jenis urusan itu, dan boleh menentukan hari-hari sebagai hari-hari yang dikecualikan bagi sebarang maksud tersebut.

(2) Sebarang urusan yang dilakukan di bawah Perintah ini pada mana-mana hari selepas waktu yang ditentukan itu berkenaan dengan jenis urusan seperti itu, atau pada suatu hari yang merupakan hari yang dikecualikan berkenaan dengan jenis urusan seperti itu, hendaklah dianggap telah dilakukan pada hari yang berikutnya bukannya hari yang dikecualikan; dan jika masa untuk melakukan apa-apa jua di bawah Perintah ini tamat pada hari yang dikecualikan, masa tersebut hendaklah dilanjutkan pada hari yang berikutnya bukannya hari yang dikecualikan.

Hak Kerajaan  
untuk  
menjual  
barang-barang  
yang dirampas.

112. Tiada sebarang apa pun dalam Perintah ini menjejaskan hak Kerajaan atau mana-mana orang yang mendapat hakmilik secara langsung atau tidak langsung daripada Kerajaan untuk melupuskan atau menggunakan barang-barang yang dirampas di bawah undang-undang berkenaan dengan kastam atau eksais.

Takat  
rekacipta.

113. (1) Bagi maksud-maksud Perintah ini, rekacipta untuk suatu paten yang baginya suatu permohonan telah dibuat atau yang baginya suatu paten telah diberikan hendaklah, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain, dianggap sebagai yang dinyatakan dalam suatu tuntutan spesifikasi permohonan atau paten itu, mengikut mana yang berkenaan, yang ditafsirkan dengan perihalan dan sebarang lukisan yang terkandung dalam spesifikasi itu, dan takat perlindungan yang diberikan oleh suatu paten atau permohonan untuk suatu paten hendaklah diputuskan dengan sewajarnya.

(2) Adalah dengan ini diisytiharkan bagi mengelakkan keraguan bahawa jika lebih dari satu rekacipta dinyatakan dalam sebarang tuntutan itu, tiap-tiap rekacipta mungkin mempunyai suatu tarikh keutamaan yang berlainan di bawah bab 17.

114. (1) Peruntukan boleh dibuat dengan peraturan-peraturan yang menetapkan hal keadaan bagaimana spesifikasi permohonan untuk suatu paten, atau suatu paten, untuk suatu rekacipta yang menghendaki bagi pelaksanaannya penggunaan mikro-organisma akan disifatkan sebagai mendedahkan rekacipta itu dengan cara yang cukup jelas dan cukup lengkap bagi rekacipta itu dilaksanakan oleh seseorang yang mahir dalam rekaan.

Kehendak berkenaan dengan contoh-contoh mikro-organisma.

(2) Peraturan-peraturan tersebut boleh khasnya menghendaki supaya pemohon atau tuannya paten itu —

(a) mengambil langkah-langkah sebagaimana yang mungkin ditetapkan bagi tujuan menyediakan kepada orang ramai contoh-contoh mikro-organisma tersebut; dan

(b) tidak mengenakan atau mengekalkan sekatan ke atas penggunaan yang mungkin diletakkan kepada contoh-contoh tersebut, kecuali sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

(3) Peraturan-peraturan tersebut boleh memperuntukkan bahawa, dalam hal-hal sebagaimana yang mungkin ditetapkan, contoh-contoh hanya perlu disediakan kepada orang-orang atau perihalan orang-orang sebagaimana yang mungkin ditetapkan; dan peraturan-peraturan tersebut boleh menentukan perihalan orang-orang dengan merujuk kepada sama ada Pendaftar telah memberi perakuannya tentang sebarang perkara.

(4) Prosiding sivil boleh dibawa di mahkamah bagi pembatalan paten itu di bawah bab 80(1)(c) jika sebarang kehendak peraturan-peraturan tersebut tidak lagi dipatuhi.

115. (1) Peguam Negara dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia boleh membuat peraturan-peraturan yang tidak berlawanan dengan peruntukan-peruntukan Perintah ini sebagaimana yang difikirkannya mustahak bagi mengawalselia urusan Pejabat Pendaftaran berkenaan dengan paten dan permohonan untuk paten (termasuk permohonan antarabangsa untuk paten) dan bagi mengawalselia semua perkara yang menurut Perintah ini terletak di bawah arahan atau kawalan Pendaftar.

Peraturan-peraturan.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan makna ceraihan (1), peraturan-peraturan tersebut boleh membuat peruntukan bagi semua atau sebarang maksud yang berikut —

(a) menetapkan borang dan isi kandungan permohonan-permohonan untuk paten dan dokumen-dokumen lain yang boleh difailkan di Pejabat Pendaftaran dan menghendaki supaya salinan-salinan sebarang dokumen tersebut diberikan;

(b) mengawalselia prosedur yang akan diikuti berhubung dengan sebarang prosiding atau perkara lain di hadapan Pendaftar atau Pejabat Pendaftaran dan membenarkan pembedahan salah aturan prosedur;

(c) menghendaki supaya bayaran dibuat berhubung dengan sebarang prosiding atau perkara tersebut atau berhubung dengan pemberian sebarang perkhidmatan oleh Pejabat Pendaftaran dan memperuntukkan bagi remitan bayaran dalam hal keadaan yang ditetapkan;

(d) mengawalselia cara memberi keterangan dalam sebarang prosiding tersebut dan memberi kuasa kepada Pendaftar untuk memaksa kehadiran saksi-saksi dan penzahiran dan pengemukaan dokumen-dokumen;

(e) mengawalselia prosedur yang akan diikuti dalam sebarang prosiding atau perkara lain berkenaan dengan pindaan suatu paten dan menghendaki Pendaftar supaya menyiarkan sebarang pindaan suatu paten yang dicadangkan dan sebarang perkara lain yang ditetapkan termasuk sebarang langkah yang ditetapkan dalam sebarang prosiding tersebut;

(f) menetapkan had masa untuk melakukan apa-apa jua yang dikehendaki untuk dilakukan berhubung dengan sebarang prosiding tersebut menurut Perintah ini atau peraturan-peraturan tersebut;

(g) menguatkuasakan hak perekacipta suatu rekacipta yang disebutkan dalam permohonan untuk suatu paten bagi rekacipta tersebut;

(h) memperuntukkan bagi penyiaran dan penjualan dokumen-dokumen di Pejabat Pendaftaran dan maklumat tentang dokumen-dokumen tersebut;

(i) menetapkan, berkenaan dengan permohonan-permohonan antarabangsa, perkara-perkara yang perlu atau mudah untuk ditetapkan bagi melaksanakan atau menguatkuasakan Triti Kerjasama Paten;

(j) mengecualikan atau mengubah kuatkuasa peruntukan-peruntukan Perintah ini berkenaan dengan permohonan-permohonan antarabangsa;

(k) menghendaki dan mengawalselia terjemahan dokumen-dokumen berhubung dengan sebarang permohonan



untuk suatu paten dan pemfailan dan pengesahan sebarang terjemahan tersebut; dan

(1) menetapkan jadual kos prosiding di hadapan Pendaftar.

(3) Peraturan-peraturan boleh membuat peruntukan-peruntukan yang berlainan bagi kes-kes yang berlainan.

(4) Peraturan-peraturan hendaklah memperuntukkan bagi penyiaran oleh Pendaftar dalam *Warta Kerajaan* butir-butir permohonan untuk paten dan pemberian paten dan prosiding lain di bawah Perintah ini.

(5) Peraturan-peraturan boleh menghendaki atau membenarkan Pendaftar untuk membuat penyusunan bagi penyiaran laporan-laporan kes berkenaan dengan paten yang diputuskan olehnya atau oleh mana-mana mahkamah atau badan sama ada di Negara Brunei Darussalam atau di tempat lain.

116. Tertakluk kepada bab 117, Akta Rekacipta dan sebarang Peraturan yang dibuat di bawahnya adalah dimansuhkan.

Pemansuhan.  
Panggal 72.

117. (1) Jika suatu permohonan telah dibuat di bawah bab 2 dari Akta Rekacipta sebelum hari yang ditetapkan bab 116, Pendaftar boleh mengeluarkan suatu sijil pendaftaran di bawah bab 4 dari Akta itu selepas hari tersebut seolah-olah Akta itu dan sebarang Peraturan yang dibuat di bawahnya belum dimansuhkan.

Peruntukan-  
peruntukan  
peralihan.  
Panggal 72.

(2) Jika suatu paten telah diberikan di bawah sebarang undang-undang yang berkuatkuasa di United Kingdom, Malaysia atau Singapura dalam tempoh 36 bulan sejeurus sebelum hari yang ditetapkan bab 116 dan paten itu masih berkuatkuasa pada hari tersebut, tuannya paten itu boleh, dalam tempoh 24 bulan dari hari yang ditetapkan itu, membuat permohonan untuk suatu sijil pendaftaran dan Pendaftar boleh mengeluarkan suatu sijil atas permohonan tersebut seolah-olah Akta Rekacipta dan sebarang Peraturan yang dibuat di bawahnya belum dimansuhkan.

Panggal 72.

(3) Jika permohonan untuk suatu paten telah dibuat sebelum hari yang ditetapkan bab 116 di bawah sebarang undang-undang berkenaan dengan paten yang berkuatkuasa di United Kingdom, Malaysia atau Singapura dan permohonan itu belum lagi diputuskan pada hari yang ditetapkan itu, pemohon boleh, dalam tempoh 12 bulan dari tarikh pemberian suatu paten dikeluarkan atas permohonan tersebut, membuat permohonan untuk suatu sijil pendaftaran dan Pendaftar boleh mengeluarkan suatu sijil atas

Penggal 72. permohonan tersebut seolah-olah Akta Rekacipta dan sebarang Peraturan yang dibuat di bawahnya belum dimansuhkan.

Penggal 72. (4) Sebarang sijil pendaftaran yang dikeluarkan di bawah bab 4 dari Akta Rekacipta dan berkuatkuasa sejurus sebelum hari yang ditetapkan bab 116 atau dikeluarkan selepas hari tersebut menurut ceraiian (1), (2) atau (3) hendaklah terus berkuatkuasa dan paten yang disebut dalam sijil itu hendaklah disifatkan bagi maksud-maksud Perintah ini seolah-olah ia adalah suatu paten di bawah Perintah ini yang diberikan menurut suatu permohonan yang dibuat di bawah Perintah ini dan tuannya paten itu hendaklah dengan yang demikian mempunyai hak-hak, remedi-remedi, keistimewaan-keistimewaan dan obligasi-obligasi yang sama dan tertakluk kepada syarat-syarat yang sama (termasuk pembayaran sebarang bayaran yang ditetapkan di bawah bab 36), sebagai tuannya suatu paten di bawah Perintah ini tertakluk kepada pengubahsuaian-pengubahsuaian yang berikut —

(a) tempoh paten itu hendaklah ditarikahkan mulai dari tarikh paten itu di United Kingdom, Malaysia, atau Singapura, mengikut mana yang berkenaan, dan paten itu hendaklah, tertakluk kepada Perintah ini, terus berkuatkuasa selama 20 tahun mulai dari tarikh itu dan hanya selagi paten itu belum dibatalkan;

(b) pengubahsuaian-pengubahsuaian lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

(5) Suatu paten yang dikenakan ceraiian (4) hendaklah disifatkan bagi maksud bab-bab 14(3) dan 17(2) sebagai diberikan atas suatu permohonan dengan suatu tarikh memfailkan di bawah Perintah ini dan disiarkan di bawah Perintah ini.

(6) Tarikh memfailkan permohonan untuk suatu paten yang disebutkan dalam ceraiian (5), dan tarikh keutamaan suatu rekacipta atau perkara lain yang terkandung dalam permohonan itu, hendaklah ditentukan menurut peruntukan undang-undang yang boleh dikenakan berkenaan dengan paten.

Penggal 72. (7) Jika suatu perbuatan dimulakan sebelum hari yang ditetapkan Perintah ini dan terus dilakukan pada atau selepas hari tersebut, maka, jika ia tidak akan, di bawah Akta Rekacipta (dimansuhkan oleh Perintah ini), terjumlah kepada pelanggaran suatu paten atau keistimewaan-keistimewaan atau hak-hak yang berbangkit di bawah suatu spesifikasi, penerusan perbuatan itu pada atau selepas hari tersebut tidaklah terjumlah kepada pelanggaran paten itu atau keistimewaan-keistimewaan atau hak-hak tersebut.

{8} Pada hari yang ditetapkan bab 116, Daftar Paten yang disimpan di bawah bab 9 dari Akta Rekacipta yang dimansuhkan itu hendaklah dianggap menjadi sebahagian dari Daftar Paten yang disimpan di bawah Perintah ini.

Penggal 72.

Diperbuat pada hari ini 6 haribulan Jamadilakhir, Tahun Hijrah 1420 bersamaan dengan 16 haribulan September, 1999 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM